


**Jilid II
Bil. 11**



**Hari Selasa
27hb Mac, 1984**

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KEENAM
*Sixth Parliament***

**PENGGAL KEDUA
*Second Session***

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perancang Keluarga (Pindaan) [Ruangan 35]

**Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan)
[Ruangan 105]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- ” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO'SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P., (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN Awang BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K, A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUAN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOOI SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- ” TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T.,
P.J.K. (Ulu Nerus).
- ” TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- ” DATO’ HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N.,
A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- ” TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N.,
P.P.T. (Matang).
- ” DATO’ HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- ” TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- ” TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K.
(Kota Belud).
- ” TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S.
(Pontian).
- ” TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- ” TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- ” DATO’ HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J.,
S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- ” TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- ” TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- ” DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF,
P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- ” TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- ” DATO’ HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P.,
P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ,
P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.
(Padang Terap).

- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K.
(Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahaya Manap

Penyunting: P. B. Menon

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 27hb Mac, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PEJUANG MUJAHIDEEN DI
AFGHANISTAN—BANTUAN**

1. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah bantuan kebendaan yang negara kita telah beri setakat ini kepada pejuang-pejuang Mujahideen di Afghanistan selain daripada sokongan moral.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang itu, sukacita saya jelaskan bahawa perjuangan rakyat Afghanistan untuk membebaskan negara mereka dari pendudukan serta penjajahan haram serta penindasan tentera Soviet Union itu akan sentiasa mendapat sokongan dan bantuan yang berterusan dari Malaysia. Sokongan kita ini sama ada ianya kepada pejuang-pejuang Mujahideen ataupun kepada orang-orang pelarian Afghanistan tetap akan berterusan sehingga rakyat Afghanistan ini dikembalikan kedaulatannya.

Kerajaan dan rakyat Malaysia sehingga hari ini telah memberi berbagai-bagai sokongan, baikpun sokongan moral, diplomatik mahupun material kepada rakyat Afghanistan. Kita telah menyumbangkan sebanyak

\$647,000 lebih kurang kepada rakyat Afghanistan dan ini termasuklah sumbangan sebanyak \$150,000 yang diberi melalui OIC pada bulan Januari, 1980 dan juga sebanyak \$226,000 lebih kurang dalam bentuk ubat-ubatan pada bulan Jun, 1983. Bakinya adalah kutipan dari orang ramai melalui media massa di Malaysia dan juga Tabung Amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Bantuan ini jelas menunjukkan sokongan negara kita terhadap perjuangan rakyat Afghanistan. Sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan melalui OIC bukan sahaja sebagai menyahut seruan dan selaras dengan ketetapan OIC, bahkan lebih daripada itu, ianya adalah bagi memastikan bahawa sumbangan kita itu akan memajukan perjuangan rakyat Afghanistan.

Sukacita juga saya nyatakan bahawa sokongan kita bukan setakat itu sahaja. Baru-baru ini semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Pakistan kita telah menyatakan sokongan kita terhadap rakyat Afghanistan sendiri dan serentak dengan itu telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Malaysia telah meluluskan permohonan Perikatan Rakyat Afghanistan (Afghan-Alliance) untuk menubuhkan pejabatnya di Kuala Lumpur. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah memberi satu derma kilat sebanyak \$25,000 dalam masa lawatan tersebut. Langkah ini bukan sahaja telah memberi sokongan moral yang kuat kepada rakyat Afghanistan, bahkan juga akan membantu rakyat Afghanistan dalam perjuangan mereka menentang tentera Soviet Union serta mendapatkan kembali kedaulatan mereka.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh saya dapat tahu apakah bantuan material yang sangat-sangat diperlukan oleh orang-orang pelarian dan juga golongan Mujahideen dan sama ada Kerajaan bermaksud hendak menambahkan bentuk jumlah bantuan yang diberikan itu, iaitu \$647,000. Dari segi kiraan apa sekalipun adalah terlampau kecil. Jikalau ada maksudnya hendak menambah bantuan-bantuan itu, apakah bantuan material yang akan diusahakan lagi pada masa akan datang.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, jenis bantuan yang diperlui oleh pihak pejuang Afghanistan itu bergantung-lah sama ada bantuan itu diberi kepada pihak Mujahideen yang berjuang dalam negaranya ataupun oleh pihak pelarian yanguduknya di Pakistan. Jadi setakat ini bantuan-bantuan yang kita telah beri adalah berbentuk bantuan-bantuan kebajikan dan perikemanusiaan.

Mengenai sama ada bantuan ini akan ditambah atau tidak, perkara ini akan dikaji dari semasa ke semasa. Namun demikian, saya inginlah tegas bahawa perjuangan kita di meratarata forum antarabangsa untuk memajukan perjuangan rakyat Afghanistan ini adalah bersungguh-sungguh dan saya rasa penuh berkesan dan dari segi nilainya tak bolehlah saya rasa boleh dinilai.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri tadi memanglah Malaysia ini membantu negara-negara Islam, khususnya Afghanistan. Beliau tidak menyatakan selain daripada ubat-ubatan dan kewangan, yang sangat diperlukan ialah senjata. Senjata pada masa peperangan Vietnam itu saya dimaklumkan Malaysia telah menghantar senjata-senjata buruk, short-gun lama itu dihantar ke Vietnam, tetapi saya tak dengar khabar Malaysia menghantar senjata buruk atau baru ke Afghanistan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini rakyat Afghanistan tidak perlu bantuan yang serupa itu dari kita kerana saya rasa mereka sudah pun dapat sumber-sumber lain mengenai bantuan senjata. Apa yang mereka memerlukan dari kita adalah keperimanasian. Ini kita sedang pun ikhtiar memberikan kepada mereka setakat kemampuan mereka.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri membuat penilaian dari segi ketenteraan apakah kejayaan yang telah dicapai setakat ini oleh pihak Mujahideen?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, dari laporan-laporan yang kita terima memanglah pihak Mujahideen sedang-pun kata orang dapat kemajuan-kemajuan dan kejayaan-kejayaan yang besar dalam Afghanistan dan ini sedikit sebanyak sudahpun memberi satu ajaran kepada Soviet Union bahawa bukanlah semudah itu untuk mereka menakluki sebuah negara yang lain.

KAWASAN-KAWASAN MUNDUR DAN MISKIN

2. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan tentang 20 kawasan-kawasan paling mundur dan miskin di negara ini. Apakah aspek-aspek dan butir-butirnya dan apakah langkah untuk meningkatkan kemajuan kawasan-kawasan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat menyenaraikan satu persatu kawasan yang tersangat miskin kerana ia adalah bergantung kepada beberapa faktor. Misalnya apakah yang dimaksudkan sebagai kawasan, adakah ianya negeri, wilayah, daerah atau mukim, pekan,

kampung atau sebagainya. Selain daripada itu takrif kemiskinan dan kaedah kajian juga mempengaruhi kita dalam menentukan golongan dan kawasan yang dianggap miskin. Angka pendapatan juga tidak dapat diterima sebagai tepat dalam semua keadaan untuk mengatakan seseorang itu miskin.

Sebagai contoh, seorang yang berpendapatan \$200 sebulan tetapi tidak perlu membayar sewa dan tidak payah menanggung sara hidup sesiapa pun yang lain, tentulah lebih selisa hidupnya daripada seorang yang mempunyai pendapatan \$600 tetapi perlu membeli berbagai makanan termasuk juga pucuk ubi dan jantung pisang untuk menyara 2 atau 3 orang anak yang bersekolah dan juga isteri serta mesti pula membayar sewa rumah sebanyak \$200 sebulan. Oleh itu, kita janganlah terlalu terpesona ataupun ghairah dengan kemiskinan sebagai sensasi sehingga tidak memperhitungkan beberapa aspek lain yang relevant juga.

Dengan penjelasan dan peringatan itu iaitu dalam takrif dan tafsiran kemiskinan, pihak Kerajaan telah dapat mengadakan satu gambaran kasar atau satu data kemiskinan berasaskan kajian pada tahun 1976. Kajian itu menunjukkan bahawa dari segi taburan 20 daerah termiskin, 6 terdapat di Kedah, 2 di Perak dan 2 juga di Sabah. Ciri-ciri am yang ditemui termasuklah daya pengeluaran pekebun atau petani dalam kebun yang rendah di daerah-daerah Semenanjung kerana keluasan yang rendah manakala di Sarawak dan Sabah pula kerana corak pertanian berpindah dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain.

Langkah-langkah yang diambil adalah banyak dan beraneka seperti yang seringkali dihuraikan dari masa ke semasa dalam laporan dan juga dalam jawapan di Dewan ini. Beberapa projek dan program seperti pembangunan pertanian setempat, pembukaan tanah baru dan lain-lain khidmat sokongan untuk meningkatkan daya pengeluaran petani dan

pesawah akan diteruskan. Walau bagaimanapun Kerajaan akan menegakkan cara-cara atau pendekatan supaya usaha-usaha tersebut akan lebih berkesan iaitu dengan menjayakan sikap jayadiri ataupun, dengan izin, self-reliance, kerjasama dan juga rajin.

Oleh itu, pengelompokan kebun-kebun akan terus dicuba supaya petani dapat mengecap faedah ekonomi pembedaan (economies of scale). Lain-lain usaha untuk mengurangkan tekanan terhadap tanah seperti mengadakan kerja sampingan dan mendorong atau memindahkan pekerja dari kawasan yang terlalu padat untuk pertanian di kawasan atau sektor lain pula. Percubaan-percubaan untuk mengadakan estet padi sedang dilaksanakan termasuk kaedah pengurusan yang dilakukan bukan sahaja oleh agensi Kerajaan tetapi yang hanya sekadar menjalin dengan erat kerjasama antara Kerajaan dan agensi-agensi swasta.

Oleh itu saya inginlah menegaskan bahawa keazaman Kerajaan untuk mengatasi kemiskinan tidak akan berhasrat kecuali ada sumbangan dan sikap yang positif di kalangan semua pihak termasuklah petani, pesawah dan agensi-agensi awam mahupun agensi swasta.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyatakan salah satu sebab mengapa kawasan itu dikatakan miskin ialah kerana daya pengeluaran pekebun dan petani yang rendah. Pada saya ianya bererti bahawa tanah di kawasan-kawasan tersebut tidak subur. Contohnya, kalau di tempat saya tanah itu dikategorikan sebagai tanah kelas empat ataupun tanah beris di mana tanaman-tanaman tidak dapat hidup subur dan akibatnya hasil pengeluaran pertanian itu rendah. Jadi jika sekiranya perkara itu benar, apakah langkah-langkah yang boleh dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kesuburan tanah itu?

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengatasi masalah kesuburan tanah dengan memberi subsidi baja dan sebagainya, pihak Kementerian sedang mewujudkan industri kampung dan juga menggalakkan penduduk-penduduk di luar bandar untuk menceburkan diri dalam industri kraftangan dan Kerajaan juga sedang menggalakkan penduduk-penduduk di luar bandar untuk mengadakan koperasi dan juga Koperasi Pembangunan Kampung, Koperasi Pembangunan Daerah dan kita juga akan melancarkan Koperasi Pembangunan Negara. Ini semua bertujuan untuk meninggikan lagi taraf ekonomi penduduk-penduduk di luar bandar yang mana kita dapati kawasan-kawasan pertanian mereka tidak dapat disuburkan dengan cara yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

KONFLIK ASIA BARAT— PERANAN MALAYSIA

3. Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan-peranan tertentu yang dimainkan oleh Malaysia dalam mencapai hak asasi rakyat Palestin serta mencari penyelesaian yang adil dan saksama terhadap konflik di Asia Barat, dan apakah hasil dari peranan yang dimainkan oleh Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tersebut, ingin saya menegaskan bahawa sejak awal tahun 1950an lagi iaitu semasa kita memperjuangkan kemerdekaan lagi, pemimpin-pemimpin kita bukan sahaja telah melahirkan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin itu malah telah berusaha terus menerus sehingga ke hari ini untuk mencari satu penyelesaian politik yang adil terhadap soal tersebut.

Sebagaimana yang kita sedia maklum Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada suatu persidangan antarabangsa mengenai soal Palestin ini bagi zon Asia dan Pasifik tempoh

hari di mana kita telah mengemukakan satu rancangan tindakan (plan of action) yang mengandungi di dalamnya satu maknanya nitu jangan lah sive bagi penyelesaian secara politik soal Palestin ini. Rancangan Tindakan Kuala Lumpur ini yang diterima sebulat suara oleh persidangan tersebut telah dibawa pula kemudiannya ke suatu persidangan antarabangsa mengenai soal yang sama di Geneva di mana formula kita itu dengan pindaan yang kecil-kecil telah mendapat sokongan dari 138 buah negara termasuk PLO dan pemimpinnya Yaser Arafat sendiri. Rancangan tindakan ini sekarang dipertanggungjawabkan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu untuk dilaksanakan.

Di samping itu kita telah juga memainkan peranan penting dalam memulihkan kembali perpaduan Islam yang sejak beberapa tahun kebelakangan ini nampaknya retak dengan penggantungan Mesir sebagai ahli dalam OIC. Kita telah berusaha membawa Mesir kembali ke OIC di Sidang Kemuncak Islam di Casablanca kerana kita sedar perpecahan dalam dunia Islam ini akan hanya merugikan negara-negara Islam sendiri dan juga kita yakin Mesir akan dapat memainkan peranan yang positif di dalam OIC serta sebagai hubungan dalam rundingan dengan pihak-pihak yang terlibat terutamanya Amerika Syarikat dalam mencari suatu penyelesaian politik terhadap konflik Asia Barat khususnya mengenai soal Palestin.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Menteri Luar Negeri semasa ucapannya dalam Dewan yang mulia ini pada 15hb Mac, 1984, pihak Yasser Arafat sendiri telah meminta Malaysia meneruskan usaha-usaha kita dalam mencari suatu penyelesaian politik mengenai soal Palestin ini. Oleh itu kita sekarang sedang pun mengadakan berbagai-bagai perbincangan serta menaja idea Yaser Arafat ini dengan negara-negara lain iaitu mencari suatu penyelesaian secara politik mengenai soal ini termasuk penubuhan suatu Confederation dengan Jordan dan dengan melibatkan pula

kuasa-kuasa besar terutamanya anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan PBB dalam segala usaha-usaha ini.

Dengan ini adalah jelas menunjukkan bahawa PLO dan Yasser Arafat mempunyai kepercayaan penuh terhadap Malaysia dan beliau percaya bahawa Malaysia dapat memainkan peranan yang positif dan berkesan dalam mencari suatu penyelesaian mengenai soal Palestin ini.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar mengatakan bahawa rancangan tindakan Kuala Lumpur telah juga dibawa kepada persidangan di Geneva di mana 138 buah negara telah bersetuju dengan rancangan tindakan Kuala Lumpur. Saya ingin tahu oleh kerana hak rakyat Palestin adalah sah, sejauh manakah rancangan tindakan Kuala Lumpur itu telah dibawa oleh pihak negara kita ke Bangsa-bangsa Bersatu supaya tindakan itu dapat dilaksanakan dengan lebih cepat lagi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Usaha Bangsa-bangsa Bersatu untuk melaksanakan formula Malaysia ini telah diterima dalam Persidangan antarabangsa itu sekarang terbantut sekejap oleh sebab sengketa sesama mereka sendiri. Insya Allah, apabila perkara ini dapat diselesaikan, kita akan meneruskan usaha-usaha kita itu.

RASUAH—KAKITANGAN JABATAN YANG TERLIBAT

4. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sepuluh Jabatan-jabatan Kerajaan yang kakitangannya sering terlibat dalam kes-kes rasuah; dan
- (b) bilangan kes rasuah yang dilaporkan dan didakwa ke mahkamah mengenai sepuluh

buah Jabatan-jabatan yang berkenaan bagi tahun 1982 dan 1983 dengan memberi angka-angka berasingan.

- (c) bilangan pencari fail di pejabat-pejabat Tanah yang didakwa kerana amalan rasuah bagi tempoh 1978-1983 dengan memberi angka-angka pecahan mengikut tahun; dan
- (d) sama ada biro Pencegah Rasuah akan menubuhkan pusat-pusat Penerimaan Panggilan Telefon di tiap-tiap negeri supaya kes-kes rasuah yang memerlukan tindakan serta-merta boleh dibentasi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pertanyaan (a) dan (b) daripada Ahli Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan bahawa memang ada kakitangan Kerajaan yang terlibat dengan kes-kes rasuah. Tetapi penglibatan mereka itu tidaklah seharusnya dihubungkan dengan jabatan-jabatan di mana mereka berkhidmat. Oleh itu, amat tidak wajar untuk Kerajaan menyenaraikan nama-nama jabatan-jabatan yang mana ramai sekali pegawai serta kakitangannya terlibat dengan kes-kes rasuah demi menjaga imej dan moral sebahagian besar daripada pegawai-pegawai dan kakitangan yang tidak terlibat dalam amalan rasuah serta menjaga ketuhanan dan imej jabatan-jabatan berkenaan. Atas alasan ini soal menamakan 10 Jabatan-jabatan yang kakitangannya sering terlibat dalam kes rasuah tidaklah timbul.

Mengenai soalan (c), tidak ada pencari fail Pejabat Tanah yang didakwa kerana amalan rasuah bagi tempoh 1978-1983. Manakala mengenai pertanyaan (d) sukalah saya memaklumkan bahawa Badan Pencegah Rasuah pada satu masa dahulu pernah melaksanakan program menempatkan seorang Pegawai Petugas selama 24 jam di ibu pejabat, khas untuk melayan dan mengambil apa-apa maklumat yang akan disampaikan oleh orang awam berkaitan dengan sesuatu amalan rasuah yang berlaku.

Walau bagaimanapun, program itu tidak mendapat sambutan yang memuaskan dari orang awam. Memandangkan program tersebut tidak mendapat sambutan dari orang ramai, maka Badan Pencegah Rasuah melaksanakan satu program baru dengan menempatkan seorang Pegawai Petugas khusus di tiap-tiap pejabat Badan Pencegah Rasuah Negeri, khas untuk menerima segala maklumat yang hendak disampaikan oleh orang ramai berkaitan dengan amalan rasuah untuk membolehkan tindakan susulan diambil dengan serta merta. Walau bagaimanapun, program ini sekarang dilaksanakan pada waktu pejabat sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut, Pegawai-pegawai Kanan di ibu pejabat Badan Pencegah Rasuah dan juga di pejabat-pejabat Badan Pencegah Rasuah Negeri dibekalkan dengan telefon di rumah masing-masing. Oleh itu mana-mana orang awam yang hendak menyampaikan apa-apa maklumat berkaitan dengan amalan rasuah yang telah dilakukan oleh seseorang bolehlah menghubungi Pegawai-pegakai Kanan tersebut bila-bila masa selepas waktu pejabat supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil dengan serta merta.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan selain daripada mendapat maklumat mengenai rasuah di jabatan Kerajaan, bolehkah beliau menyatakan bagaimanakah seseorang boleh membuat laporan tentang rasuah di sekitar swasta iaitu firma-firma komersial dan bolehkah orang ramai membuat laporan di balai polis atau terus dengan satu badan yang ditetapkan di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti yang saya terangkan tadi terdapat seorang Pegawai Petugas khusus di tiap-tiap Pejabat BPR Negeri untuk menerima segala maklumat daripada orang awam berkenaan dengan menyalahguna kuasa dan juga

rasuah yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan ataupun pegawai-pegawai yang berkhidmat di pejabat swasta. Saya berharap Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan perkara ini kepada mereka yang berkenaan supaya berhubung dengan mana-mana pegawai di Pejabat Pencegah Rasuah Negeri.

DASAR KABOTAJ 1980

5. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kementerian melalui Dasar Kabotaj 1980, ingin bekerjasama dengan Perbadanan Pelancungan Negara, bagi mengadakan perkhidmatan (service) pangangkutan Ferry secara memuaskan bagi mengangkut penumpang-penumpang dan kargo-kargo di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (coastal service); dan
- (b) adakah apa-apa rancangan oleh pihak Kementerian untuk bekerjasama dengan perbadanan Kemajuan Pelancungan, bagi mengadakan sistem pangangkutan ini, maka bilakah sistem ini akan diimplimentasikan secara sepenuhnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya Kerajaan telah pun mempersetujui untuk mengadakan perkhidmatan ferry antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi tujuan mengangkut penumpang-penumpang dan juga kargo-kargo di antara ketiga-tiga wilayah ini. Ejen yang sedang melaksanakan perkhidmatan ferry ini ialah Perbadanan Nasional Shipping Line Berhad (PNSL) iaitu perkapalan kita yang kedua. Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji cara yang paling berkesan bagi melaksanakan perkhidmatan ferry ini yang diberi nama Feri Malaysia. Kerjasama dengan pihak Perbadanan Pelancungan Negara tentu sekali diperlukan bagi menggalakkan pelancungan di antara Semenanjung, Sabah dan

Sarawak. Satu jawatankuasa pemandu telah pun ditubuh untuk membuat kajian terperinci mengenai aspek-aspek tertentu dan masalah-masalah dalam pelaksanaan projek perkhidmatan feri Malaysia ini. Ini meliputi kajian permintaan (demand), penggunaan feri oleh berbagai ejensi seperti Polis dan terutama sekali tentera, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan lain-lain pihak. Kemudahan teknik di pelabuhan-pelabuhan yang akan menerima perkhidmatan feri ini serta aspek-aspek kewangan untuk membiayai projek ini juga sedang diperhitungkan.

Sukalah saya menambah sedikit, adalah dijangka bahawa selain daripada orang ramai atau rakyat biasa Malaysia, angkatan tentera kita juga akan menggunakan feri kita itu. Pergerakan-pergerakan pasukan tentera kita di antara Semenanjung, Sarawak dan Sabah adalah begitu kerap dan ramai pada tiap-tiap tahun. Pada masa ini pihak tentera menyewa kapal-kapal laut, termasuk kapal laut kepunyaan asing, untuk mengangkut pasukan kita. Apabila tentera menggunakan Feri Malaysia maka ini akan menjimatkan belanja kerana Feri Malaysia itu adalah kepunyaan Kerajaan Malaysia sendiri. Selain daripada itu orang ramai atau rakyat biasa akan berpeluang lebih luas berkenal-sua dan berganding bahu dengan tentera negara kita apabila mereka bersama-sama belayar dan menggunakan Feri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya masalah-masalah tersebut boleh diatasi, perkhidmatan Feri Malaysia mungkin dapat dilaksanakan, kira-kira pertengahan tahun hadapan.

AKTA UNIVERSITI DAN MAKTAB—MEMINDA

6. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bertujuan mengkaji semula dan meminda Akta Universiti-universiti dan Maktab-maktab Universiti, khususnya bahagian-bahagian yang berkaitan dengan sekatan-sekatan penyertaan

kakitangan akademik dan pelajar-pelajar dalam kegiatan-kegiatan politik. Kalau tidak, mengapa. Adakah beliau sedar bahawa akibat daripada sekatan-sekatan itu:

- (a) pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dalam tempoh 8-10 tahun kebelakangan ini telah menjadi bukan sahaja kurang aktif dalam pertubuhan-pertubuhan pelajar, tetapi juga bersikap kurang peduli (apathetic) tentang pembangunan politik dan sosio-ekonomi dalam negara; dan
- (b) para kakitangan akademik juga telah menjadi bimbang tentang penglibatan dalam politik dan pembentangan kritikan-kritikan yang membina.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar akan cadangan ini tetapi belum bertujuan meminda Akta ini tanpa meneliti faktor-faktor yang mana Akta ini diadakan. Kementerian Pelajaran merasakan bahawa Akta ini berjalan dengan baik, umpamanya, dari segi pengurusan dan pentadbiran institusi-institusi Pengajian tinggi di dalam negeri, Kementerian sentiasa berhubung rapat dengan pihak Naib Canselor dan pihak-pihak berkuasa mengenai pengajian tinggi dan mengenai perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

- (a) Pelajar-pelajar telah pun diberi galakan dan kemudahan-kemudahan untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang sihat dan membina. Kementerian tidak bersetuju terhadap pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa pelajar-pelajar kita kurang aktif sama ada dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dalam kampus mahupun mengenai kesedaran mereka tentang keadaan politik dan sosio ekonomi negara.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat para kakitangan akademik tidak perlu bimbang untuk menyatakan pandangan atau kritikan yang membina

kepada Kerajaan kerana Kerajaan sentiasa mempunyai sikap terbuka dan toleransi dalam hal ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa beberapa kegiatan termasuk seminar-seminar di Universiti-universiti seperti Universiti Malaya kurang minatnya yang nampak kerana saya sentiasa ada di situ dijemput untuk menyertai sebagai ahli panel. Adakah Yang Berhormat sedar kekurangan minat ini? Dan berapakah tempoh yang dikehendaki untuk mengkaji semula, selepas tahun 1975 itu, 9 tahun sudah; tempoh ini tidak cukupkah untuk mengkaji semula Akta ini?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, bergantung kepada tajuk aktiviti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Mungkin juga, termasuk Ahli Yang Berhormat itu juga, kurang membuat penyampaian yang baik sehingga tidak menimbulkan minat. *(Ketawa)* Dan kita harap oleh kerana memang kita membenarkan orang seperti Ahli Yang Berhormat juga menyampaikan ceramah di universiti lain kali cuba tingkatan penyampaian. *(Ketawa)*.

Yang kedua, walaupun Akta ini seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat berlangsung selama untuk mengekalkan keadaan yang 9 tahun kita masih memandang perlu ada.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi sekarang ini kebanyakannya pandai berteorji hasil dari pembacaannya tetapi tidak menjadi seorang ahli politik. Apakah Kerajaan bercadang menawarkan sebagaimana dikatakan "dasar pintu terbuka" kepada pensyarah-pensyarah di pusat pengajian tinggi menceburkan diri dalam politik dengan memijak kaki kedua-dua belahnya

sekali ke lapangan politik dan mempraktikkan teori yang dibacanya itu supaya tidak akan tergendala tugas yang Kerajaan membayar gaji kepadanya?

Dan apakah pihak Kerajaan dapat menemui beberapa kekurangan, misalnya kekurangan dalam mendapati penuntut-penuntut yang berke-mempinan ataupun pelajar-pelajar yang mempunyai kebijaksanaan yang baik setelah Akta ini wujud selama 10 tahun, jika kita membandingkan sebelum Akta ini wujud?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka kita mengetahui dunia akademik di universiti sudah tentulah bacaan, mahupun research, dengan izin, merupakan aktiviti penting bagi meningkatkan mutu pelajaran oleh pensyarah-pensyarah kita Jadi memang biasalah untuk umpamanya, pensyarah-pensyarah dalam memberi cadangan menyelesaikan satu perkara pihak-pihak pensyarah mengeluarkan teori-teori dan hal ini adalah sihat oleh kerana lagi luas pandangan-pandangan yang diberikan, ini bermakna dari segi ilmiah lagi tinggi mutu pengajian yang dapat diturunkan kepada pelajar-pelajar kita.

Dan dari segi soal kedua yang ada berkaitan dengan sama ada teori-teori yang dikeluarkan oleh pensyarah-pensyarah kita sepatutnya diamalkan kepada peringkat politik. Saya ingin menyatakan di sini setakat ini memang pensyarah-pensyarah kita tidak boleh berkecimpung secara aktif di dalam bidang politik. Walau bagaimanapun bagi mereka yang ingin berbuat demikian seperti menyahut seranan daripada Ahli Yang Berhormat sudah tentulah mereka terpaksa membuat pilihan sama ada hendak menjadi seorang academician ataupun mahu menjadi seorang politikus—seorang ahli politik. Jadi apabila mereka sudah menjadi seorang ahli politik, dengan itu mungkin juga seseorang pensyarah itu boleh mengamalkan teori-teori yang ada.

Bab yang ketiga sama ada kita menghadapi kekurangan oleh kerana kita mempunyai Akta yang hampir 10 tahun diadakan, saya dapati tidak ada kekurangan dari segi perkembangan universiti walaupun Akta ini ada, umpamanya dari segi penambahan pengambilan pelajar, perkembangan universiti itu sendiri, pertambahan kursus-kursus yang dapat dikeluarkan, peningkatan mutu setengah-setengah kursus yang dapat diwujudkan. Ini semua tidak menghadapi masalah. Bahkan boleh saya katakan segalanya berjalan dengan baik seperti yang kita rancangkan.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa Kerajaan selalu menghubungi pihak-pihak berkuasa universiti bagi mendapatkan pandangan mengenai suasana di universiti itu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah pandangan suasana yang terakhir yang diterima oleh pihak berkuasa universiti-universiti mengenai kesan Akta Universiti Kolej ini?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi Kementerian sentiasa berhubung dengan pihak Naib-Naib Canselor Universiti, dengan pihak Majlis Universiti yang mana juga selalu berhubung membincangkan sesuatu dengan pihak Yang Berhormat Menteri. Kita juga mempunyai pegawai-pegawai yang membantu Naib-Naib Canselor Universiti seperti Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) umpamanya.

Jadi daripada "input" ataupun maklum balas yang kita dapat termasuk perbincangan kita dengan pihak-pihak yang lain yang melibatkan pelajar dan sebagainya menunjukkan bahawa kita tidak mempunyai masalah untuk meneruskan Akta Universiti ataupun kita tidak mempunyai masalah untuk mengekalkan keadaan yang ada sekarang.

BUAH-BUAHAN DUSUN— MENINGKATKAN PENGELUARAN HASIL

8. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan-rancangan positif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi memajukan semula dan meningkatkan hasil pengeluaran buah-buahan dsun yang terdapat di kawasan-kawasan kampung seluruh negara ini mengandungi pokok yang telah tua dan tidak berupaya mengeluarkan hasil yang memuaskan, sama ada Kementerian bercadang meninggikan hasil pendapatan petani-petani dan juga menampung kekurangan hasil buah-buahan tempatan di negara ini dengan melaksanakan satu rancangan penanaman semula.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan positif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk membaiki pengeluaran dan meninggikan kualiti buah-buahan tertentu ialah menggalakkan petani-petani menanam jenis-jenis buah-buahan terpilih mengikut zon-zon yang telah dikenalpasti, mengamalkan kaedah-kaedah "kulturakebunan" dan "pengurusan ladang" yang lebih sempurna dan mengusahakan dusun secara komersial mengikut konsep kelompok atau estet mini. Nasihat dan tunjuk ajar yang berkesan akan terus diberi kepada petani menerusi sistem perkembangan 2L. Di samping itu aktiviti-aktiviti berkenaan yang dijalankan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian, FAMA, LLP dan MARDI akan dirancang bersamadan diselaraskan.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, sama ada Kerajaan berhajat menubuhkan pusat-pusat pungutan buah-buahan di mana hasil para petani boleh diselaraskan demi memastikan harga buah-buahan adalah stabil dan juga untuk mengelakkan para petani kita daripada dieksplotasikan oleh orang-orang tengah?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi seperti FAMA dan juga Pertubuhan-pertubuhan Peladang sendiri iaitu NAFAS digalakkan mengambil inisiatif membantu penanam-penanam buah-buahan untuk memasarkan buah-buahan mereka.

Cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah salah satu yang sentiasa difikirkan dan di mana keadaan mengizinkan langkah itu dilaksanakan.

PERUMAHAN BAGI KAKITANGAN ASING

8. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah cara tindakan yang Kerajaan boleh ambil apabila berlakunya kes-kes di mana Syarikat-syarikat asing yang besar apabila memperolehi tanah di bawah Kanun Tanah Negara untuk membina perumahan bagi kakitangan asing akan kemudiannya menjadikan sebagai rumah untuk disewa kepada umum apabila kakitangan asing pulang ke negara masing-masing.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara yang berkuatkuasa sekarang, seseorang yang berumur 18 tahun ke atas dan mana-mana syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1960 atau Pertubuhan, atau Badan yang dibenarkan oleh memorandum atau Undang-undang Tubuhnya memiliki tanah, adalah dibolehkan memiliki tanah bagi semua kategori kegunaan tanah yang ada.

Seseorang individu, Pertubuhan atau Badan yang berkenaan juga mempunyai hak untuk melakukan sebarang urusniaga di atas mana-mana tanah yang dimilikinya sama ada dalam bentuk pindah milik, gadaian, pajakan atau sewaan kepada pihak-pihak yang lain.

Langkah menyewakan rumah-rumah yang dikosongkan itu bukanlah suatu pelanggaran syarat yang substantive,

dengan izin, atau nyata. Pihak berkuasa negeri hanya berlunas kepada syarat di bawah katetgori bangunan semasa tukar syarat tanah dikemukakan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Momamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa terdapat tanah milik-milik asing yang tidak membayar hasil sehingga beberapa tahun, tetapi masih lagi menjadi hakmiliknya. Jadi apakah pihak Kerajaan boleh mengambil balik tanah tersebut supaya menjadi hak Kerajaan dan;

Adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai angka-angka bagi menyatakan keluasan tanah dalam negara kita yang ada sekarang ini, yang masih lagi menjadi milik orang-orang asing atau syarikat-syarikat asing, kalau tidak angka-angkanya, peratusannya.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terkandung dalam penjelasan bagi meminda Kanun Tanah Negara yang insya Allah akan dibentangkan di Dewan ini. Walau bagaimanapun berhubung dengan pemilikan tanah oleh pihak-pihak atau warganegara asing yang tidak dijelaskan cukai-mukainya, senarai ini adalah didapati pada Kerajaan-Kerajaan Negeri masing-masing.

Walaupun bagaimanapun, dapatlah saya beri gambaran am bahawa syarikat-syarikat asing yang memiliki tanah ini, mereka telahpun menjelaskan cukai-mukai ataupun bayaran-bayaran yang dikuatkuasakan di bawah Kanun Tanah Negara.

Ada dua kes yang terdapat di negeri Johor pada tahun 1983 yang bayaran cukainya tidak dilangsaikan dan tindakan telahpun diambil.

Bagi menjawab perenggan terakhir soalan Ahli Yang Berhormat itu Tuan Yang di-Pertua, setakat ini lebih kurang 48,000 hektar tanah di negara ini adalah di bawah pemilikan asing.

SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PEA WHA/JAYA BAKTI SANDAKAN

9. Tuan Hassan Alban bin Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar Sekolah Rendah Kerajaan Pea Wha Sandakan dan Sekolah Rendah Kerajaan Jaya Bakti Sandakan terdapat bangunan-bangunan di kedua-dua sekolah itu sudah usang dan merbahaya kepada murid-murid. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah yang sudah berlarutan ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sememangnya sedar bahawa terdapat sekolah-sekolah yang usang dan merbahaya kepada murid-murid. Usaha-usaha telah dibuat untuk membaiki dan menggantikan sepenuhnya sekolah-sekolah tersebut, termasuklah Sekolah Rendah Kerajaan Pea Wha Sandakan dan Sekolah Rendah Kerajaan Jaya Bakti Sandakan. Walau bagaimanapun Kementerian akan membaiki sekolah-sekolah tersebut peringkat demi peringkat mengikut kemampuan peruntukan yang ada.

BUTA HURUF RAKYAT MALAYSIA

10. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah masalah buta huruf tidak lagi dibangkit dan adakah ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia tidak buta huruf sekarang.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1960 iaitu tiga tahun selepas negara mencapai kemerdekaan jumlah bilangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu Semenanjung ialah 7,107,000 orang. Dari jumlah itu seramai 1,868,948 orang dianggap buta huruf, manakala seramai 2,379,213 orang yang lain dalam keadaan separuh buta huruf, dengan izin, semi-illeterate iaitu tidak boleh membaca dan menulis Rumi, hanya boleh membaca dalam bahasa ibunda mereka sahaja.

Dalam tahun 1961, sekali gus dengan pelancaran Rancangan Buku Merah, Rancangan Pembangunan Luar Bandar, maka Kerajaan telah melaksanakan Program Pelajaran Dewasa secara besar-besaran dengan tujuan membasmi buta huruf di kalangan penduduk negara ini. Program ini dijalankan berterusan oleh Kerajaan meliputi negeri Sabah dan Sarawak terutamanya melalui kelas-kelas dewasa yang dilaksanakan oleh Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Dalam bncian penduduk tahun 1980, maka penduduk Malaysia berjumlah 13,745,200 orang. Laporan bncian itu juga telah mengesahkan bahawa 75% daripada keseluruhannya bilangan penduduk Malaysia telah mencapai tahap kenal huruf. Seramai 25% lagi penduduk negara ini yang masih buta huruf itu adalah mereka dari kawasan-kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sebahagian besar daripada mereka ini terdiri daripada kaum wanita dan berumur 50 tahun ke atas. Jika diambil Semenanjung berasingan, maka Program Pelajaran Dewasa yang dijalankan oleh Kerajaan telah menampakkan kejayaan yang nyata.

Dari jumlah penduduk Semenanjung seramai 11,420,600 orang dalam tahun 1980, maka 90% daripada mereka adalah kenal huruf berbanding dengan keadaan tahun 1960 di mana lebih daripada 50% dari penduduk 7,107,000 itu buta huruf.

Pada hari ini Program Pendidikan Kenal Huruf sedang dijalankan dengan bersungguh-sungguh oleh Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di seluruh negara terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Bilangan Kelas-kelas Pendidikan Buta Huruf yang sedang dijalankan di Sabah ialah 234 kelas dan di Sarawak 104 kelas. Selain daripada itu bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran sedang diperbanyak dan dipertingkatkan sebagai satu langkah positif untuk mengekalkan kemahiran mereka yang

baru kenal huruf (newly literate), maka Program Pendidikan Lanjutan dijalankan seperti Khutubkanah Desa dan Kelas-kelas Ekonomi Rumah tangga dan lain-lain kegiatan kemasyarakatan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kebanyakan daripada penduduk-penduduk Malaysia ini kenal huruf, tetapi nampaknya kebanyakan daripada mereka itu kurang berminat untuk membaca, maka oleh itu dilancarkan Kempen Membaca. Bolehkah Timbalan Menteri menerangkan apakah hasil-hasil yang spesifik yang telah didapati daripada kempen ini dan berapakah perbelanjaan yang terlibat?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, peringkat yang saya nyatakan ialah Kempen Membaca, yang melibatkan masalah ada masyarakat yang masih buta huruf. Kita juga melaksanakan baru-baru ini satu lagi Kempen Membaca. Jadi perkara yang kedua ini dimaksudkan dengan Yang Berhormat hendak menanyakan peruntukan dan sebagainya, saya memerlukan notis.

EKSPORT NENAS KALENGAN

11. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan negara-negara manakah yang banyak mengimport nenas dalam tin dari negara kita mengikut susunan dan jumlahnya. Negara-negara mana pula yang menjadi persaingan dalam hal mengeksport nenas dalam tin ini. Apa-apakah ikhtiar negara untuk mengatasi persaingan itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1983, jumlah eksport nenas kalengan dari Malaysia adalah berjumlah 1,196,660 peti piawai, satu peti piawai, dengan izin, standard case dan satu standard case ialah 45 lb bernilai lebih kurang \$5.75 juta. Pasaran-pasaran utama

nenas kalengan dari Malaysia mengikut susunan dan jumlahnya adalah seperti berikut:

Negara	Jumlah Eksport	Nilai Eksport
	(Peti (M\$ juta) Piawai)	
United Kingdom	384,370	13.5
Amerika Syarikat	381,100	9.8
Arab Saudi ...	224,930	6.0
New Zealand ...	180,500	5.6
Jepun	174,600	5.7
Republik Arab Yeman	112,630	2.9
Jerman Barat ...	88,780	3.1
Emirates Arab Bersatu	82,220	2.5
Singapore ...	79,260	2.1
Kuwait	52,660	1.6
Lain-lain Negara	155,610	4.7
	<u>1,916,660</u>	<u>57.5</u>

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang menjadi persaingan utama nenas kalengan dari negara ini ialah Thailand dan Filipina. Di samping itu, Kenya dan Ivory Coast juga secara tidak langsung bersaing rapat dengan nenas Malaysia, terutamanya di pasaran EEC disebabkan pengecualian tarif kepada negara-negara tersebut.

Beberapa ikhtiar telah dan akan dijalankan bagi mengatasi masalah-masalah persaingan dengan negara-negara pengeluar nenas kalengan yang lain merangkumi ikhtiar-ikhtiar untuk meningkatkan produktiviti buah nenas di peringkat ladang, terutama sekali sektor kebun kecil di samping ikhtiar-ikhtiar di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan nenas kalengan dari negara ini dapat bersaing dengan nenas dari negara-negara pengeluar yang lain, di peringkat ladang Kerajaan telah melancarkan beberapa rancangan seperti rancangan tanam semula nenas, rancangan subsidi baja, perkhidmatan perkembangan dan lain-lain khidmat sokongan kepada pekebun-pekebun kecil nenas bagi menjamin buah-buah

yang dihasilkan adalah bermutu. Di samping itu usaha-usaha pembiakan baka nenas baru yang dihasilkan oleh MARDI yang diberi nama "Hybrid 1" sedang giat dijalankan di stesen pembiakan Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu (MPIB) untuk dikaji kesesuaiannya sebelum diedarkan kepada pekebun-pekebun kecil untuk ditanam secara meluas.

Tuan Yang di-Pertua, baka "Hybrid 1" ini adalah hasil kacukan di antara baka nenas jenis "Smooth Cayenne" dengan "Singapore Spanish" yang mempunyai beberapa kelebihan dari segi saiz, kadar pemulihan (recovery rate) dan kandungan gula serta tahan terhadap serangan penyakit, berbanding dengan jenis "Mas Merah" yang ditanam sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa pula Kerajaan giat berusaha untuk mengurangkan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif yang dihadapi di pasaran luar negeri, seperti di pasaran EEC. Di pasaran Jepun, kita akan terus berusaha untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Jepun untuk menambahkan kuota importnya. Di pasaran Amerika Syarikat, dari usaha-usaha yang berterusan akhirnya Kerajaan Amerika Syarikat telah melonggarkan peraturannya di mana nenas kalengan dari negara kita berjenis "cubes" telah dibenarkan memasuki pasaran Amerika Syarikat sejak awal tahun 1983.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama sebentar tadi begitu banyak pengeluaran nenas dari negara ini ke luar negeri. Setahu saya Negeri Johor adalah sebuah negeri yang mengeluarkan nenas. Adakah Kerajaan bercadang untuk menggalakkan penanaman nenas di seluruh negara dan mendirikan kilang-kilang.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebelum cadangan untuk giat meluaskan tanaman nenas, saya rasa rancangan Kerajaan pada masa ini harus dikenalpasti akan

hasilnya supaya jangan nanti kita membuat rancangan yang membabitkan buta yang hasilnya kita tidak mengetahui. Pada masa inipun memang Kerajaan berusaha untuk terus meningkatkan mutu pengeluaran pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaannya jikalau saya tak silap sama ada di negeri-negeri lain daripada Johor pun hendak digalakkan tanaman nenas juga.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Memanglah usaha Kerajaan ke arah itu tetapi yang saya sebutkan ialah untuk membuktikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa memang ada wujud industri yang memproseskan ini, saya rasa penitikberatan itu di Negeri Johor.

KHUTUB KHANAH—BILANGAN

12. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan berapakah bilangan khutub Khanah dalam negara ini dan juga bilangan yang dicadang dibina memandangka kepada dakwaan-dakwaan bahawa minat membaca orang-orang Malaysia kurang memuaskan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, jumlah perpustakaan dalam negara ini yang sedia ada dan dikendalikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, Perbadanan-perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dan Majlis-majlis Perbandaran dan Daerah ialah:

Semenanjung	Malaysia	43
Sabah	...	20
Sarawak	...	41

Selain dari jumlah perpustakaan yang dibutirkan ini terdapat juga khutub khanah desa yang dikendalikan oleh KEMAS dan bilik-bilik bacaan yang dikendalikan oleh FELDA.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat sejumlah 5 bangunan Perpustakaan Awam Negeri dan 15 buah cawangan telah dirancang untuk dibina. Walaupun pembinaan pembangunan-pembangunan perpustakaan ini telah ditangguhkan, beberapa pusat perkhidmatan telahpun dimulakan di bangunan-bangunan sementara.

Kerajaan sedar akan kekurangan minat membaca dan penggunaan perpustakaan di negara ini. Kementerian saya melalui Perpustakaan Negara Malaysia sedang mengambil beberapa langkah yang positif untuk memperluaskan lagi perkhidmatan perpustakaan, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar melalui perpustakaan bergerak dan perpustakaan mini.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Sama ada khutub khanah kita mempunyai buku-buku yang cukup dan sama ada terdapat di dalamnya buku-buku dalam bahasa Cina dan Tamil selain daripada buku-buku Bahasa Malaysia dan Inggeris, serta apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memodenkan khutub khanah kita.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, jenis buku Bahasa Malaysia, Cina dan India boleh didapati di Perpustakaan Negara dan KKBS melalui Perpustakaan Negara boleh dimodenkan perpustakaan di negara kita.

PINJAMAN LUAR NEGERI— JUMLAH

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada selain daripada pinjaman luar negeri sebanyak \$18 billion yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan, lain-lain agensi atau perbadanan Kerajaan seperti UDA, LLN, Telekom dan Pernas telah juga meminjam wang dari sumber-sumber luar negeri, dan jika ya, nyatakan amaunnya dan bayaran hutang tahunan (annual debt charges).

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman luar negeri yang terkumpul oleh Kerajaan Persekutuan sehingga 31hb Disember, 1983 yang sebenarnya ialah \$17,800 juta.

Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi Kerajaan yang membuat pinjaman luar negeri termasuk LLN dan Jabatan Telekom tetapi UDA dan Pernas tidak ada membuat pinjaman dari sumber luar negeri. Jumlah baki hutang sehingga 31hb Disember, 1983 bagi Lembaga Letrik Negara ialah sebanyak \$742.9 juta dan bagi Telekom ialah \$77 juta. Bayaran hutang tahunan oleh Lembaga Letrik Negara bagi tahun 1983 ialah 207.9 juta. Ini termasuk pokok dan faedahnya sekali manakala bagi Jabatan Telekom untuk tahun yang sama ialah \$12 juta dan ini juga termasuk pokok dan faedah. Bagi tahun 1984 bayaran hutang Lembaga Letrik Negara ialah sebanyak \$173.7 juta termasuk pokok dan faedah dan bagi Jabatan Telekom ialah \$17 juta. Bagi tahun 1985 bayaran hutang bagi Lembaga Letrik Negara ialah sebanyak \$194.5 juta dan bagi Jabatan Telekom \$16 juta. Kedua-dua bayaran ini termasuk bayaran pokok dan bayaran faedah sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 31 adalah diberi di bawah ini.)

LEMBAGA LETRIK SABAH— AMBIL ALIH

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (i) sama ada pengambilan alih Lembaga Letrik Sabah telah pun selesai;
- (ii) apakah sebab-sebab kadar wang pertaruhan para pengguna di Negeri tersebut dinaikkan baru-baru ini, berapakah jumlah wang

yang dikutip setakat ini akibat kenaikan wang pertaruhan dan sama ada kadar baru yang dikenakan itu adalah selaras dengan kadar yang dikenakan di lain-lain negeri.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos
(Datuk Leo Moggie anak Irok):**

- (i) Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan bukanlah mengambil alih Lembaga Letrik Sabah (LLS) dari Kerajaan ini seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang sebenarnya telah dilakukan ialah pemindahan Lembaga Letrik Sabah dari Perbadanan Negeri kepada Perbadanan Persekutuan sejajar dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia yang menyatakan bahawa Penjanaan elektrik adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Berhubung dengan perkara ini adalah dimaklumkan bahawa tindakan untuk memindahkan Lembaga Letrik Sabah ini telah pun selesai diambil dan dikuatkuasakan pada 1-1-1984.
- (ii) Bagi menjawab soalan (ii), sukalah saya menyatakan bahawa kadar wang pertaruhan atau cagaran yang telah ditetapkan oleh LLS semenjak tahun 1977 ialah berasaskan kepada jumlah purata 2 bulan bil penggunaan elektrik oleh seseorang pengguna itu dan setakat ini belum ada lagi pindaan ke atas kadar ini. Walau bagaimanapun, dalam menentukan jumlah sebenarnya wang pertaruhan yang perlu dibayar oleh pengguna-pengguna, pihak LLS ada membuat semakan dalam tempoh 6 bulan sekali bagi menentukan sama ada jumlah wang pertaruhan yang telah dibayar oleh mereka itu mencukupi atau sebaliknya. Sebaliknya dalam tempoh itu didapati bahawa penggunaan elektrik telah bertambah, maka jumlah wang pertaruhan itu akan dinaikkan oleh pihak LLS sejajar dengan kenaikan penggunaan

elektrik itu. Dengan kedudukan ini, maka tidak hairanlah sekiranya terdapat kenaikan dari segi jumlah wang pertaruhan yang perlu dibayar oleh pengguna-pengguna berkenaan oleh kerana bil-bil bulanan penggunaan elektrik mereka telah bertambah. Amalan seperti ini adalah selaras dengan amalan yang telah dibuat oleh badan-badan yang menjana dan membekalkan elektrik di negeri-negeri lain di Malaysia ini.

PENAGIH DADAH

15. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan mengenai penagihan dan pengedaran dadah dalam negara kita sejak Kempen Anti Dadah dilancarkan dan apakah:

- (a) bilangan penagih-penagih dadah yang:
- (i) diberkas oleh Polis;
 - (ii) menyerahkan diri kepada pihak yang berkenaan;
 - (iii) telah dipulihkan dan kembalikan ke masyarakat.
- (b) bilangan pengedar-pengedar dadah yang:
- (i) diberkas oleh Polis dan pihak yang berkenaan;
 - (ii) dijatuh hukuman mati atau penjara seumur hidup atau penjara bagi satu tempoh tertentu.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Kempen Anti Dadah Peringkat Kebangsaan dilancarkan pada 19hb Februari, 1983 untuk memberi kefahaman yang mendalam serta kesedaran kepada rakyat. Kempen-kempen yang sama juga diadakan di peringkat negeri dan daerah. Dalam melaksanakan kempen-kempen tersebut, beberapa aktiviti telah diadakan, termasuklah seminar, kursus-kursus sivik, pameran, pentas bergerak, pengedaran folder, buku-buku kecil, pelekat kereta, poster, pertunjukan "cinema slide"

serta sependuk-sependuk di tempat-tempat yang strategik. Aktiviti-aktiviti tersebut berjaya membangkit serta meningkatkan kesedaran rakyat tentang wabak dadah.

Tindakan positif pihak penguatkuasaan terhadap pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah secara langsung telah menyebabkan berkurangnya bekalan dadah. Kajian membuktikan bahawa harga dadah meningkat, manakala mutunya pula menurun. Di samping itu pihak pengedar dipercayai telah mencampuri dadah dengan bahan-bahan lain akibat kekurangan bekalan. Kempen Anti Dadah telah menunjukkan kesan-kesan positif. Penagih-penagih dadah terpaksa mengubah cara dan tempat menjalankan kegiatan terkutuk itu. Mereka sekarang tidak lagi berkumpul seperti biasa, tetapi sebaliknya mengambil dadah di tempat-tempat sulit dalam kumpulan yang lebih kecil yang dianggotai oleh rakan-rakan yang dipercayai sahaja. Keadaan dan suasana ini menimbulkan rasa curiga sesama mereka. Akibatnya orang-orang yang belum atau yang baru sahaja menagih akan terhindar dari kegiatan ini.

Semenjak kempen Anti Dadah dilancarkan adalah jelas kelihatan bahawa rakyat telah memberikan kerjasama di dalam membekalkan maklumat-maklumat kepada agensi-agensinya penguatkuasaan yang mana telah banyak mencapai kejayaan terhadap rampasan dan tangkapan ke atas pengedar-pengedar dadah. Ini menunjukkan bahawa rakyat telah sedar tentang bahaya dadah dan ramai di antara mereka telah tampil ke hadapan untuk menyerahkan anak-anak mereka yang menagih dadah supaya mendapat rawatan dan pemulihan.

Semenjak Kempen Anti Dadah dilancarkan dan sehingga akhir bulan Februari, 1984:

(a) Seramai 3,529 orang penagih dadah telah diberkas oleh Polis dan seramai 1,208 orang telah menyerah diri secara sukarela. Dari bilangan ini seramai 3,635 orang telah diberi rawatan dan pemulihan; 2,212 menjalani pemulihan di pusat selama tempoh

2 tahun dan 1,423 orang menjalani pemulihan melalui pengawasan selama tempoh 2 hingga 3 tahun. Kesemua mereka ini sedang menjalani pemulihan.

(b) Seramai 380 orang pengedar dadah telah diberkas oleh Polis dan 2 orang dari mereka telah dikenakan hukuman mati. Baki-nya seramai 370 orang sedang menunggu perbicaraan.

PERKHIDMATAN BOMBA SARAWAK—MEMPERBAIKI

16. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang Kementerian telah, sedang dan akan ambil untuk memperbaiki keadaan perkhidmatan Bomba di bandar-bandar kecil di Sarawak, khususnya di Bandar Sri Aman, Engkilili, Lubok Antu dan lain-lain memandangkan suatu kebakaran yang besar telah berlaku di Bandar Sri Aman yang mengakibatkan kehilangan hartabenda yang bernilai berjuta-juta ringgit.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Kementerian saya memanglah memberi perhatian ke arah memperbaiki keadaan Perkhidmatan Bombo di Sarawak, termasuklah bandar-bandar kecil. Kerajaan telah memperuntukkan 1 kereta bomba jenis tangga berputar tinggi 45 meter dan 6 lagi kereta bomba jenis bertangki ke Sarawak dan kereta-kereta ini terpaksa ditempatkan di bandar-bandar besar dahulu di mana risiko kebakarannya amat tinggi. Walau bagaimanapun, beberapa unit kereta lagi akan tiba untuk Sarawak dan satu daripadanya mungkin akan ditempatkan di Balai yang sedia ada di Bandar Sri Aman. Bilangan anggota bagi Sri Aman juga akan ditambah apabila pengambilan kaki-tangan bomba Sarawak selesai sedikit masa lagi.

Adalah tidak mungkin Kerajaan berkemampuan membina balai-balai bomba di tiap-tiap pekan kecil kerana ini akan menelan belanja yang banyak.

Walau bagaimanapun, kajian juga sedang dijalankan untuk mendapatkan tapak-tapak bagi balai-balai bomba di pekan-pekan kecil Sarawak untuk kegunaan masa hadapan mengikut keperluan.

Kementerian saya akan mencuba memasukkan pembinaan balai-balai bomba di dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) bagi Sarawak, khusus bagi bandar-bandar yang sangat-sangat memerlukannya.

Pembinaan balai-balai bomba bagi satu-satu pekan itu adalah berdasarkan kepada :

- (a) Nilai harta benda yang hendak dilindungi;
- (b) Keadaan bangunan dan rumah-rumah yang sesak, seperti pusat perdagangan, industri, dan lain-lain potensi ekonomi yang ada di situ;
- (c) Bilangan penduduk yang tinggal berkelompok di satu-satu bandar yang sesak dan sempit—sekurang-kurangnya melebihi 10,000 orang penduduk;
- (d) Jauhnya daripada balai bomba, sebaik-baik masa kereta bomba hendaklah sampai dalam tempoh 10-12 minit selepas menerima panggilan;
- (e) Keadaan jalan raya yang buruk dan sesak;
- (f) Adanya rancangan pembangunan untuk dimajukan di situ.
- (g) Perangkaan kebakaran kawasan itu.

Adalah sangat digalakkan semuga tiap-tiap pekan kecil ini menubuhkan pasukan bomba gotong royongnya terlebih dahulu, buat sementara waktu, sepertimana pekan-pekan kecil adakan di Semenanjung Malaysia. Jabatan Bomba akan boleh membantu di dalam latihan.

PENDEDAHAN PERIBADI DI AKHBAR-AKHBAR

17. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang

mengambil tindakan-tindakan ke atas akhbar-akhbar yang suka menyiarkan cerita pendedahan/pengakuan orang-orang tertentu yang bukan sahaja memalukan bangsa Melayu tetapi boleh menimbulkan unsur negatif terhadap pembaca-pembaca.

Dato Musa Hitam: Kementerian Dalam Negeri memang telah dan akan mengambil tindakan-tindakan tertentu ke atas penerbit yang menyiarkan pendedahan atau pengakuan orang-orang di atas perkara-perkara yang boleh mengaib atau menjatuhkan maruah rakyat Malaysia. Di antara tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Dalam Negeri ialah dengan menasihatkan penerbit-penerbit yang berkenaan supaya mengelakkan diri daripada melakukan pendedahan yang tidak memberi manfaat dari segi pelajaran atau akhlak mulia kepada rakyat negara ini.

Pada masa ini Kementerian Dalam Negeri berpuas hati dengan sambutan yang telah diberikan oleh pihak penerbit-penerbit yang berkenaan. Namun demikian pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi perkara ini semoga ianya tidak menjadi satu wabak yang boleh menjejaskan akhlak mulia atau ketenteraman awam.

Dalam pada itu, pihak Kementerian Dalam Negeri mengharapkan supaya penerbit akan memainkan peranan masing-masing yang bertanggungjawab bagi membimbing dan mendidik masyarakat pembaca supaya membantu mengujudkan nilai sosial dan akhlak mulia di kalangan rakyat Malaysia.

DASAR LUAR IRAN—KESAN LAWATAN MENTERI

18. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan beliau baru-baru ini ke Iran, apakah kesan-kesan positif bagi lawatan itu khususnya berhubung dengan dasar luar Iran hari ini yang telah menimbulkan banyak masalah bagi setengah-setengah negara-negara Islam.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, sukacita saya menjelaskan bahawa lawatan saya ke Republik Islam Iran adalah atas hasrat kita untuk memahami, mendekati dan mengetahui lebih mendalam lagi mengenai perkembangan-perkembangan semasa di Iran serta tanggapan pemimpin-pemimpin Iran mengenai isu-isu duahala, antara-bangsa dan lain-lain isu. Sukacita juga dinyatakan bahawa lawatan saya ini adalah di atas undangan rekan sejawat saya Dr Ali Akbar Velayati, Menteri Luar Iran dan rombongan saya disertai oleh Y.B. Dato Haji Abu Bakar bin Rautin Ibrahim, Ahli Parlimen kawasan Kuala Kedah dan Y.B. Dato Haji Hussein bin Ahmad, Ketua Pengerangan UMNO dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, serta tiga orang pegawai kanan Wisma Putra.

Semasa di Iran, kami telah menemui dan mengadakan perbincangan dengan Presiden Hojjatoleslam Saiyed Ali Khameni; Speaker Parlimen Iran Hojjatoleslam Ali Akbar Rafsanjani; Perdana Menteri Mir Musavi; Menteri Perdagangan Hassan Abedi Jaafari; Dr Hadi, Pengerusi Jawatankuasa Hubungan Luar Majlis Iran; dan rakan sejawat saya Dr Velayati.

Pada keseluruhannya tujuan utama saya melawat Iran ialah untuk menerangkan kepada pemimpin-pemimpin Iran akan keadaan sebenarnya di Malaysia supaya mereka lebih mengetahui serta memahami segala aspek bersabit dengan perkembangan sosio-ekonomi dan politik termasuk usaha-usaha kita untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat kita khususnya. Disamping itu, masalah sekatan impot minyak kelapa sawit oleh Iran juga menjadi soal pokok perbincangan dalam lawatan saya ke Iran itu.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa pada keseluruhannya hasil lawatan saya ke Iran ini adalah sangat memuaskan dan sangat berfaedah kepada hubungan dua hala antara Malaysia dengan Iran. Saya telah menekankan kepada para pemimpin Iran bahawa tugas dan matlamat utama kedua-dua negara adalah untuk mengekalkan hubungan baik. Ini bukan saja untuk menjamin kerjasama yang memberi menafaat kepada kedua-dua negara, bahkan untuk sama-sama menghadapi cabaran yang dihadapi oleh umat Islam seluruhnya. Saya juga telah menegaskan bahawa jika perkara sebaliknya berlaku, ianya sudah tidak akan menguntungkan mana-mana negara, baik Iran mahupun Malaysia dan juga tidak menguntungkan Islam. Saya juga telah menarik perhatian para pemimpin Iran kepada hakikat bahawa Malaysia menjadi pusat kepada perkembangan Islam di Asia Tenggara. Dalam konteks ini juga saya jelaskan bahawa perkembangan Islam di Malaysia sentiasa mendapat perhatian utama dan ianya telah dan akan terus diperjuangkan oleh Kerajaan Malaysia serta UMNO.

Kesemua pemimpin Iran yang saya temui telah memberi jaminan bahawa Iran menghormati negara-negara lain setanding dengan kehendak Iran yang tidak ingin masalah dalam negaranya dicampurtangan oleh mana-mana kuasa luar. Presiden Khomeini dan Perdana Menteri Musavi juga melahirkan harapan Iran untuk meningkatkan lagi hubungan Malaysia-Iran dan hasrat Iran untuk mengadakan hubungan yang bukan saja kuat dengan Malaysia bahkan untuk menjalin hubungan yang baik. Oleh sebab inilah para pemimpin Iran bersetuju dengan idea saya tentang perlunya hubungan antara kedua-dua negara dilaksanakan menerusi Kerajaan masing-masing supaya unsur-unsur yang tidak baik yang boleh memburukkan nama Iran dan menjejaskan hubungan Malaysia-Iran dapat dikawal.

Mengenai import minyak kelapa sawit, saya telah menegaskan akan perlunya Kerajaan Iran mengkaji

kesan-kesan pengaruh Amerika Syarikat yang mengakibatkan pemerintahan Shah dahulu mengharamkan penggunaan serta pengimportan minyak kelapa sawit ke Iran dengan muslihat supaya pemerintah Shah mengimport minyak kacang soya dari Amerika Syarikat. Saya juga memberi tahu pemimpin-pemimpin Iran bahawa penggunaan minyak kelapa sawit sebagai bahan makanan telah diterima oleh masyarakat antarabangsa lebih-lebih lagi Malaysia pada masa ini memberi latihan kepada negara-negara lain seperti Bangladesh, Burma dan Papua New Guinea mengenai cara untuk menanam kelapa sawit, khususnya untuk mereka menambahkan pengeluaran makanan. Saya telah menawarkan pakar-pakar dari PORIM untuk menolong dan membantu ahli-ahli sains Iran mengenai kelapa sawit. Malah saya turut menegaskan kepada pihak Iran bahawa sekiranya Iran mengimport minyak kelapa sawit Malaysia, secara langsung ini akan menolong penanam-penanam kelapa sawit di Malaysia. Pihak Iran pula pada keseluruhannya telah menyatakan harapan bahawa minyak kelapa sawit akan dapat digunakan nanti di Iran. Saya percaya bahawa Iran akan mengubah dasarnya mengenai minyak kelapa sawit tidak lama lagi.

Lawatan saya ke Iran ini telah membuka jalan yang lebih luas bukan saja dalam konteks hubungan antara rakyat dengan rakyat melalui Kerajaan bahkan ini membolehkan kedua-dua negara lebih memahami sentimen, sensitiviti dan keadaan sebenarnya dikedua-dua negara. Saya percaya bahawa hubungan sedemikian akan mendedahkan pemimpin-pemimpin Iran terhadap masyarakat antarabangsa keseluruhannya dan ini boleh mengelakan sebarang salah tanggapan mengenai isu-isu serta dasar yang tertentu yang dikatakan banyak menimbulkan masalah. Sekiranya Iran diketepikan, ini tidak akan menguntungkan mana-mana pihak kecuali ianya akan menguntungkan pihak komunis.

PROGRAM LATIHAN GURU-GURU BAHASA CINA

19. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Pelajaran untuk menyatakan memandangkan Program Latihan Guru-guru Bahasa Cina tidak dapat mengatasi kekurangan yang teruk guru-guru Bahasa Cina di SRJK (C), apakah langkah-langkah lanjut yang berkesan dan positif yang Kementerian akan ambil untuk mengatasi masalah seterusnya dan bilakan langkah-langkah begini boleh dilaksanakan dan disiapkan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Kementerian Pelajaran memang ada melatih guru-guru untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di maktab-maktab perguruan pada tiap-tiap tahun. Jumlah bilangan pelatih yang diambil untuk mengikuti latihan perguruan asas di maktab-maktab perguruan itu adalah berdasarkan kepada unjuran yang ditetapkan. Akan tetapi seringkali, kecuali tahun 1983 dan 1984, jumlah pelatih yang diambil untuk menjalani Kursus Pendidikan Sekolah Rendah (Cina) adalah kurang daripada jumlah bilangan calon yang dianjurkan. Ini adalah disebabkan bahawa calon-calon yang tidak diambil itu tidak mempunyai kelayakan yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. Dalam pada itu beberapa orang calon yang ditawarkan telah menolak untuk mengikuti kursus perguruan.

Kementerian Pelajaran akan mengadakan semula Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran yang berpengalaman dan berkelayakan. Buat masa ini kementerian sedang mengumpulkan data bagi semua jenis guru sementara (guru sandaran tanpa latihan) supaya satu kajian yang teliti dan menyeluruh dapat dibuat bagi menentukan jumlah yang terlibat. Sayugia diingat bahawa sama ada latihan sepenuh masa mahu pun latihan dalam cuti, pertimbangan yang amat penting terletak kepada kelayakan yang ada pada calon-calon yang membuat permohonan. Jika kelayakan yang minima

tidak ada pada mereka pihak Kementerian Pelajaran tidak akan dapat merancangkan sebarang latihan pun.

GALAKAN PELABURAN ASING

20. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah insenti-insentif Kerajaan akan memberi supaya memajukan investment luar ke dalam Negara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan asing di negara ini. Untuk menarik pelaburan asing dan menambah pelaburan dari warganegara tempatan dalam sektor perindustrian, Kerajaan telah menyediakan beberapa galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Di antara galakan-galakan yang penting ialah :

- (a) Galakan Taraf Perintis;
- (b) Pengecualian Cukai Penggunaan Buruh;
- (c) Kredit Cukai Pelaburan;
- (d) Galakan Tempat Kedudukan;
- (e) Galakan Eksport;
- (f) Galakan Khas untuk Industri-industri Pertanian Yang Diluluskan;
- (g) Elaun Pelaburan semula;
- (h) Elaun Susutan Dipercepatkan sebanyak 100% ke atas loji dan jentera;
- (i) Galakan Untuk Penyelidikan dan Pembangunan.

Di samping itu Kerajaan juga menyediakan galakan dalam bentuk perlindungan tariff, pengecualian cukai tokok dan cukai import terhadap bahan-bahan mentah dan mesin-mesin yang digunakan untuk projek perindustrian.

PROJEK PERTANIAN BERSEPADU—PELAKSANAAN

21. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa telah berlaku kelambatan dalam pelaksanaan Projek-Projek Pertanian Bersepadu (IADP) terutamanya bagi pembinaan jalan-jalan pertanian luar bandar serta pengairan dan pamaritan di Negeri Kedah. Dari 43 buah skim pengairan dan pamaritan hanya 4 skim yang telah ditawarkan. Dari jumlah 370 km jalan pertanian, tidak satupun yang telah dimulakan kerja-kerja pembinaannya. Jika sedar apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mempercepatkan pembinaan projek-projek tersebut demi kepentingan petani-petani luar bandar.

Dr Goh Cheng Teik: Kerajaan sedar berlakunya sedikit kelambatan dalam pelaksanaan Projek Pertanian Lembah Kedah. Adalah tiada benar hanya 4 skim dari jumlah 43 skim yang perlu dibaik-pulih di kawasan projek telah ditawarkan. Sebenarnya empat kontrek telah ditawarkan untuk membaik-pulih dua belas skim JPT meliputi kawasan 2,075 hektar dengan anggaran kos \$12.6 juta. Kerajaan akan membuat tawaran bagi skim-skim di Baling, (8 skim) di Sik (2 skim) dan skim perparitan Jemerli di kulim tiada berapa lama lagi.

Berkenaan pembinaan 370 km. jalan pertanian pula, oleh kerana pembinaannya akan melalui beberapa proses, maka pembinaannya tidak dapat dijalankan dengan serta-merta dan serentak. Kerajaan telah mengenal pasti jalan-jalan yang akan dibina, telah melantik firma jurukur untuk menjalankan kerja-kerja ukur dan telah melantik firma perunding untuk menjalankan kerja-kerja rekabentuk terperinci. Adalah dijangka sejumlah 63 kilometer jalan pertanian ini akan mula dibina pada tahun 1985 dan sejumlah 47 km. lagi akan dibina dalam tahun 1986, menjadikan jumlah yang dijangka akan dibina hingga penghujung tahun 1986 ialah 110 km.

PETRONAS—EKSPORT MINYAK DARI SARAWAK

22. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan jumlah tong minyak dikeluarkan dan dieksport dari Sarawak sejak 4 tahun lalu dan apakah rancangan-rancangan Kerajaan mempunyai untuk memelihara sumber minyak yang sedia ada di Sarawak khasnya dan Malaysia pada amnya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Jumlah minyak mentah yang dikeluarkan dari lapangan-lapangan minyak di luar pantai Sarawak dari 1 Januari 1980 hingga 31 Disember 1983 ialah 156.5 juta tong dan dari jumlah tersebut, 97.44 juta tong adalah dieksport.

Kerajaan, melalui PETRONAS, memang merancang untuk memelihara sumber-sumber minyak negara dengan mengawal kadar pengeluaran dan mengurangkan pergantungan negara kepada minyak. Dasar Susutan Negara yang telah dilaksanakan pada 1 Januari 1980, bertujuan untuk mengawal pengeluaran dari lapangan-lapangan minyak yang utama iaitu lapangan-lapangan yang mempunyai "oil-initially-in-place" atau "OIIP" berjumlah 400 juta tong dan lebih, melalui pengawalan kadar pengeluaran atau penanggungan pengeluaran bagi sebahagian dari lapangan-lapangan utama ini.

Kerajaan sedang mempelbagaikan sumber-sumber bekalan tenaganya kepada gas, arang dan hidro untuk mengurangkan pergantungan kepada minyak yang terlalu tinggi. Pada masa ini 90% daripada sumber bekalan tenaga ialah daripada minyak. Projek Penggunaan Gas Semenanjung yang sedang dilaksanakan oleh PETRONAS bertujuan untuk menggalakkan penggunaan gas asli sebagai pengganti minyak dan melibatkan penyaluran gas kepada jenakusa-jenakusa dan bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia. Untuk memastikan supaya sumber simpanan minyak di Sarawak akan tahan lebih

lama, PETRONAS telah menetapkan dua lapangan utamanya iaitu Baram, yang mengandungi "OIIP" berjumlah 532 juta tong dan Baronia, yang mengandungi "OIIP" 617 juta tong, di bawah Dasar Susutan Negara. PETRONAS juga sedang mengatur rancangan untuk meningkatkan penggunaan gas yang pada ketika ini dibiarkan terbakar di luar pantai Sarawak. Langkah-langkah ini akan dapat mengurangkan penggunaan minyak di negeri itu, dan negara amnya. Langkah-langkah yang diambil itu akan mengurangkan keperluan untuk meningkatkan pengeluaran minyak bagi pembayaran bahan-bahan yang diimport untuk memenuhi penggunaan tempatan.

DASAR PERTANIAN NEGARA— MATLAMAT

23. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menerangkan matlamat, sasaran dan strategi Dasar Pertanian Negara khasnya setakat meningkatkan pendapatan orang-orang luar bandar serta dalam mencegah pengaliran buruh dan bakat dari kawasan luar bandar ke bandar.

Dr Goh Cheng Teik: Matlamat Dasar Pertanian Negara (DPN) ialah untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya. Peningkatan pendapatan kebun akan dicapai melalui pengurusan pengeluaran yang moden, memilih jenis-jenis tanaman yang menguntungkan serta penggunaan teknologi yang cekap. Penyediaan perkhidmatan dan kemudahan sosial akan dipergiatkan supaya suasana kerja dan tempat tinggal dalam sektor pertanian lebih menarik dan dengan itu jua mengurangkan pengaliran buruh ke bandar.

PELAJAR PERSENDIRIAN DI LUAR NEGERI

24. **Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar persendirian Malaysia yang kini menuntut di seberang laut, sila senaraikan negara-negara di mana mereka menuntut dan anggaran wang yang dibelanjakan oleh mereka untuk maksud pelajaran tinggi.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negeri sehingga 31-12-1982 ialah 52,015 dan dari jumlah ini seramai 36,509 adalah pelajar-pelajar persendirian. Senarai negara-negara di mana mereka sedang menuntut ialah:

United Kingdom	Hong Kong
U.S.A.	Belgium
Australia	Saudi Arabia
India	Bangladesh
New Zealand	Thailand
Canada	Iraq
Taiwan	Switzerland
Mesir	Libya
Singapura	Austria
Jepun	Sri Lanka
Indonesia	Kuwait
Jerman Barat	Korea Selatan
Filipina	Yugoslavia
Pakistan	Turkey
Morocco	Denmark

Anggaran perbelanjaan yang dibelanjakan oleh setiap pelajar persendirian adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Anggaran Perbelanjaan Setahun</i>
(i) United Kingdom	\$26,000.00
(ii) U.S.A.	\$33,000.00
(iii) Australia	\$17,000.00
(iv) New Zealand	\$14,500.00
(v) Kanada	\$26,000.00
(vi) Indonesia	\$10,000.00
(vii) Mesir	\$15,000.00

Walau bagaimanapun perbelanjaan sebenarnya adalah bergantung kepada kemampuan masing-masing.

PEPERIKSAAN STPM—KEBOCORAN

25. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan berikutan dengan kebocoran soalan-soalan peperiksaan STPM tahun lalu, apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil untuk mengelakkan perkara itu berlaku lagi.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Pihak Polis masih meneruskan penyiasatan kes kebocoran kertas-kertas soalan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 1983. Penyiasatan ini belum selesai oleh kerana pihak Polis memerlukan masa yang cukup disebabkan perkara ini adalah suatu kes yang rumit dan melibatkan proses yang kompleks.

Di samping itu Majlis Peperiksaan Malaysia juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji kebocoran ini. Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menyasiat sebab-sebab kebocoran di samping membuat perakuan untuk menjamin tidak berulang lagi peristiwa seumpama ini.

PROJEK MINI HAIDRO DI LENGGONG

26. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjelaskan benarkah projek Mini Haidro di Kampung Luat, Lenggong, Perak itu akan dilaksanakan; jika benar bilakah akan dimulakan; jika tidak mengapa.

Datuk Leo Moggie anak Iroke: Projek Mini Haidro di Kampung Luat, Lenggong, Perak adalah salah satu daripada projek Mini Haidro LLN yang dirancangan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini. Pihak LLN telah merancang untuk melaksanakan 82 projek

mini haidro yang dibahagikan kepada 3 Fasa. Fasa I mengandungi 30 buah projek termasuk Kampung Luat. Walau bagaimanapun disebabkan kedudukan ekonomi negara pada masa sekarang projek ini belum lagi dapat dilaksanakan. Segala urusan ke arah pelaksanaan projek ini akan dibuat oleh LLN sebaik-baik sahaja peruntukan mengennainya telah diperolehi.

MELANCUNG KE CHINA TANPA DOKUMEN

27. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar Kementeriannya akan menyiasat dan mengambil tindakan tegas terhadap rakyat yang telah melancung negeri China tanpa dokumen perjalanan sah jika ya, sama ada tindakan seumpama ini pun akan diambil terhadap rakyat yang telah melancung negeri Indonesia, India atau mana-mana satu negeri tanpa dokumen-dokumen itu dan apakah pendirian Kerajaan terhadap pendatang-pendatang haram ke negeri kita, dan untuk menggalakkan pelancungan dua hala antara Malaysia dan negeri-negeri ahli Bangsa-bangsa Bersatu, sama ada Kerajaan akan membenarkan rakyatnya melancung dengan bebasnya mana-mana satu negeri ahli Bangsa-bangsa Bersatu, memandangkan langkah ini akan menyakinkan pelabur-pelabur asing terhadap kestabilan dan kekuatan politik negeri kita.

Dato Musa Hitam: Pihak Kerajaan tetap mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warganegara Malaysia yang melawat mana-mana negara jua tanpa mendapat kebenaran atau memiliki dokumen yang sah dari Kerajaan.

Saya perlu menegaskan di sini bahawa bukanlah hasrat Kerajaan menghalang rakyat Malaysia melancung ke mana-mana negara. Namun demikian, memandangkan bahawa negara ini mempunyai dan melaksanakan dasar dan peraturan demi memelihara ketenteraman awam dan

keselamatan negara khususnya, maka Kerajaan perlu mengawasi dan mengendalikan secara teratur lawatan rakyat Malaysia ke negara-negara tertentu seperti Republik Rakyat China.

Kerajaan memang membenarkan warganegara Malaysia melawat Republik Rakyat China serta mana-mana negara mengikut syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Mana-mana warganegara Malaysia itu, maka pihak Kerajaan akan yang melanggar peraturan-peraturan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka.

TARIAN SINGA—SEKATAN

28. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya bersedia untuk menarik balik semua bentuk sekatan ke atas pertunjukan tarian singa bagi membolehkan amalan bebas, pertunjukan dan perkembangan kebudayaan tradisi Cina ini selaras dengan semangat Perlembagaan Persekutuan. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memudah dan menseragamkan peraturan permohonan permit pertunjukan tarian singa untuk musim perayaan Tahun Baru Cina.

28-3-84.

2. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa permit diperlukan bagi peruntukan-peruntukan Tarian Singa dikhalayak ramai kerana mengikut rekod-rekod, langsung tiada sebarang peristiwa gangguan awam yang berbangkit daripada peruntukan Tarian Singa yang telah menjadi satu cara yang biasa untuk meraikan hari-hari yang mulia oleh orang-orang Malaysia.

2-4-84.

3. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada adakah benar bahawa Kerajaan hanya membenarkan persatuan-persatuan Tarian Singa yang didaftarkan di bawah Akta Masyarakat

untuk pertunjukan dan mengumpul "Ang Pow" pada masa Tahun Baru Cina di masa depan seperti yang dinyatakan oleh pihak Polis di Kuala Lumpur baru-baru ini dan persatuan-persatuan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat tidak akan dibenarkan.

Dato Musa Hitam: Izinkan saya menjawab soalan-soalan Yang Berhormat dari Ipoh dan Yang Berhormat dari Beruas bertarikh pada 28hb Mac dan 2hb April bersama-sama jawapan kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada hari ini kerana soalan-soalan Yang Berhormat itu adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak pernah mengadakan sekatan ke atas pertunjukan Tarian Singa, tetapi ianya perlu dilesenkan mengikut peruntukan Seksyen 27 dan Seksyen 28 Akta Polis 1967. Walau bagaimanapun segala langkah-langkah pengawalan dan pengawasan terhadap perjalanan dan perarakan perlulah diadakan dengan tujuan menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Salah satu dari langkah-langkah pengawalan yang sedia ada dewasa ini ialah dengan mengenakan syarat-syarat mengikut keadaan masa dan tempat. Dalam konteks ini pihak polis sentiasa memberi penelitian yang rapi dalam memproses permohonan-permohonan bukan sahaja untuk mengadakan pertunjukan Tarian Singa malahan apajua bentuk permohonan untuk mengadakan perjumpaan, perhimpunan dan perarakan dengan mengenakan syarat-syarat yang tertentu.

Dengan langkah-langkah pengawalan dan penetapan syarat-syarat yang tertentu, sehingga kini telah mendatangkan kesan-kesan yang positif di mana pihak Polis telah dapat menghindarkan sebarang gangguan awam yang berbangkit dari tarian-tarian singa, perarakan-perarakan dan perhimpunan yang selalu terdapat di negara ini.

Kementerian sedar bahawa kesulitan-kesulitan telah berlaku untuk memperoleh lesen mengadakan perarakan,

perhimpunan dan tarian singa, maka untuk memudah dan mensekagamkan peraturan permohonan permit, Kementerian sekarang ini sedang mengkaji dan merangka borang permohonan yang kemaskini, lengkap dan standard untuk digunakan di masa akan datang. Kementerian juga sedang merangka garis panduan kepada pemohon-pemohon sebelum mereka mengadakan perhimpunan dan tarian-tarian singa.

Pemohon-pemohon yang ingin mengadakan Tarian Singa dan mengutip "Ang Pow" adalah dikehendaki memohon dua jenis lesen, iaitu satu untuk Tarian Singa mengikut Seksyen 27 dan 28 Akta Polis 1967 dan satu lesen lagi untuk mengutip "Ang Pow" sebagaimana yang disyaratkan di bawah Ordinan Pungutan Derma dari Rumah ke Rumah Dan Lorong ke Lorong No. 18/1947 iaitu Akta 200.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekeliruan timbul manakala permohonan lesen untuk tarian singa tidak diluluskan oleh kerana tujuannya adalah untuk mengutip derma walhal pengutipan derma memerlukan lesen yang berasingan. Lesen untuk pungutan derma tidak boleh dikeluarkan jika tujuan kutipan derma itu tidak mempunyai matlamat murni seperti untuk kebajikan dan sebagainya. Oleh itu permohonan untuk mengadakan tarian singa dengan bertujuan mengutip derma tetapi tidak mempunyai objektif-objektif yang terkandung dalam Ordinan Pungutan Derma dari Rumah ke Rumah dan Lorong ke Lorong No. 18/1947, permohonan tersebut tidak dapat diluluskan.

Permohonan untuk mengadakan pertunjukan Tarian Singa dan mengutip "Ang Pow" atau derma di Tahun Baru Cina hanya dibenarkan kepada persatuan-persatuan yang tulen dan mempunyai tujuan murni. Walau bagaimanapun kelulusan juga diberikan kepada persatuan-persatuan sekiranya pertunjukan tersebut merupakan salah satu daripada aktiviti persatuan itu.

Latarbelakang

1. Tarian Singa yang berasal dari Negeri China dikatakan telah dicipta untuk memberi pengajaran

moral dan menaikkan semangat perjuangan serta dikaitkan dengan kepercayaan kepada dewa-dewi. Di Negeri China sendiri pada masa sekarang Tarian Singa sudah tidak diamalkan lagi.

2. Di Malaysia, apabila tercetusnya trajedi hitam 13hb Mei 1969, Kerajaan telah mengharamkan Tarian Singa sebagai daripada langkah untuk mengawal keselamatan dan ketenteraman awam. Pada 4-2-1971 Tarian Singa telah dibenarkan semula khusus untuk menyambut ketibaan Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin yang kembali ke tanahair selepas menjalani pembedahan. Selepas dari tarikh ini banyaklah permohonan mengadakan Tarian Singa diterima oleh Kementerian ini.

3. Pada 22-1-74 Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa Tarian Singa boleh dibenarkan pada hari pertama dan kedua perayaan Tahun Baru China dan pembakaran mercu tidak dibenarkan. Pada bulan Disember 1978 Jawatankuasa Perhubungan MCA Selangor memohon agar Kementerian ini dapat menambahkan jumlah hari pertunjukkan Tarian Singa di musim Perayaan Tahun Baru China. Pertimbangan juga diminta agar Tarian Singa dibenarkan bagi majlis-majlis ucapan selamat, upacara pembukaan bangunan-bangunan baru dan menyambut daif-daif kenamaan. Pada bulan Disember 1980 dan Januari 1981, Gabungan Persatuan-Persatuan Tarian Singa Selangor dan Wilayah Persekutuan dan MCA Wilayah Persekutuan telah memohon supaya Tarian Singa dibenarkan selama 4-5 hari semasa Tahun Baru China 1981.

4. Kementerian telah meluluskan permohonan-permohonan tersebut, di mana kelonggaran syarat-syarat seperti berikut dilaksanakan sehingga sekarang:

4.1 Perayaan Tahun Baru China selama 5 hari termasuk sehari pada hari Cap Goh Mei.

4.2 Upacara keagamaan yang besar atau pembukaan Tok Kong yang besar oleh orang-orang kenamaan.

4.3 Menyambut ketibaan Menteri-Menteri semasa satu-satu perayaan seperti pembukaan bangunan baru.

Walaupun bagaimanapun kelulusan di atas tertakluk kepada keadaan keselamatan dan ketenteraman awam di tempat berkenaan mengikut Sek. 27 dan 28 Akta Polis 1967. Bagi permohonan untuk para 4.2. dan 4.3. di atas, pihak polis hendaklah merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri untuk membuat pertimbangan.

5. Syarat-syarat Tambahan yang dikenakan terhadap pertunjukkan Tarian Singa ialah:

5.1 Tidak boleh berarak/statik, atau diadakan di dalam premis yang tertentu.

5.2 Kutipan derma tidak dibenarkan kecuali telah mendapat lesen di bawah Akta Kutipan Derma dari Rumah ke Rumah dan Lorong ke Lorong No. 200-1947.

5.3 Sekiranya telah mendapat lesen kutipan derma, hendaklah ditentukan jalan-jalan yang akan dilalui dan tempat-tempat disinggahi terlebih dahulu.

5.4 Semasa kutipan derma tidak dibenarkan bergerak secara kumpulan dan alat-alat muzik tidak boleh dimainkan.

5.5 Pertunjukkan Tarian Singa di kawasan yang majoriti penduduknya terdiri dari keturunan bukan Cina, terutamanya di kawasan orang-orang Melayu tidak dibenarkan.

5.6 Penganjur-penganjur diper-tanggungjawabkan untuk mem-pastikan.

5.6.1 Ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

5.6.2 Tidak mengganggu ke-lancaran perjalanan lalu lintas.

5.6.3 Tiap-tiap satu pasukan tidak melebihi 20 orang anggota daripada pertubuhan yang berdaftar dan telah di-tapis oleh pihak polis.

5.6.4 Tempat-tempat yang diadakan atau dilalui hanya seperti yang diluluskan di dalam permit.

5.6.5 Tidak boleh mengguna-kan pembesar suara.

5.6.6 Tidak boleh membawa sebarang senjata.

5.6.7 Tidak dibenarkan mem-bakar mercun, dan

5.6.8 Semua anggota pasukan hendaklah berkelakuan baik.

6. Pada masa Perayaan Tahun Baru Cina tahun 1982, 1983 dan awal tahun 1984 pihak Polis telah memproses banyak permohonan-permohonan untuk mengadakan Tarian Singa.

Perangkaannya adalah seperti berikut:

	1982	1983	1984
6.1 Permohonan yang diluluskan	1,085	1,296	962 (3 tahun)
6.2 Permohonan yang ditolak	50	97	15

7. Dari perangkaan di atas, jelas menunjukkan bahawa per-mohonan yang diluluskan adalah meningkat dari tahun 1982 ke tahun 1983 dan pada awal tahun 1984 sahaja permohonan yang diluluskan adalah sebanyak 962.

8. Lazimnya permohonan-per-mohonan Lesen Tarian Singa tidak dapat diluluskan adalah di-sebabkan oleh faktor-faktor ber-ikut:

8.1 Permohonan tersebut tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan, menyebabkan pihak polis tidak mempunyai masa yang cukup untuk mem-proses permohonan itu.

8.2 Pemohon menghendaki per-tunjukkan Tarian Singa diada-kan secara perarakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

6.3 Pemohon ingin mengada-kan kutipan derma sedangkan lesen untuk tujuan-tujuan ter-sebut belum diperolehi.

ADUAN MENYENTUH RAJA-RAJA

29. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana tindakan pihak Polis terhadap suatu aduan sebagaimana Polis Report No. 27615/83 terhadap Yang Berhormat Dato Sanusi Junid yang menyentuh Raja-Raja.

Dato Musa Hitam: Pihak Polis telah menjalankan penyiasatan dengan rapi terhadap laporan yang berkenaan. Penyiasatan telah pun selesai dan Peguam Negara telah mengarahkan tindakan selanjutnya tidak perlu.

PERKHIDMATAN MAS—ADUAN

30. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) Tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki urusan dan perkhidmatan dalam negara MAS memandangkan aduan-aduan orang ramai terha-dapnya. Pada umumnya, aduan-aduan yang diterima itu adalah

mengenai masa kedatangan dan keberangkatan kapal-kapal terbang yang tidak tepat dan juga urusan penempahan tiket-tiket.

- (b) Adakah Kerajaan menimbangkan untuk menswastakan sistem penerbangan negara ini supaya ia dapat memperbaiki perkhidmatannya.
- (c) Jumlah pekerja-pekerja yang digunakan oleh MAS Malaysia dan jumlah gaji yang dibayar tiap-tiap bulan.
- (d) Mengapa mengambil masa yang begitu lama untuk memasang satu sistem pendingin hawa ke 'Golden Lounge' yang telah diperbaharui, di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):

- (a) Kementerian Pengangkutan dan juga pihak MAS sentiasa mengambil berat tentang aduan-aduan orang ramai dan sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan dalam perkhidmatan tersebut, Kementerian dan juga pihak MAS telah dan akan mengambil langkah-langkah untuk membaikinya. Berhubung dengan aduan kelewatan penerbangan yang dibangkitkan oleh Y.B. itu, sukalah saya menerangkan di sini bahawa kelewatan-kelewatan penerbangan MAS biasanya berlaku oleh kerana keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan seperti keadaan cuaca buruk dan kerosakan kepada pesawat. Namun demikian pihak MAS sentiasa mengawasi dan berusaha mengawal keadaan seperti ini dan juga menentukan ianya tidak menimbulkan kesusahan kepada penumpang-penumpang berkenaan.

Mengenai urusan penempahan tiket-tiket pula, MAS telah pun mengadakan sistem penempahan berkomputer yang dikenali sebagai KOMMAS dalam tahun 1976.

Pada masa ini semua pejabat-pejabat MAS menggunakan sistem ini, kecuali pejabat-pejabatnya di Medan, Brunei, Madras dan stesen-stesen luar bandar di Sabah dan Sarawak. Sistem komputer ini berupaya memberi segala maklumat-makluma mengenai kedudukan tempat duduk bagi sesuatu penerbangan dan juga mengenai penempahan-penempahan hotel. Sungguhpun sistem berkomputer ini dapat membuat pengesahan perjalanan seseorang penumpang itu dengan serta-merta, jika komputer menunjukkan bahawa masih terdapat kekosongan bagi sesuatu penerbangan itu, kadangkala timbul keadaan di mana penerbangan-penerbangan berlepas dengan adanya tempat yang kosong walaupun mengikut komputer penerbangan telah ditempah penuh. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana ianya disebabkan oleh penumpang-penumpang yang telah disahkan tempat duduknya tetapi tidak membuat penerbangan pada peringkat akhirnya. Untuk mengurangkan kejadian ini MAS telah pun mengadakan bayaran "surcharge" bagi mereka-mereka yang tidak memberi notis secukupnya apabila membatalkan penerbangan.

- (b) Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menimbang kemungkinan agensi-agensinya diswastakan sebagai satu usaha untuk meningkatkan kecekapan serta "productivity". Sungguhpun demikian, Kerajaan belum lagi mempunyai rancangan samada MAS akan diswastakan atau tidak. Pada masa ini sungguhpun MAS adalah sebuah agensi Kerajaan, tetapi ianya diuruskan sebagai sebuah syarikat penerbangan kepunyaan Kerajaan.
- (c) Jumlah kakitangan yang sedang berkhidmat dengan MAS pada 1hb Januari 1984 adalah seramai 10,374 orang. Dari jumlah ini

9,587 adalah kakitangan tempatan yang berkhidmat di seluruh Malaysia dan 787 orang adalah pekerja-pekerja pengambilan tempatan di stesyen-stesyen MAS di seberang laut. Jumlah gaji yang dibayar kepada kakitangan-kakitangan MAS ialah M\$8.1 juta sebulan.

- (d) Seluruh bangunan Terminal I di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang mempunyai sistem hawa dingin berpusat. Sungguhpun demikian untuk mengatasi apa-apa kesulitan yang mungkin timbul sekiranya berlaku keputusan bekalan elektrik, MAS melengkapkan "Golden Lounge" dengan "portable air-cond units" untuk keselesaan penumpang-penumpangannya. Pemasangan "portable air-cond units" ini didapati tergendala kerana ada beberapa masalah teknikal. Usaha-usaha sedang dibuat untuk mengatasi masalah tersebut.

LEBUHRAYA PASIR PUTEH-JELI

31. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah perlaksanaan lebuh raya dari Pasir Puteh ke Jeli akan dilaksanakan dan berapa banyakah peruntukan yang dikehendaki bagi pembinaan lebuh raya ini.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Kementerian saya belumlah lagi dapat menentukan bilakah lebuh raya dari Pasir Puteh ke Jeli ini dapat dimulakan pembinaannya. Ini adalah oleh kerana peruntukan baginya tidak mencukupi atas sebab-sebab kemerosotan ekonomi pada masa ini.

Adalah dianggarkan bahawa kos projek ini ialah sebanyak \$95 juta tetapi setakat ini sebanyak \$4 juta sahaja yang diperuntukkan bagi tahun 1984.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANG KELUARGA

(PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (26hb Mac 1983).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih ada lagi 9 Rang Undang-undang untuk diselesaikan pada besok hari. Saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat pendekkan ucapan masing-masing untuk membolehkan kita menghabiskan kerja-kerja kita itu dalam masa yang ditentukan.

Saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

3.34 petang.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, petang semalam Ketua Pembangkang, Ahli dari Kota Melaka dalam ucapannya membahaskan Rang Undang-undang Pindaan ini telah menyeret kita ke dalam keadaan yang agak keliru dengan membawa isu-isu yang tidak kena-mengena langsung dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri tentang tujuan sebenarnya Rang Undang-undang ini dipinda. Isu-isu mengenai pendatang haram dan orang-orang pelarian nampaknya diberi keutamaan oleh Ketua Pembangkang seolah-olah Lembaga ini diwujudkan semata-mata untuk menjaga kepentingan orang-orang ini, orang-orang yang tidak kena-mengena dengan warganegara kita dan juga rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal dengan sikap yang ditunjukkan oleh beliau yang cuba mempolitikkan isu kesejahteraan rakyat dan kebahagiaan rakyat serta kepentingan rakyat dengan mengaitkan perkara-perkara yang tak kena-mengena dengan tugas

dan tanggungjawab Lembaga, penduduk dan pembangunan keluarga negara. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, kalaulah pandangan rakyat dialihkan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang ini saya bimbang kalau-kalau Lembaga akan sekali lagi menghadapi masalah dan rintangan daripada rakyat seperti dahulu-dahulu juga.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak munasabah pihak Lembaga akan menjaga kepentingan orang lain selain daripada rakyat kita sendiri. Masalah orang-orang pelarian ini ialah bukan masalah Lembaga tetapi ianya merupakan masalah masyarakat antara-bangsa di mana kesemua negara terlibat termasuk negara kita Malaysia juga.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pun ada badan yang khusus ditubuhkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu bagi menjaga masalah orang-orang pelarian ini yang masih lagi merupakan satu masalah yang tak habis-habis dan juga berpanjangan.

Demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan masalah pendatang haram sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang petang semalam adalah merupakan masalah Kementerian lain, Kementerian Dalam Negeri, bukannya masalah Lembaga. *Charity begins at home*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Masalah kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat mestilah diutamakan dahulu. Tugas ini masih lagi belum selesai. Saya percaya Lembaga tidak akan tinggalkan anak kandungnya di pangkuan kerana hendak menyusukan kera di hutan. Jadi, kepada Ketua Pembangkang saya sarankan agar janganlah cuba mengelirukan fikiran rakyat dan memutarbelitkan isu-isu yang tidak berkaitan. Janganlah lempar batu sembunyikan tangan. Masalah rakyat adalah masalah kita semua. Janganlah kita mengeksploitasi masalah bagi kepentingan politik semata-mata.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh *memengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan terpindanya nama Lembaga Perancang Keluarga Negara kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang di hadapan kita ini maka terkikislah sudah salah anggapan dan silap tafsiran tentang bidang tugas serta objektif yang sebenarnya Lembaga ini ditubuhkan sejak tahun 1966 dahulu.

Di masa-masa yang lampau Lembaga ini telah ditafsirkan sebagai satu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan semata-mata untuk membunuh zuriat ataupun mengurangkan bilangan anak di kalangan masyarakat kita. Ianya diputarbelitkan oleh setengah golongan tertentu dengan memainkan sentimen perkauman dan pandangan yang sempit sehingga melahirkan perasaan curiga dan dipandang serung oleh masyarakat kita sehingga Lembaga ini dicemuh-cemuhkan di sana-sini oleh masyarakat kita. Sungguhpun pada hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya peranan yang dimainkan oleh Lembaga bukanlah apa yang mereka sangka tetapi lebih dari itu iaitu memupuk pembangunan keluarga secara menyeluruh yang melibatkan bukan sahaja keluarga itu sendiri, bukan sahaja di peringkat micro malahan merangkumi aspek-aspek yang lebih luas lagi iaitu di peringkat "macro" iaitu meliputi berbagai-bagai bidang atau disiplin seperti kesihatan, kesejahteraan keluarga, pembangunan sosial, meniggikan daya pengeluaran, pengagihan pendapatan dan berbagai-bagai lagi.

Sungguhpun Lembaga ini menjalankan tugasnya di dalam suasana kesangsian di kalangan masyarakat, ianya telah berjaya menarik ramai peserta-peserta ke dalam programnya dari masa ke semasa melalui usaha-usaha yang begitu gigih sekali dan begitu saya ingin ucap tahniah kepada Lembaga Perancang Keluarga terutama sekali kepada Ketua Pengarahnya. Ini jelas kelihatan sebagaimana yang dimatlamat di dalam beberapa Rancangan Malaysia kita. Misalnya, Tuan

Yang di-Pertua, bagi Rancangan Malaysia yang Pertama dari tahun 1966 hingga tahun 1970 matlamatnya ialah seramai 346,350 peserta baru. Rancangan Malaysia Kedua bagi tahun 1971 hingga tahun 1975 ialah seramai 535,000 peserta baru. Rancangan Malaysia Ketiga tahun 1976 hingga tahun 1980 seramai 817,963 peserta baru, dan Rancangan Malaysia Keempat tahun 1981 hingga tahun 1985 seramai 731,950 peserta baru. Tahniah saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini dengan nama baru yang diberi kepada Lembaga melalui pindaan Akta yang ada di hadapan kita sekarang ini adalah diharapkan bahawa Lembaga ini tidak lagi disalahanggapkan dan dikelirukan oleh mana-mana pihak jua sekalipun. Kesejahteraan hidup rakyat adalah mustahak dan harus diberi keutamaan, terutama sekali rakyat di luar-luar bandar di mana sebahagian besarnya terdiri dari para-para petani, pekebun kecil dan kaum-kaum nelayan yang masih lagi terdesak kehidupan mereka di mana mereka ini masih diperangkap oleh cengkaman garis kemiskinan.

Pembangunan fizikal yang berlaku di negara kita pada hari ini tidak akan memberi makna sekiranya tidak diimbangkan dengan pembangunan sosial ataupun penduduk itu sendiri. Taraf hidup rakyat hendaklah dinaikkan. Bilangan rakyat yang berpendapatan rendah hendaklah dikurangkan. Sikap rakyat hendaklah diubah supaya lebih responsive kepada projek-projek pembangunan dan juga kepada pembaharuan-pembaharuan yang akan dibawa oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tugas dan pendekatan aktiviti-aktiviti serta strategi Lembaga di masa yang akan datang bagi menemui objektif ini adalah berat sekali dan saya percaya tugas ini tidak seharusnya diletakkan ke atas bahu Lembaga semata-mata untuk memikulnya.

Jabatan-jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain hendaklah digembelngkan sama agar mereka ini bersama-sama bertanggungjawab menjayakan program-program yang diaturkan kelak supaya dapat menjimatkan tenaga, menjimatkan kakitangan, perbelanjaan dan lain-lain sumber yang ada melalui, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, the resource sharing and back-up support, di antara Agensi-agensi Kerajaan, di antara satu sama lain. Program-program yang diaturkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi Kerajaan hendaklah disepadukan dari mula-mula lagi supaya masalah pengambilan kakitangan dan pembahagian bidang tugas serta tanggungjawab dapat diselaras-kan dengan lebih sempurna lagi tanpa berlaku sebarang penindihan dan juga sebarang percanggahan.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penerangan dan Penyiaran hendaklah ditugaskan untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada orang ramai tentang program-program yang akan dijalankan. KEMAS pula hendaklah ditugaskan mengumpul penyertaan daripada orang ramai.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, pihak swasta dan juga Badan-badan Sukarela hendaklah digerakkan dengan lebih cergas lagi supaya melibatkan diri secara aktif di dalam program yang akan diaturkan kelak oleh pihak Lembaga dan pihak Lembaga hendaklah memberi inisiatif-inisiatif yang tertentu kepada pihak swasta dan juga Badan-badan Sukarela yang berkenaan.

Yang paling mustahak sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah penglibatan ataupun penyertaan orang ramai itu sendiri ataupun target group, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita hendaklah menggalakkan target group ini kalau boleh kita mestikan mereka ini menyertai program-program ini. Tidaklah lagi seperti dahulu di mana penyertaan mereka adalah secara sukarela sahaja. Orang yang berpengaruh di dalam

masyarakat terutama sekali di peringkat kampung, misalnya Ketua Kampung, Tok Imam, Tok Bilal, Bidan-bidan Kampung, Bomoh-bomoh dan juga singseh-singseh hendaklah digunakan dengan sepenuhnya dengan cara memberi imbuhan-imbuhan yang tertentu kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, sukacita saya mengambil kesempatan untuk memberi satu cadangan agar mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri dan juga pihak Lembaga iaitu tentang kemungkinan kalaulah belum ada lagi tentang kemungkinan menganak angkat mana-mana kampung, ataupun mana-mana Mukim, atau pun mana-mana rancangan pembangunan tanah misalnya FELDA untuk dijadikan sebagai model ataupun contoh khusus bagi menjalankan projek-projek dan program-program Lembaga. Satu Jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan yang dianggotai oleh kesemua Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga Agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, dan juga berkaitan juga pemimpin-pemimpin masyarakat setempat terutama sekali pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh agama hendaklah menduduki Jawatankuasa yang ditubuhkan, ini supaya kampung angkat atau pun mukim angkat ini dapat kita wujudkan dengan jayanya.

Mungkin pada peringkat permulaannya Tuan Yang di-Pertua, beberapa masalah dan rintangan akan dihadapi tetapi ianya akan mencapai kejayaan sekiranya usaha-usaha yang ber-sungguh-sungguh ditunjukkan oleh pihak-pihak yang terlibat ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengambil contoh PKBN di Indonesia berhubung dengan masalah projek anak angkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman dan kejayaan yang ditunjukkan oleh PKBN di Indonesia, iaitu satu Lembaga yang bentuk dan tugasnya hampir-hampir serupa dengan Lembaga yang terdapat di negara kita ini, patutlah kita jadikan sebagai contoh

dan tauladan di mana satu pekan kecil di Jakarta telahpun dipilih sebagai projek anak angkat mereka bagi melaksanakan program-program yang dijalankan oleh PKBN ini dan mereka berjaya, mereka bermegah dengan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun mungkin orang akan berkata bahawa keadaan di Indonesia dan Malaysia adalah berlainan, tetapi kita boleh terimapakai model yang terdapat di Indonesia ini dengan cara mengubah-suaikan mengikut keadaan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali adalah diharapkan bahawa dengan pendekatan dan objektif yang baru sebagaimana yang diassociatekan dengan nama baru Lembaga, maka pihak Lembaga akan dapat menjalankan tugasnya untuk melalirkan satu masyarakat yang sejahtera, aman makmur, serta berbahagia di satu hari nanti. Nama dan rupabentuk saya rasa tidaklah begitu mustahak, tetapi apa yang mustahak ialah isi kandungan dan juga tugas yang akan dijalankan kelak. Terima kasi, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

3.50 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenalkan Bil Perancang Keluarga (Pindaan) 1984 menyatakan dalam Dewan yang mulia ini langkah ini diambil untuk tukar nama Lembaga tanpa menukar strukturnya.

Tuan Speaker, ada dikatakan penukaran nama Lembaga Perancang Keluarga kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ialah dengan sebab tugas-tugas Lembaga itu akan meliputi kependudukan, pembangunan keluarga dalam hal mana perancang keluarga hanya menjadi satu aspek. Salah satu daripada strategi perancangan dan kegiatan-kegiatan Lembaga itu ialah membawa satu persamaan antara matlamat pertubuhan ekonomi dan sosial.

Tuan Speaker, tiada ada kekeliruan penyelarasan perkhidmatan klinikal dengan tujuan memperbaiki kegiatan perancang keluarga masa sekarang dan masa hadapan akan majukan minat orang ramai hendaklah dialu-alukan. Dalam hal ada di hadapan Lembaga ini juga kadar kematian bayi-bayi dalam negeri ini khasnya dalam kawasan desa. Aspek ini nampaknya tidak diberi kawalan tepat yang patut diberi.

Tuan Speaker, pada asasnya untuk mengadakan satu kependudukan sihat dan kuat patutlah kawalan, dengan izin, pre-natal dan post-natal dijalankan dengan sebaik-baiknya. Hanya kanak-kanak sihat sahaja yang akan mengasaskan satu negara yang sihat. Kadar kematian bayi-bayi masa sekarang 38 dari seribu dalam negara ini tidak mengharumkan nama Malaysia sebagai satu negara yang sedang maju dalam rantau ini.

Tuan Speaker, apabila dibandingkan dengan lain-lain negara ASEAN terkecuali Singapura kadar itu tidak tinggi. Kita mesti cuba merendahkan kadar itu sampai ke tahap yang minimum sekali.

Terdapatnya perkhidmatan perubatan yang boleh merendahkan kadar jika kita menggunakan perkhidmatan itu dengan sesungguhnya. Kementerian Kesihatan mesti dengan sendiri mengambil satu langkah untuk mengurangkan kadar kematian bayi-bayi.

Tuan Speaker, dalam analisa terakhir hanya menggalakkan etika yang baik dan disiplin yang boleh menubuhkan satu masyarakat yang viable, tidak perlu syarat-syarat hadkan bilangan ahli dalam satu keluarga seperti di Singapura.

Tuan Speaker, Malaysia ialah satu negara dengan mempunyai potensi luas. Dengan sebab itu negara ini boleh menanggung satu penduduk yang besar. Saya harap pemimpin-pemimpin kita tidak akan mengikut dasar pemimpin-pemimpin Singapura masa sekarang yakni siapa yang menggalakkan keluarga berijazah mengadakan lebih anak atau kerugian

kesaksamaan di hadapan undang-undang, satu perkara tidak patuh perlembagaan.

Tuan Speaker, pemimpin-pemimpin Singapura masa sekarang mempunyai keturunan ialah dari ibubapa bukan akademik. Janganlah kita ada dalihan-dalihan mengadakan satu bangsa mewah atau dengan izin, super race.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat kita, kita tak boleh menyentuh dasar Kerajaan luar negeri terutama dasar negara jiran kita yang kita mempunyai hubungan yang sangat baik, kalau misalan, contoh satu dua boleh. Secara mendalam saya harap Ahli Yang Berhormat jangan menyentuh lebih daripada itu. Sila teruskan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, Kerajaan Singapura bukanlah musuh Parti DAP. Ini bersangkutan satu dasar yang saya ingat bila dibandingkan dengan dasar kami yang tidak dapat diterima oleh kerana itu saya bagi satu contoh di rantau ini, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, kita mesti bergiat dalam lingkungan ditentukan oleh ibu semula jadi (mother nature). Saya mengalu-alukan cadangan menyelaras rancangan-rancangan pelajaran, perhubungan dan latihan yang menguatkan satu masyarakat yang viable dan masyarakat mana yang boleh sokong secara aktif pengawalan projek-projek dalam negeri ini tanpa menarik pekerja-pekerja asing seperti migran-migran haram Indonesia yang siapa meninggikan kejadian-kejadian jenayah dalam negara ini dan juga menimbulkan beberapa masalah-masalah sosial juga dalam negara ini.

Tuan Speaker, saya harap rancangan-rancangan yang dicadangkan akan meliputi program-program menggalakkan nilai-nilai etika dalam kalangan belia kita. Dalam hal ini saya harap Kerajaan akan menimbangakan dengan serius pengenalan undang-undang memaksa anak-anak membantu ibu bapa mereka seperti dicadangkan di Singapura.

Langkah ini yang diambil oleh Singapura, sepatutnya dibuat beberapa tahun dahulu dan juga penting. Anak yang tidak menghormati ibu bapanya tidak baik bagi masyarakat. Anak-anak dengan perangai seperti ini akan menjadi mtangsa kepada sikap mereka menjadi ibubapa sendiri.

Tuan Speaker, saya harap Kerajaan akan menubuhkan satu Jawatankuasa bagi hal ini dengan tujuan membuat satu laporan kepada Parlimen. Dalam hal ini, saya harap Dewan ini juga menerima dan sokong dengan penuh syor-syor itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat.

3.56 ptg.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha (Batu Pahat) Tuan Yang di-Pertua: saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang untuk menukarkan nama satu Akta Perancang Keluarga kepada Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga.

Pindaan ini pada pendapat saya sangat sesuai memandangkan istilah perancang keluarga itu terlalu sempit seolah-olah Lembaga ini hanya memustahakkan untuk menentukan supaya keluarga kita bukan satu keluarga yang besar tetapi ditentukan untuk menjadi keluarga yang kecil sahaja.

Dengan nama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, lembaga ini boleh memainkan peranan yang lebih meluas dan lebih berkesan lagi, kerana pada pendapat saya Lembaga ini mempunyai maklumat-maklumat dan data-data yang sangat penting yang boleh digunakan oleh Kerajaan untuk membuat dasar-dasar negara seperti dasar pelajaran, dasar pertanian, dasar kesihatan dan sebagainya kerana setiap dasar itu disediakan untuk dilaksanakan demi kepentingan penduduk sekalian.

Saya berpendapat kemungkinan besar disebabkan oleh kerana ketidakjayanya dasar-dasar Kerajaan kadangkala ialah kerana kita tidak mengambil ataupun tidak mengiktiraf data-data atau pun maklumat-maklumat yang ada tersedia di dalam Lembaga Perancang Keluarga pada masa-masa yang lampau untuk digunakan sebagai satu asas di dalam membentuk segala dasar Kerajaan kita.

Saya ingin mengemukakan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk mengadakan jumlah penduduk sebanyak 70 juta. Saya ingin bertanya, apakah kemungkinan kita berkemampuan untuk mengadakan penduduk sebanyak 70 juta. Kalau kita mahu, bagaimana kita hendak melaksanakan. Mengikut data yang disediakan oleh Lembaga Perancang Keluarga kita boleh mencapai penduduk sebanyak 70 juta dalam tahun 2010 dengan syarat setiap keluarga ataupun suami isteri hendaklah bekerja keras untuk mendapatkan 10 orang anak dalam masa mereka berkemampuan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Berapa lama itu?

Tuan Daud bin Dato Haii Taha: Ikut kuat, Tuan Yang di-Pertua. Dalam msaa 28 tahun lagi bermakna kita perlu mengadakan "growth rate" stbanyak 5.5%. Jadi saya tidak faham bagaimanakah kita boleh mendasarkan satu dasar yang telah kita luluskan baru-baru ini iaitu Akta Keluarga Islam yang membuat menyusahkan orang Islam untuk menikah atau berkahwin, kerana apabila disusahkan, maka kemungkinan besar kita tidak boleh mencapai untuk mendapat penduduk yang banyak. Sekiranya kita tidak mampu untuk mendapatkan penduduk 70 juta dalam tahun 2010 apakah maksul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu kita boleh mendapat keupayaan untuk mem-tadbirkan ataupun mendapatkan produktiviti yang dilaksanakan 70 juta orang dengan penduduk yang jauh kurang daripada itu.

Dengan ini, bermakna kita terpaksa mengadakan robot-robot untuk mengendalikannya kerja-kerja kita ataupun kita terpaksa memekanaiskan atau memodenkan segala pekerjaan-pekerjaan kita, industri-industri kita, pekerjaan yang boleh kita gunakan dengan tenaga manusia kita hendaklah tukarkan dengan menggunakan tenaga robot ataupun mechanisation atau computerisation dan sebagainya.

Maka dalam perkara ini perlulah Kerajaan mengkaji setakat mana kemampuan kita boleh dalam masa yang singkat untuk mendapatkan automation ataupun perkara-perkara yang saya sebutkan tadi untuk kita melaksanakan hasrat Perdana Menteri kita. Apabila kita mampu mengadakan penduduk sebanyak itu, kita perlu memikirkan pula bagaimanakah keadaan negara kita pada tahun itu. Misalnya, tahun 2010 kita mempunyai penduduk 70 juta. Bayangkanlah bagaimana keadaan Bandaraya Kuala Lumpur pada masa itu. Kemungkinan kita mempunyai penduduk sebanyak 7 juta orang, 8 juta orang dengan keadaan jalanraya yang penuh sesak, dengan Lalintas yang mungkin tidak terfikir pada masa ini oleh kita semua. Dan terpaksa pihak Bandaraya memikirkan cara mana untuk melaksanakan komunikasi Bandaraya pada masa itu seperti mengadakan MRT sistem, bawah tanah, aerobus, mengadakan helicopter dan sebagainya. Dan bagaimana pula dengan keadaan makanan pada masa itu. Adakah negara kita berkemampuan untuk menyediakan makanan sebanyak itu untuk penduduk 70 juta. Bagaimana dengan sekolah-sekolah, bagaimana dengan hospital-hospital? Jadi inilah perkara yang patut kita fikirkan sebagai satu dasar untuk kita melebihi rakyat, penduduk negara kita.

Sekarang ini kita sedang menghadapi masalah di mana kita belum lagi dapat menguasai ataupun memberi kepuasan kepada sekalian penduduk dalam memenuhi permintaan kemudahan asas. Banyak lagi di kampung-kampung, di pedalaman tidak ada pembangunan bahkan

pedalaman di mana bukan sahaja tempat-tempat itu tidak mempunyai kemudahan asas seperti api, air, jalanraya, jambatan dan sebagainya. Jadi oleh sebab yang demikian, saya sangat berminat sekiranya pihak Lembaga ini diberikan peranan yang lebih penting lagi di masa-masa akan datang untuk membolehkan supaya dasar-dasar Kerajaan yang hendak dilaksanakan itu mendapat faktor-faktor ataupun data yang sempurna dan boleh diperkirakan. Kita perlu memikirkan dalam masa akan datang bagaimana kita hendak memperbaiki keadaan penduduk kita. Kita perlu memperbaiki mutu penduduk dan mutu kehidupan rakyat kita di masa akan datang. Ini bermakna kita mesti memberikan mereka kesihatan yang baik, pelajaran yang cukup supaya mereka tidak buta huruf, tempat duduk yang sesuai dan selesa dan juga makanan-makanan yang cukup di samping pakaian yang sempurna. Kita perlu merancang untuk menyesuaikan jumlah penduduk supaya dirangkaikan pembangunan ekonomi, sosial seperti barang-barang makanan mencukupi, air mesti cukup untuk diminum, api, tenaga manusia, tenaga seperti gas, minyak dan sebagainya perlu kita perseimbangkan untuk memenuhi kehendak penduduk sebanyak itu.

Kita perlu juga memikirkan di masa akan datang bagaimana kita boleh menentukan supaya kehidupan di bandar-bandar dan di desa mempunyai keistimewaan yang tidak sama tetapi

mempunyai ciri yang berlainan tetapi memuaskan kepada penduduk yang berada di bandar ataupun di desa. Jadi tidak timbul pada masa ini orang-orang yang diam di desa merasa tidak puas hati dengan keadaan-keadaan yang dapat diterima oleh penduduk-penduduk di dalam bandar. Ini kita perlu memikirkan bagaimana kita boleh menyesuaikan keadaan ini seperti kita perlu memodenkan industri pertanian dengan menyediakan industri-industri yang moden di kampung-kampung, di desa-desa dan dalam perkara ini perlulah kita menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk

tujuan ini. Kalau di bandar-bandar kita boleh menyediakan industri-industri moden dengan mechanisation ataupun automation yang paling tinggi untuk mereka mendapat gaji yang lumayan maka bagi mereka di desa-desa untuk mendapatkan gaji berkurangan tetapi disebabkan oleh harga kos kehidupan yang lebih rendah maka kemungkinan kita boleh mengadakan satu industri yang primary jika dibandingkan dengan industri di bandar yang bertaraf secondary.

Saya suka membuat contoh di sini iaitu di dalam masa beberapa tahun yang lalu perindustrian pertanian kita makin berkurangan, makin turun. Bahkan yang bertambah ialah manufacturing industry dan perindustrian. Dalam tahun 1960 di Malaysia kita mempunyai 37% penduduk-penduduk yang melibatkan diri dalam pertanian. Tetapi dalam tahun 1980 jumlah ini berkurangan kepada 24%. Manakala manufacturing pula daripada tahun 1960 sebanyak 18% bertambah kepada 37%. Jadi ini menunjukkan minat penduduk-penduduk kita ataupun modal-modal yang disediakan oleh negara kita berat kepada perindustrian dan manufacturing. Keadaan ini sangat merbahaya, Tuan Yang di-Pertua, kerana kemungkinan pada satu masa nanti tidak ada lagi orang-orang yang berminat untuk bertani. Sebab itulah di negeri Jepun, misalnya, murid-murid sekolah-sekolah diberikan minat untuk semasa mereka berada di sekolah seperti di sekolah menengah untuk menjalani satu cara hidup, lebih kurang satu bulan di desa untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti pertanian supaya mereka jangan lupa yang negara mereka itu pada asalnya ialah sebuah negara pertanian dan bukan negara perindustrian keseluruhannya. Kerana sekiranya negara kita hanya pesat membangun dengan perindustrian tetapi membelakangkan industri pertanian maka kemungkinan besar pada satu hari nanti untuk makanan kita, kita terpaksa bergantung kepada negara luar yang mana menyebabkan kita boleh diblackmailkan ataupun dibuatkan dengan satu cara di mana kita terpaksa terperangkap dengan keadaan kita terpaksa

meminta-minta kepada negara-negara tersebut. Maka kita perlulah memperseimbangkan keadaan ini, keadaan perindustrian pertanian dengan industri-industri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling saya takuti ialah di masa-masa akan datang satu pencemaran alam yang begitu hebat kerana memandangkan perindustrian yang begitu pesat yang mana sekiranya tidak dikawal sudah tentulah keadaan pencemaran alam di masa-masa akan datang akan menjadi satu perkara yang akan merosakkan keadaan kesihatan penduduk-penduduk.

Maka oleh sebab itu kita perlulah memikirkan bagaimana sekiranya kita hendak mengindustrialisekan negara kita, tentulah dengan syarat alam sekitar kita jangan tercemar.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita telah mempunyai kesihatan yang baik kemungkinan penduduk-penduduk kita makin bertambah panjang umurnya, seperti negara Jepun sekarang umur panjang mereka ialah sebanyak 75 tahun bagi orang-orang lelaki dan hampir 80 tahun bagi wanita. Bagi negara kita sekarang ini kalau tidak silap saya ialah 55 tahun untuk lelaki dan 60 tahun untuk wanita. Tetapi sekiranya semakin baik kesihatan semakin panjang umur penduduk-penduduk negara kita apakah akan terjadi kepada penduduk-penduduk yang muda. Kerana kemungkinan apabila mereka berumur 60 tahun mereka boleh berkemampuan lagi untuk terus bekerja—berkhidmat kepada negara dengan mempunyai akal fikiran yang masih kuat dan masih aktif. Oleh sebab itu, kemungkinan pada masa itu Kerajaan kita terpaksa memanjangkan umur pencen daripada 55 tahun kepada 60 tahun, kerana Kerajaan tidak mampu pada masa itu untuk membayar pencen yang berterusan kerana mereka hidup bertambah panjang umurnya. Maka oleh sebab yang demikian, Kerajaan mungkin pada masa itu terpaksa memanjangkan umur kerja pencen daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Maka pada masa itu

apa akan terjadi kepada penduduk-penduduk yang muda yang berkehendakkan pekerjaan. Apakah pada masa itu kita tidak akan menghadapi satu masalah pengangguran yang maha hebat. Maka itulah pada saya di dalam apa-apa perancangan pun kita mesti berbalik semula kepada angka-angka tunjuk yang boleh disediakan oleh Lembaga Perancang Keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat menyokong akan pindaan Akta ini untuk kebaikan keseluruhan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.13 *ptg.*

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: (Padang Rengas): Bismillah-rahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Akta Perancang Keluarga (Pindaan) 1984 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih atas kesedaran Kerajaan untuk membawa Akta ini ke Dewan yang mulia ini walaupun Akta ini tidak menyentuh struktur dan kuasa pentadbiran undang-undang, yang terkandung di dalam Akta ini hanyalah yang akan dipinda pada namanya sahaja seperti yang tercatat dalam Fasal 2 Akta ini tetapi saya berharap sempurna dengan perubahan namanya yang baharu itu maka seluruh kegiatan Lembaga itu perlu dikaji semula dan langkah-langkah yang berkesan dan lebih bermakna perlu diambil bagi menebus kembali nama Lembaga ini yang sudah agak terjejas dari tanggapan umum kerana kegiatan-kegiatannya yang tidak begitu sempurna pada masa-masa yang lampau ataupun kerana dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan begitu kerana walaupun Yang Berhormat Menteri dalam masa membentangkan Akta ini telah memberikan hujah-hujahnya yang jelas akan fungsi dan objektif Lembaga ini dengan panjang lebar tetapi oleh sebab kegiatan dan

penyebarannya yang tidak begitu meluas dan menyeluruh di kalangan rakyat negeri ini maka apa yang nyata pada tanggapan umum bahawa peranan Lembaga Perancang Keluarga ini hanyalah semata-mata untuk mencegah pertumbuhan penduduk yang dikatakan agak tinggi di negeri ini iaitu di dalam kadar di antara 2.5% sehingga 3% setahun. Kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi ini kononnya akan menimbulkan berbagai-bagai masalah dari segi kependudukan, ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Keadaan ini menjadi semakin buruk manakala pihak Pembangkang menjadikan sebagai suatu isu politik yang diperdebatkan di khalayak umum dan dipopularkan pula oleh berbagai-bagai media menerusi akhbar, majalah dan sebagainya.

Misalnya, pihak PAS dengan lantang menyuarakan bahawa peranan Lembaga Perancang Keluarga ini adalah bertentangan dengan hukum Allah, kata mereka menggunakan pil-pil pencegah beranak itu boleh disifatkan sama seperti membunuh manusia. Jika peranan Lembaga Perancang Keluarga ini berlaku berterus-terusan dikalangan orang-orang Melayu kata mereka bukan sahaja ianya bertentangan dengan hukum-hukum Allah tetapi akhirnya akan menjejaskan survival orang-orang Melayu di negara ini. Apalah lagi pula pergerakan Perancang Keluarga itu memang tidak pernah wujud dan timbul di dalam sejarah Islam. Kalau pun ada Perancang Keluarga di negara-negara Islam itu adalah dimport daripada negara-negara Barat. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh mereka itu telah berjaya juga mempengaruhi masyarakat Islam di negara ini dan ini akan memberi sedikit sebanyak keuntungan politik kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, manakala pihak DAP pula mengambil kesempatan juga untuk mendapat keuntungan politik mereka dengan hujah-hujahnya yang tersendiri seperti yang disuarakan oleh Setiausaha Agongnya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka waktu menyampaikan

pandangannya di dalam membahaskan Akta ini pada petang semalam dengan membuat perbandingan bahawa di masa-masa kebelakangan ini pertumbuhan orang-orang Melayu telah melebihi lain-lain kaum di negara ini. Disamping mengaitkan pula dengan kedatangan pendatang-pendatang haram dari Vietnam, Filipina, Indonesia dan sebagainya. Perkara ini juga disambung dan diulangi lagi oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita melihat dari sudut kemasyarakatan pula kita akan melihat beberapa kesan-kesan negative yang berlaku dikalangan masyarakat kita akibat dari peranan Lembaga Perancang Keluarga ini. Misalnya, dengan adanya peluang dan kemudahan mendapatkan pil-pil atau ubat-ubat pencegah beranak di pasaran terbuka maka anak-anak gadis yang sudah diresapi oleh kebudayaan kuning sudah tidak takut hamil lagi, walaupun mereka mengetahui seribu kali lelaki ternoda dunia hanya akan ketawa sahaja tetapi sekali wanita ternoda, dunia akan menangis. Walaupun mereka menyedari bahawa jika rahsia mereka yang terkutuk itu terserah kepada pandangan umum mereka akan kehilangan maruah diri. Dan lagi masyarakat Islam pula walaupun mereka meyakini bahawa jika mereka mati sebelum sempat bertaubat setelah melakukan perbuatan yang terkutuk itu mereka akan direjam ke dalam api Neraka. Tetapi mereka tidak merasa gerun kerana tarikan pengaruh pil-pil atau ubat-ubat pencegah beranak itu. Mereka yakin dengan menggunakan ubat itu akan dapat menutup rahsia perbuatan mereka yang terkutuk itu. Mereka lupakan kekuasaan Allah bahawa Allah adalah mengatasi segalanya. Sebagaimana firman Allah dalam Al-Quraan menyatakan bahawa sanya Allah adalah berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu.

Akibat daripada pengaruh Barat atau kebudayaan kuning yang mengizinkan manusia yang berlainan jantina dapat bergaul dan bermesra dengan bebas serta berluasa di negara ini

maka kemudahan-kemudahan mendapatkan pil-pil pencegah beranak itu telah membantu mendorong mereka mengadakan hubungan jantina yang sangat-sanat terkutuk. Ekoran dari itu lahirlah satu cara hidup baharu, cara hidup moden di kalangan masyarakat iaitu mereka lebih gemar hidup berkeluarga tanpa nikah atau dengan lain-lain perkataan bersekedudukan tanpa nikah. Ini merupakan satu kebudayaan yang tidak sihat. Satu gejala buruk yang patut dibenters dari tubuh masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pula undang-undang pentadbiran Islam bagi umat Islam dan beberapa undang-undang bagi keluarga bukan Islam maka muncul lagi satu kebudayaan iaitu apa yang dikenal dengan perempuan simpanan di kalangan mereka yang sudah mempunyai keluarga yang sah di sisi undang-undang. Keadaan ini akan memburukkan lagi perancangan keluarga di negara kita. Demikianlah secebis contoh kekesanan dari segi politik dan sosial ekoran dari perancang keluarga yang sempit dan kurang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan namanya yang baharu iaitu Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga atau Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, dapatlah ditafsirkan bahawa peranan Lembaga ini akan mencakupi bidang kependudukan dan pembangunan keluarga, tidak hanya terbatas kepada perancangan keluarga semata-mata seperti tanggapan masyarakat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah disedari pertumbuhan penduduk yang tinggi terutama di negara-negara yang membangun seperti Malaysia ini sudah pasti akan menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial dan ekonomi di kalangan rakyat. Tetapi kekesanan yang timbul dari penambahan penduduk itu ada yang membawa kesan yang negatif dan ada pula yang membawa kesan yang positif. Di antara kesan-kesan negatif itu umpamanya kumpulan penduduk yang terdiri 40%

yang berada di dalam lingkungan umur 15 tahun itu merupakan bebanan negara kerana mereka tidak produktif dari segi ekonomi dan memerlukan perbelanjaan yang banyak terhadap kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan, latihan dan infrastruktur sosial yang lain.

Kedua, pertumbuhan penduduk-penduduk yang pesat di kawasan bandar mewujudkan kadar urbanisasi yang tinggi dan masalah kependudukan dan juga lebih penduduk-penduduk bandar boleh menimbulkan masalah pengangguran, masalah setinggan, masalah pencemaran alam sekitar, masalah kesibukan lalu-lintas, masalah kesukutan, masalah masalah jenayah dan lain-lain lagi. Pertumbuhan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar pula menimbulkan masalah ekonomi dan sosial seperti kekurangan tanah untuk pertanian, pengangguran, kejatuhan dalam daya pengeluaran, kemiskinan, keperluan perbelanjaan kemudahan-kemudahan asas yang besar untuk kemudahan awam seperti bekalan air, mengadakan bekalan api, mengadakan jalan-jalan, mengadakan jambatan, mengadakan pusat-pusat kesihatan dan sebagainya.

Namun demikian pertumbuhan penduduk yang pesat boleh membawa kekesanan yang positif untuk pembangunan masa hadapan negara seperti boleh mendapatkan bekalan tenaga buruh yang banyak dan murah bagi membangun pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu dapat juga peluang untuk meninggikan kualiti tenaga manusia menggunakan sumber-sumber ekonomi yang ada dan ini lebih merupakan suatu khazanah negara yang sangat berharga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu pada pandangan saya peranan Lembaga ini perlulah dikaji semula dan disesuaikan dengan perkembangan yang wujud sekarang ini serta disesuaikan dengan tuntutan zaman. Dalam hubungan ini saya ingin menyarankan :

- (1) Lembaga ini hendaklah memperluaskan penerangannya tentang mengapa dan kenapa

Lembaga ini diwujudkan di dalam negara kita. Penerangan-penerangan ini hendaklah diberi menerusi berbagai-bagai media yang ada sama ada televisyen, radio, akhbar, majalah, majlis-majlis ceramah, forum dan sebagainya supaya dapat mengikis tanggapan masyarakat terhadap peranan Lembaga selama ini, di samping memusnahkan harapan pihak-pihak yang cuba mencari keuntungan politik atau menanggung di air keruh.

- (2) Sebuah Lembaga Penyelidikan yang sempurna perlu diadakan untuk membuat kajian secara menyeluruh tentang keperluan-keperluan rakyat secara berterusan bagi membantu Kerajaan dalam merancang dan melaksanakan pembangunan negara selaras dengan objektif Dasar Ekonomi Baru atau aspirasi rakyat.
- (3) Kerajaan perlu mengawal penjualan atau penyibarang sebarang bentuk pil atau ubat pencegah beranak. Jika perlu, satu undang-undang perlu diwujudkan bagi mengawal penggunaan ubat yang tersebut. Walaupun menurut keyakinan umat Islam ubat itu tidak memberi bekas tetapi ia mempunyai sabit yang berkesan untuk mencegah kelahiran bayi. Kejayaan Kerajaan di bidang ini dapat mencegah berlakunya perhubungan jantina yang berleluasa dengan cara yang tidak halal di negara ini, di samping menghalang pertumbuhan kebudayaan kuning iaitu hidup cara bersekedudukan tanpa nikah di kalangan masyarakat.
- (4) Sesuai dengan konsep penerapan Islam anjuran Kerajaan, maka di dalam melaksanakan program Lembaga ini, pendapat-pendapat dari para ulama perlu diperolehi sekurang-kurangnya untuk memastikan setakat mana

langkah-langkah yang diharuskan oleh Islam dalam konsep perancangan keluarga supaya ia tidak bercanggah dengan hukum-hukum Allah dan undang-undang tabi'i manusia.

- (5) Kerajaan perlu memberi satu peruntukan yang menasabah bagi mempertingkatkan prestasi perkhidmatan Lembaga ini dari masa ke semasa.
- (6) Untuk menjimatkan perbelanjaan dan tenaga, pihak Lembaga mestilah berkeupayaan mengenalpasti mana-mana golongan masyarakat yang perlu diberi keutamaan agar mereka dapat dilibatkan untuk mencapai matlamat Lembaga yang sebenarnya.
- (7) Jika boleh, pihak swasta juga perlu dilibatkan untuk membantu Lembaga ini di dalam mempertingkatkan prestasi perkhidmatannya ke arah pembangunan masyarakat dan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sebagai seorang hamba Allah yang cintakan kerukunan hidup berumah-tangga, cintakan kedamaian hidup berkeluarga dan cinta kepada keluhuran budi masyarakat, sukalah saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini menyeru kepada semua lapisan dan golongan masyarakat sama ada dari kalangan pertubuhan-pertubuhan yang bercorak politik atau sosial juga badan-badan perkhidmatan awam dan swasta dan orang-orang perseorangan hendaklah memberikan apa sahaja bantuan yang sesuai dengan keupayaan masing-masing untuk membantu Lembaga ini dan janganlah keupayaan dan kemampuan yang ada itu digunakan semata-mata untuk mencari keuntungan politik atau peribadi. Mudah-mudahan dengan izin Allah sama-samalah kita dapat mencatat atau mengukir satu sejarah keagungan masyarakat yang gilang-gemilang di masa hadapan supaya kita menjadi satu bangsa yang bermaruah lagi disegani dan dihormati oleh masyarakat dunia antarabangsa.

Maka dengan hujah-hujah yang demikian saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Akta ini. Wabillahi-taufik-walhidayah. Wassalamu-alaikum warahmatullahi-taala-wabarakatuh.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.28 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perancang Keluarga, 1966 yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam membentangkan Rang Undang-undang ini, penukaran nama bagi Lembaga Perancang Keluarga Negara akan menjadi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, adalah kena pada masa dan tempatnya. Penukaran nama ini akan membuka lebih banyak lagi ruangan-ruangan di mana Lembaga dapat bertindak dalam hal kependudukan supaya segala langkah yang diambil oleh Lembaga dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada keluarga tetapi kepada negara.

Masalah kependudukan harus dikaitkan dengan masalah lain yang terdapat di dalam negara mengenai pembangunan dan kemajuan negara. Dengan penukaran ini bukan sahaja aspek klinikal keluarga disentuh tetapi kebajikan dan pembangunan keluarga serta kebajikan penduduk di negara ini. Dengan mengadakan penekanan kebajikan ini tentu dasar ini akan memberi faedah yang besar kepada penduduk dan negara. Penekanan ini perlu oleh kerana di mana-mana negara apabila GNP meningkat soalan yang ditanya-tanya oleh rakyat ialah adakah kenaikan GNP per kapita ini dirasai oleh semua lapisan rakyat terutama golongan yang miskin dalam bentuk kenaikan pendapatan, peningkatan taraf hidup dan sebagainya.

Dalam tempoh 10 tahun yang lalu ekonomi negara telah berkembang dengan pesatnya iaitu pada kadar 7.9% setahun dan ini telahpun mengakibatkan peningkatan keluaran dalam negara kasar per kapita serta pertambahan GNP per kapita. Adalah harapan rakyat bahawa Lembaga ini dari masa ke semasa harus memperseimbangkan kadar purata pertumbuhan kependudukan dengan perkembangan ekonomi negara supaya kebajikan sosio ekonomi penduduk tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, satu hasrat kita ialah supaya negara kita mempunyai penduduk yang lebih banyak memandangkan kepesatan perkembangan ekonomi negara dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Dalam tempoh masa yang sama Kerajaan telah melaksanakan berbagai rancangan dan dasar dengan tujuan memodenkan sektor pertanian dan juga pembangunan perindustrian. Untuk mencapai matlamat dan hasrat Kerajaan ini negara kita memerlukan tenaga buruh yang banyak supaya dapat memberi sumbangan dalam sektor pertanian, perindustrian dan sektor perkhidmatan. Selain daripada mewujudkan sumber tenaga buruh yang besar pertambahan kependudukan ataupun pertumbuhan penduduk akan juga memberi pasaran di dalam negara yang besar. Pasaran di dalam negeri yang besar ini perlu supaya dapat menentukan barang-barang pembuatan Malaysia dapat dipasarkan dengan lebih mudah.

Saya menyeru Lembaga ini supaya dalam melaksanakan dasar sama ada menggalakan pertumbuhan kependudukan ataupun sebaliknya Lembaga sebaik-baiknya mengambil beberapa faktor dalam perkiraan.

Pertama, sama ada perkembangan ekonomi negara dapat menampung segala masalah sosio ekonomi yang akan timbul dengan bertambahnya bilangan penduduk. Sebetulnya masalah ekonomi akibat dari pertumbuhan kependudukan bukan oleh kerana bilangan yang besar tidak dapat diberi

makan tetapi pertumbuhan kependudukan yang terbiar menghalang pilihan kemajuan yang dapat dilaksanakan jika tidak ada pertumbuhan kependudukan yang terbiar sahaja. Dalam bahasa lain, dengan izin, the economic problem of population growth is not that much larger numbers cannot be fed, it is that sustained population growth bars desirable development options that otherwise could have been attainable.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Bank Dunia dalam tempoh 10 tahun yang lepas, perkembangan ekonomi dunia telah berkembang dengan pesatnya iaitu pada kadar 4% setahun. Tetapi sekarang nampaknya menurun ini telah berkurangan dalam tahun 1979 hingga 1983, perkembangan ekonomi dunia adalah pada kadar 1.7% setahun. Pakar-pakar ekonomi telah mengatakan bahawa perkembangan ini merupakan satu ke-melesetan yang panjang sekali semenjak 1930an dan ini mungkin menjadi satu tanda yang menunjukkan satu perubahan di ekonomi dunia iaitu satu perubahan kepada perkembangan ekonomi jangka panjang yang tidak dinamis.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 4 tahun itu 1970 hingga 1983, kependudukan dunia bertambah pada kadar 1.7% setahun yang, dengan izin, exactly offsetting the modest economic expansion, Bank Dunia telah melaporkan bahawa dalam tahun 1970 an GHD perkapita telah menerima di 18 buah Nagara. Sebab-sebab kekurangan ini ialah kerana keadaan politik yang tidak di ambil tetapi sebab yang penting ialah pertumbuhan kependudukan telah mendahului atau pun yang telah auts tripped perkembangan dari segi pengeluaran ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Lembaga mengambil kira tentang prestasi dan pertumbuhan ekonomi dunia dan pertumbuhan ekonomi negara kita sebelum perubahan kepada kadar purata setahun pertambahan penduduk dibuat oleh kerana perkaitan yang rapi yang terdapat di antara

kependudukan dan perkembangan ekonomi. Ini perlu oleh kerana negara kita yang dalam beberapa tahun yang telah melaksanakan beberapa dasar untuk menjadikan satu negara yang berindustri dan oleh kerana itu kita harus mengambil kira tentang hasrat kita mengadakan bilangan penduduk yang lebih ramai supaya dalam kita mencapai matlamat negara dari segi kemajuan industri, pertumbuhan kependudukan harus juga diambil kira supaya ada keseimbangan di antara kedua itu.

Dalam hal ini kita harus mempelajari dari peristiwa ataupun pengalaman negeri Jepun di mana selepas Meiji Restoration, Kerajaan Jepun teliti menggalakkan pertumbuhan kependudukan dan dalam masa 50 tahun negara Jepun telah mengadakan pertumbuhan kependudukan yang begitu tinggi sekali sehingga pada satu saat Kerajaan Jepun terpaksa melaksanakan, mengadakan satu "crash programme" untuk mengawal keadaan sosio ekonomi dan politik tertimbul dari kepesatan pertumbuhan kependudukan negeri Jepun.

Dari segi pelaksanaan dasar Kerajaan mengenai kependudukan, Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang kepada Lembaga supaya dapat menetapkan prioritiya bukan sahaja dalam masa jangka pendek tetapi juga dalam masa jangka panjang supaya masalah kependudukan diberi tempat dan peranan yang kena dan sesuai dalam kemajuan negara. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, population cannot be dissociated from the other determinants of development. It is only one element in a larger system.

Lembaga juga harus membuat keputusan mengenai apa yang harus dibuat dengan segera dan juga membuat perhatian yang khusus kepada perkara yang mungkin mempunyai, dengan izin, continuing relevance kepada kemajuan negara ataupun surunya perkara tertentu terbiar dan tidak diberi layanan ataupun perhatian sewajarnya dan juga Lembaga harus

memberi perhatian kepada perkara-perkara yang baru timbul dalam masa yang lepas. Sebagai misalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pentingnya kemajuan kemasyarakatan di mana keputusan diambil di peringkat bawah oleh rakyat jelata.

Kita harus memberi penekanan kepada pentingnya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, community development which permits decision-taking at the personal level with face-to-face contact within the range of the human voice. Satu cara bagaimana tujuan ini dapat dikesankan ialah melalui satu program yang melibatkan aspek penerangan, pendidikan dan perhubungan demi menggalakkan dan menyokong, penyertaan orang ramai. Dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, a broad-based information, education and communication programme to encourage and support popular participation from the people. Dengan adanya program tersebut, program-program perancang keluarga dapat menjadi satu perkara yang diminati oleh orang ramai terutama orang ramai di bawahan ataupun grass-root level. Ini perlu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan program perancang keluarga adalah satu perkara yang sensitif kepada semua kaum dan lapisan masyarakat.

Lembaga harus membuat pengawasan dan susulan dari masa ke semasa secara ketat supaya tidak ada pihak yang menyalah gunakan konsep perancang keluarga ini.

Di kawasan saya; Tuan Yang di-Pertua, ada sungutan dari pihak orang ramai khususnya kaum wanita di luar bandar bahawa mereka dipaksa oleh jururawat-jururawat untuk berhenti dari beranak lagi walaupun perempuan itu tidak bersetuju. Memandangkan mereka adalah orang yang, dengan izin, simple-minded dan ignorant mereka mudah dipengaruhi oleh jururawat-jururawat yang menggunakan bahasa-bahasa yang enak sekali. Mereka ini mudah dipengaruhi oleh jururawat-jururawat yang tidak memberi penerangan yang sempurna kepada

wanita-wanita tertentu. Oleh itu Lembaga harus menggunakan segala agensi-agensi Kerajaan terutama Jabatan Penerangan supaya memainkan peranan yang penting dalam usaha memberi penerangan dan layanan yang berkesan kepada rakyat.

Saya merayu kepada Lembaga supaya mendirikan klinik-klinik tertentu di semua daerah dan bahagian di seluruh negara supaya pendedahan dapat dibuat kepada program-program perancang keluarga dan juga penerangan pendidikan dan perhubungan dapat diberi kepada penduduk-penduduk yang jauh di luar bandar terhadap perancang keluarga ini.

Apa yang berlaku setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah di mana tidak ada klinik atau pun Pejabat Perancang Keluarga tugas ini adalah diambil alih dan disalurkan menerusi Jabatan Kesihatan dan Klinik Desa yang terdapat di merata-rata tempat di seluruh negara. Jika boleh saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat menambah bilangan kakitangan yang terlibat dalam perancang keluarga supaya dapat meluangkan masa yang khusus yang panjang untuk memberi penerangan yang lanjut kepada rakyat terutamanya penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pergerakan segala agensi Kerajaan dan swasta dapat memberi kesan yang berfaedah kepada rakyat apabila pendekatan multi-disciplinary ini dilaksanakan oleh Lembaga. Adalah harapan kita bahawa dengan adanya pendekatan ini masalah anak-anak kita akan menjadi lebih baik sempurna dan terpelihara. Oleh kerana apabila kita membincangkan masalah kependudukan kita tidak dapat lari dari hakikat di mana pertumbuhan kependudukan harus diikuti dengan mutu, taraf dan nilai hidup yang mewah. Jika keadaan ini tidak diperseimbangkan, ini akan menimbulkan masalah-masalah sosio ekonomi dan politik yang akan menjejaskan kesetabilan politik negara di masa yang akan datang.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Seremban.

4.48 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, Akta ini akan menimbulkan banyak perkara-perkara yang ada berkaitan dengan semua rakyat di negeri ini. Saya rasa Kerajaan melalui Akta ini akan dilancarkan satu experiment baru, dengan izin, social engineering and population increase.

Sungguhpun saya setuju dengan tujuan untuk memperbaiki kebajikan kepada rakyat kita, tetapi saya rasa kalau kita ada menaik atau increase population dengan satu cara yang cepat ini boleh membahayakan taraf hidup semua rakyat di negara kita.

Bolehkah kita sekarang dengan meneliti tengok apakah keadaan ekonomi kita sekarang? Berkenaan dengan ekonomi dan sosial faktor-faktor di negara kita, kita nampak baru-baru ini Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional ada kata bahawa ada banyak kawasan-kawasan dengan keadaan kemiskinan yang hebat. Kalau kependudukan (population) naik dengan cepat, mana boleh kita selesaikan dan mengatasi masalah-masalah kemiskinan di luar bandar, di bandar atau di kampung-kampung baru?

Dalam dekad 1970, sungguhpun Kerajaan ada melaksanakan dasar industri untuk memberi kerja-kerja atau employment kepada penduduk-penduduk dan pemuda-pemudi, tetapi semua kilang yang ditubuhkan hanya beri 400,000 kerja, 400,000 jobs dengan izin, tetapi orang yang masuk lapangan untuk mencari kerja seramai 2 juta pemuda-pemudi, jobs yang dikeluarkan daripada semua industri dan kilang-kilang 400,000, pemuda-pemudi yang masuk lapangan untuk mencari kerja 2 juta dan keadaan sekarang dalam kadar pertumbuhan

(population) 2.5% atau 3%. Begitu juga keadaan sekarang berkenaan dengan housing terdapat backlog sebanyak 50,000 sampai 500,000 backlog, kekurangan perumahan dan 35% penduduk-penduduk di kawasan bandar tinggal di dalam kawasan setinggan-setinggan. 35% dengan izin, of the people in Bandar, in towns cities stay in squatter areas. Jadi macamana kita mahu menaikkan population lagi dengan satu cara yang cepat sampai tahun 2010, mahu dapat 70 juta dalam negara kita.

Di lain tempat atau di lain sektor, hospital kekurangan doktor, kekurangan nurses, apapun kekurangan seperti kekurangan hospital dan klinik, begitu juga sekolah sama keadaannya. Sungguhpun kadar pertumbuhan (increase of population) 2.5% atau 3% sahaja. Sekarang kita ada banyak masalah sosial. Ramai pemuda yang ada kelayakan masuk universiti tidak ada peluang. Kalau kita ada 70 juta bilangan rakyat di negeri kita, 4 atau 5 kali berbanding dengan sekarang, macamana kita boleh mengatasi masalah atau problem ini? Saya mahu tanya—ada banyak. Oleh itu, saya tidak Tanam apa sebab Kerajaan mahukan satu polisi di mana kita akan dapat 70 juta bilangan orang li negeri kita. Kerajaan cakap kita mesti mahu ada satu consumer base di mana pengguna-pengguna boleh beli barang yang dikeluarkan daripada kilang-kilang kita. Kalau tidak ada consumer base, kilang-kilang kita tidak boleh dapat profit, dan tidak boleh maju. Jika kita tengok, jangan pergi jauh seperti England atau di mana-mana, di negeri jiran kita Indonesia berapa juta orang ada? 150 juta atau 200 juta, orangnya miskin lebih miskin daripada orang kita. Bolehkah 200 juta orang ini mempunyai purchasing power untuk membeli barang daripada kilang-kilang? Kalau kita ada 70 juta bilangan rakyat di negara kita, kalau taraf hidupnya tidak naik, sebaliknya turun, dia tidak ada purchasing power, bagaimana dia boleh membeli barang daripada kilang-kilang. Ini boleh menjejaskan polisi kita di mana kita

hendak menaikkan taraf hidup semua rakyat. Apakah Dasar Ekonomi Baru (DEB)? Dasar DEB ialah untuk memberi faedah kepada semua untuk menaikkan taraf hidup. Kalau kita melaksanakan suatu polisi yang boleh menjejaskan objektif ini, saya harap Kerajaan boleh fikir lagi.

Saya tidak mahu bercakap panjang tetapi saya rasa pihak Kerajaan tahu dan janganlah menaikkan population dengan satu cara yang cepat, beri dia natural increase, tiap-tiap tahun 2% 3% supaya kita boleh mengatasi masalah ini. Sungguhpun ada masalah tetapi tidak boleh perlahan-lahan mengatasinya. Kalau Kerajaan caranya lain seperti yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang iaitu mengimport orang dari luar negara kita untuk mendapat satu objektif 70 juta, ini saya rasa satu cara yang sangat tidak baik. Kita sudah bekerja begitu lama, semenjak 1957 sampai sekarang, kalau kita mempunyai ramai atau terlebih orang-orang di negeri kita, semua kerja akan habis, masuk Barisan, masuk DAP, jangan kira apa-apa.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang lagi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus dan yang akhir sekali Ulu Muda.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam turut sama membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perancang Keluarga 1966 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri petang semalam, sukalah saya menyentuh beberapa perkara. Tetapi terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan tahniah di atas khidmat-khidmat yang telah diberikan oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara kepada rakyat dan negara ini selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pokoknya, pada pandangan saya, tujuan Rang Undang-undang ini adalah

semata-mata untuk mengemukakan suatu perkara yang ringkas dan jelas iaitu untuk menukar nama Akta Perancang Keluarga 1966 kepada Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966, dan selaras dengan itu menukar nama Lembaga Perancang Keluarga Negara kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Saya tidak dapat mengesan dan mencari di mana-mana tentang terdapatnya di dalam Rang Undang-undang ini sebarang pindaan atau tambahan yang mengubah atau yang boleh dianggap boleh mengubah Akta ibu, apatah lagi yang menyentuh tentang dasar dan politik kependudukan negara, sebagaimana yang cenderung diperkatakan oleh setengah-setengah ahli Dewan ini. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, ucapan Ahli dari Kota Melaka semalam dan juga ucapan Ahli dari Seremban sebentar tadi adalah memeranjatkan saya, oleh kerana saya tidak menjangkakan bahawa soal pindaan Rang Undang-undang ini boleh diberikan suatu perbincangan mengikut sudut politik, terutamanya yang berhubung dengan dasar-dasar yang tidak ada dibentangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal-soal yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, Ahli dari Kota Melaka seperti soal tentangan orang-orang Melayu di Kelantan dan Terengganu terhadap kemasukan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini yang katanya adalah berdasarkan kepada sentimen perkauman oleh kerana sebilangan besar pendatang-pendatang haram tersebut adalah terdiri daripada orang-orang Vietnam keturunan Cina adalah satu pandangan yang berdasarkan kepada persepsi dan sentimen serta "slanted thinking" beliau itu sendiri. Tuduhan beliau bahawa orang-orang Melayu dan khasnya Kerajaan mencuba untuk mengubahimbangan penduduk mengikut kaum-kaum di negara ini, lebih-lebih lagi adalah satu imaginasi, satu cerita rekaan politik beliau itu sendiri juga. Satu lagi di antara banyak cerita-cerita rekaan dan

fantasi politik yang sememangnya banyak dan senantiasa dicipta oleh beliau.

Mengikut dan meneliti ucapan Ahli dari Kota Melaka selaku Ketua Pembangkang di Dewan ini, saya tidaklah dapat mengelakkan dari membuat pandangan bahawa tidak ada satu pun daripada pandangan-pandangan beliau yang telah tidak dibuat di luar daripada sudut pandangan politiknya dan di dalam membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Perancang Keluarga yang "straight forward" inipun tidaklah terkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli dari kawasan di mana pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini diberikan perlindungan di Pulau Bidong, Terengganu, saya sukalah hendak mengambil kesempatan untuk menjelaskan kepada Ahli dari Kota Melaka dan juga kepada Dewan yang mulia ini mengapakah sebenarnya rakyat Negeri Terengganu, khasnya rakyat dalam kawasan saya merasa gelisah dan menentang kebanjiran pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini, khususnya di dalam penempatan mereka di Pulau Bidong.

Yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, penentangan ini adalah penentangan kami sebagai rakyat negara ini, rakyat Malaysia, terhadap pencerobohan dan kebanjiran rakyat sebuah negara asing ke negara ini secara yang tidak terkawal dan tidak diingini oleh kami. Reaksi dan sikap yang sama sepatutnya diberikan oleh seluruh dan setiap orang daripada rakyat negara ini, malah oleh rakyat mana-mana negara sekalipun oleh kerana kebanjiran pendatang-pendatang haram ke dalam sesebuah negara boleh mendatangkan berbagai-bagai dan pelbagai masalah dan implikasi, lebih-lebih lagi dan terutamanya kebanjiran tersebut adalah hasil daripada kesan peperangan dan pergolakan politik sebuah negara asing.

Penentangan kami dan sepatutnya penentangan seluruh rakyat Malaysia terhadap kebanjiran pendatang-pendatang haram bukanlah penentangan

orang-orang Melayu yang dibuat di atas pertimbangan-pertimbangan perkauman dan politik, sebagaimana juga sekiranya ada perasaan-perasaan simpati terhadap pendatang-pendatang haram tersebut, ia bukanlah dan tidak sepatutnya dibuat di atas pertimbangan-pertimbangan perkauman atau politik tetapi di atas dasar-dasar dan pertimbangan-pertimbangan kemanusiaan sejagat.

Bagaimanakah banjiriran pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini tidak menimbulkan kegelisahan dan penentangan daripada rakyat negara ini, terutamanya rakyat Terengganu sekiranya mereka telah membanjiri negara ini secara mendadak dan besar-besaran beribu-ribu orang sehari, berpuluh-puluh ribu sebulan, malah telah mencapai angka 160,000 orang dalam satu jangka masa yang paling singkat sahaja sehinggalah rakyat negara ini pada satu ketika telah memikirkan bahawa mungkinlah banjiriran ini tidak akan ada hujung-nya.

Mereka telah mendarat di sepanjang pantai kami, memasuki kuala-kuala sungai kami, menenggelamkan bot-bot mereka di perairan-perairan pantai dan di muara-muara sungai untuk memastikan mereka diterima dan ditempatkan di negara ini oleh Kerajaan kita. Kejadian-kejadian dan tindakan-tindakan begini sudah pastilah bukan sahaja menimbulkan syak wasangka dan kegelisahan, malah kemarahan terhadap pendatang-pendatang haram ini oleh kerana telah menimbulkan kesulitan-kesulitan kepada nelayan-nelayan dan rakyat tempatan. Bot-bot yang ditenggelamkan dan tersadai di pantai-pantai beratus-ratus dan beribu-ribu di muara-muara menyekat perjalanan dan perairan kami sehingga pekerjaan dan kesenangan kami terancam, menimbulkan kesan-kesan buruk kepada kuala-kuala sungai dan sungai-sungai sendiri sehingga ada kuala yang tertutup dan pengkalan yang dalam menjadi cetek. Perairan pantai yang selama ini menjadi tempat menangkap ikan menjadi tidak selamat lagi kerana pukuk-pukuk di-

musnahkan oleh bangkai-bangkai bot yang ditenggelamkan secara "indiscriminate".

Kegelisahan, kemarahan dan penentangan begini sudah pastilah tidak ada kena-mengena dengan pertimbangan-pertimbangan kaum dan perkauman, malah orang-orang Terengganu tidak dapat dan tidak pandai memastikan keturunan orang-orang Vietnam. Yang dikatakan ialah mereka tentang pendatang-pendatang haram Vietnam bukan pendatang-pendatang haram keturunan Cina Vietnam. Hakikatnya, mereka tidak mengetahui dan tidak mengenali di antara orang-orang Cina dan orang-orang Vietnam, lebih-lebih lagi perawakan mereka sebenarnya tidaklah ada bezanya, malahan rakyat Terengganu rata-rata memikirkan bahawa orang-orang Vietnam adalah orang-orang Vietnam dan bukan orang-orang Cina.

Yang lebih menggelisah dan menimbulkan penentangan rakyat Terengganu, ialah soal penempatan pendatang-pendatang haram ini di Pulau Bidong. Pulau Bidong dan perairan sekitarnya adalah satu kawasan penangkapan ikan yang tradisional yang kaya dengan hasil-hasil laut, satu-satunya kawasan tangkapan yang menjadi tumpuan nelayan-nelayan tempatan. Di musim tengkujuh kawasan pulau ini bukan sahaja menjadi satu-satunya kawasan teduh yang membolehkan nelayan-nelayan menjalankan pekerjaan malah Pulau Bidong digunakan sebagai tempat berlindung. Dahulunya mereka bebas menjalankan pekerjaan mereka dan naik ke darat untuk berlindung daripada ribut, tetapi dengan penggunaan Pulau Bidong sebagai kawasan penempatan pendatang-pendatang haram, Pulau Bidong dan perairannya telah dijadikan kawasan larangan.

Nelayan-nelayan dalam kawasan saya telah kehilangan satu-satunya kawasan penangkapan yang selama ini menjadi punca rezeki bagi menyara hidup mereka. Ini juga bukan pertimbangan perkauman, ini pertimbangan sejagat di mana jika manusia diancam dan terancam dan hak mereka tergugat dan dirampas, mereka pasti akan menentang.

Tahukah Ahli dari Kota Melaka bahawa rakyat dalam kawasan saya masih lagi sehingga hari ini meneriakan kata-kata bahawa "Pulau Bidong kami punya, Pulau Bidong bukan Vietnam punya". Kemarahan dan penentangan terhadap banjir pendatang haram Vietnam tidak sama sekali dipandang oleh orang-orang Terengganu dan rakyat kawasan saya sebagai satu isu kependudukan. Isu kaum atau isu politik sebagaimana cuba digambarkan oleh Ahli dari Kota Melaka itu. Ini adalah pada pandangan saya satu fantasi beliau semata-mata.

Kami tahu dan kami memang menaruh kepercayaan dan keyakinan penuh bahawa banjir ini akhirnya akan dapat dibendung oleh Kerajaan melalui kerjasama masyarakat antarabangsa. Yang sudah pastinya kami memang yakin bahawa Kerajaan sama sekali tidak akan membenarkan mereka ditempatkan di negara ini oleh kerana mereka tidak ada suatu hak pun di negara ini selain daripada hak mendapatkan perlindungan sementara berdasarkan kepada undang-undang, lunas-lunas dan amalan-amalan politik antarabangsa.

Yang menjadi kegelisahan dan penentangan rakyat Terengganu terhadap banjir pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini dan penempatan mereka di Pulau Bidong ialah kesan-kesan buruknya kepada sosio ekonomi rakyat tempatan. Yang telah dirungutkan oleh mereka ialah tentang berlakunya kekurangan makanan dan beberapa barangan-barangan tertentu pada suatu masa dahulu dan kenaikan harga barangan-barangan keperluan asas harian di pasaran tempatan yang menjejaskan dan menyulitkan kehidupan mereka yang sedia sulit dan sempit

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat tolong kaitkan dengan Akta yang kita sedang bincangkan ini. Saya faham Yang Berhormat ingin menjawab hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tetapi tolong kaitkan dengan mana-mana fasal dalam Akta ini. Teruskan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan bahawa isu Rang Undang-undang ini telah dibahaskan oleh Ahli dari Kota Melaka dan di dalam perbahasan beliau, beliau telah menyentuh soal kedatangan pendatang-pendatang haram. Jadi pada pandangan saya perkara yang dibawa itu tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini dan saya cuba membuktikan melalui hujah-hujah saya bahawa pun, saya mengucapkan terima kasih, oleh Ahli dari Kota Melaka itu tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini dan sebab-sebab yang sebenarnya dan penentangan rakyat Terengganu terhadap kedatangan mereka bukanlah dibuat di atas dasar perkauman. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih, saya sudah pun habis bab itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ucapan daripada Ahli dari Kota Melaka juga yang pada pandangan saya yang tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini tetapi kalau boleh saya sebut dengan ringkas kerana ada hubungannya dengan apa yang dikatakan dasar kependudukan yang dibangkitkan terutamanya oleh Ahli-ahli dari Pembangkang, saya suka mengatakan bahawa berhubung dengan perimbangan kaum di negara ini di mana Ahli dari Kota Melaka menyebut bahawa beliau merasa bimbang terhadap usaha-usaha Kerajaan, orang-orang Melayu tertentu yang hendak mengubah perimbangan penduduk dan kependudukan yang ada di negara ini, saya berpendapat beliau sekali lagi tidak betul.

Sebagaimana yang diketahui oleh Ahli tersebut perubahan perimbangan penduduk dan kependudukan di negara ini telah pun diusahkan dan dilaksanakan oleh penjajah British ketika negara ini berada di bawah takluk mereka dan usaha ini tidak sama sekali datang daripada Kerajaan kita. Britishlah yang telah berusaha dan bertanggungjawab terhadap perubahan penduduk dan kependudukan secara besar-besaran di negara ini. Britishlah

yang bertanggungjawab menjadikan negara ini daripada sebuah negara tanahair orang-orang Melayu asalnya kepada sebuah negara majmuk. Kedatangan kaum-kaum lain secara sah atau tidak sah pada ketika itu telah diterima oleh orang-orang Melayu dan sekarang tidak dapat dinafikan negara kita adalah satu-satunya sebuah negara yang paling majmuk di dunia ini. Ini menjadikan orang-orang Melayu sebagai orang-orang yang tidak sedar langsung isu kependudukan, apa yang dikatakan perkara kependudukan dan menjadikan mereka sebagai tuan rumah yang paling accomodative.

Melalui proses masa, Tuan Yang di-Pertua kita telah membentuk suatu keadaan kependudukan sebagaimana yang terdapat sekarang ini secara natural. Belum ada satu dasar di negara ini pada pandangan saya dan setakat yang saya tahu yang bertujuan menyekat natural phenomena, dengan izin, kependudukan di negara ini malah pada pandangan saya beberapa keadaan yang wujud di negara ini sebenarnya telah menimbulkan kesan negatif terhadap perkembangan kependudukan orang-orang Melayu terutamanya di luar-luar bandar. Dengan kepesatan kemajuan sosio ekonomi dan kesempurnaan pelbagai kemudahan-kemudahan hidup terutamanya kemudahan kesihatan, kadar kematian bayi di bandar-bandar yang kebetulannya kawasan-kawasan kependudukan penting orang-orang bukan Melayu telah dapat diturunkan. Kemiskinan dan kurang kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan di kawasan-kawasan luar bandar yang kebetulannya menjadi kawasan kependudukan orang-orang Melayu masih lagi tidak dapat menurunkan kadar kematian bayi orang-orang Melayu. Kita semua mengetahui bagi kadar kematian bayi bagi satu bayi Cina terdapat tiga kematian bayi-bayi Melayu. Tidakkah ini sebenarnya bererti bahawa kadar pertumbuhan penduduk di negara ini selama ini adalah menunjukkan penduduk-penduduk Cina telah berkembang, dibenarkan berkembang lebih pesat daripada penduduk-penduduk Melayu. Tidak

kah benar di dalam persoalan kependudukan di negara ini orang-orang Melayu lebih ramai yang mati berbanding dengan orang-orang lain?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah mahu mempolitikkan isu ini, itu bukan hasrat saya tetapi oleh kerana ianya telah dipolitikkan saya berasa bertanggungjawab memberikan penjelasan. Kepada saya cukup kekeliruan yang telah ditimbulkan oleh Ahli dari Kota Melaka itu. Saya hanya mahu melihat negara ini sebagai sebuah negara majmuk terus aman bahagian dan mencipta lebih banyak kejayaan cemerlang. Saya menaruh penuh keyakinan kepada Kerajaan dan rakyat negara ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.17 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang Dipertua, saya hanya akan mengambil masa beberapa minit bagi membincangkan pindaan untuk meminda Akta Perancang Keluarga 1966. Saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain mengemukakan tanih kepada pihak Lembaga yang telah pun menjalankan kegiatan-kegiatan selama ini untuk kepentingan rakyat dan negara. Boleh jadi sebahagian besar rakyat yang belum lagi dapat melihat tentang kebaikan-kebaikan yang telahpun dijalankan oleh pihak Lembaga. Oleh itulah saya rasa pihak Kerajaan telahpun mencadangkan supaya nama Lembaga ini dipinda disebabkan oleh nama yang dahulu boleh menimbulkan suatu anggapan bahawa kerja ataupun objektif Lembaga selama ini hanyalah dengan bertujuan untuk menghadkan bilangan penduduk ataupun untuk menghadkan jumlah ahli-ahli bagi sesuatu keluarga.

Sebenarnya dalam menjalankan kewajiban saya rasa pihak Lembaga telahpun menjalankan tugas bukan

sahaja setakat untuk menghadkan jumlah bilangan bagi suatu keluarga tetapi soal-soal yang lain juga telah diberi pertimbangan, soal kemudahan, soal kesihatan bagi sesuatu keluarga, soal baik buruk mempunyai ahli keluarga yang ramai, nasihat-nasihat yang berguna kepada ibu-ibu yang boleh jadi akan memulakan alam sebagai ibu iaitu bagi melahirkan anak yang pertama untuk mendapat nasihat.

Saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain merasa kurang puas hati dengan persolan-persoalan yang ditimbulkan oleh tiga anggota Pembangkang di dalam Dewan ini. Mereka seolah-olahnya telahpun cuba untuk menutup suatu kebenaran bahawa mereka takut dengan pindaan nama Akta ini akan menyebabkan Kerajaan membohongi rakyat iaitu dengan berusaha menambah bilangan rakyat melalui pindaan yang dibuat. Saya rasa pindaan ini memanglah semata-mata untuk mengubah nama supaya ianya tidak dipandang kurang baik oleh sebahagian daripada ahli masyarakat. Saya rasa Kerajaan memang berfikir masalah-masalah yang mungkin dihadapi setelah kita menghadapi suatu jumlah penduduk yang ramai seperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Seremban dan Jelutong yang menyebutkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan keupayaan Kerajaan bagi menghadapi 70 juta rakyat. Sebab itu saya rasa Kerajaan sedar bahawa keupayaan Kerajaan untuk memberikan kemudahan-kemudahan yang sempurna, tanggungjawab yang diberikan kepada rakyat tidak boleh diabaikan. Dengan itu saya rasa Kerajaan ini tidaklah begitu bodoh untuk menipu rakyat yang besar supaya mereka ini dihadapkan dengan suatu keadaan yang tidak benar dengan pindaan kepada Akta ini.

Saya yakin bahawa Kerajaan mempunyai hasrat yang baik yang sesuai untuk rakyat iaitu bagi melihat kebahagiaan semua kaum yang wujud dalam negara ini. Semua ahli masyarakat yang tinggal dalam negara ini supaya tidak ada ahli masyarakat yang

merasa tertinggal, tidak ada ahli masyarakat yang boleh merasai mereka yang telah dianaktirikan. Saya rasa kita patut berterima kasih kepada Kerajaan sekarang ini yang telah pun boleh menjaga, mengawal keadaan masyarakat yang sebegitu aman sehingga sekarang ini. Walaupun ada dengan beberapa insiden, dengan izin, telah berlaku beberapa tahun dahulu, itu pun hasil daripada beberapa kerja yang tidak menyenangkan ahli-ahli masyarakat. Oleh itu saya menyeru supaya anggota-anggota pembangkang ini dapat melihat dan membaca, meneliti dengan baik, faham isi dan maksud pindaan yang dibuat, supaya mereka ini tidak terbang, tidak bercakap pada soal-soal yang tidak pokok, bagi bercakap soal pengimportan orang-orang asing ke negara ini. Suatu hal yang tidak logik, diterima akal. Saya pun merasa Kerajaan tidak akan sanggup untuk menerima bebanan bagi mengimport warganegara asing ke dalam negara ini, menambahkan bebanan kepada rakyat, membebankan Negara dan seterusnya akan boleh jadi menimbulkan pertentangan-pertentangan yang tidak sihat sesama ahli masyarakat terhadap pendatang baru ini yang disebutkan sebagai Kerajaan sengaja mengimport orang-orang asing keluar untuk menjadi warganegara di sini.

Saya rasa di dalam hal ini, Kerajaan melalui Lembaga Perancang Keluarga yang dahulunya yang akan ditukar dan seterusnya diluluskan Akta ini, mempunyai objektif-objektif yang sesuai untuk diterapkan, untuk dilaksanakan kepada masyarakat. Boleh jadi orang beranggapan pada satu masa dahulu bahawa ulat di dalam batu, sedangkan boleh mencari nafkah, inikan pula manusia yang mempunyai kekuatan yang diberi oleh Tuhan untuk berfikir, bekerja dan sebagainya. Tetapi mereka yang berpandangan seperti itu tidak memikirkan bahawa ulat dalam batu, tidak minta untuk dibelikan pakaian, tidak minta sekolah untuk belajar. Boleh jadi tidak minta ice-cream atau coklat untuk dimakan.

Jadi pandangan-pandangan seperti itu, saya rasa sekarang ini telah pun beransur-ansur kurang dan perjalanan

yang dihadapi oleh Lembaga ini mungkin semakin sehari akan bertambah senang dan kita berharap supaya satu masa lagi masyarakat akan menerima dengan baik akan konsep-konsep yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan melalui Lembaga ini.

Satu perkara yang saya ingin menyebutkan di sini ialah supaya di dalam kegiatan-kegiatan Lembaga selepas daripada ini, perlulah dibuat secara berkumpulan iaitu sepertimana saranan Ahli Yang Berhormat daripada Kemaman tadi, supaya ianya digembelangkan tenaga-tenaga yang ada bagi satu-satu kawasan untuk dapat mengumpul orang-orang, ahli-ahli masyarakat supaya melalui perhimpunan ini dapat diterangkan, dijelaskan maksud-maksud, kebaikan-kebaikan yang boleh diterima melalui amalan Perancang Keluarga ini. Selepas itu dapatlah kita memberikan kemudahan kepada mereka.

Saya rasa satu perkara lagi yang ingin saya tekankan di sini, supaya Lembaga dapat membuat kajian ke atas kampung-kampung yang disebutkan sebagai kampung-kampung yang mundur bagi melihat sesuatu keluarga dalam satu daerah, satu kampung, banciaan dibuat bagi kita meneliti sama ada mereka itu boleh dianggap sebagai ahli masyarakat yang berkemampuan atau pun tidak.

Jika sekiranya ahli masyarakat tidak mempunyai kemampuan untuk membiayai kemudahan-kemudahan bagi satu keluarga yang besar, maka perlulah pihak Lembaga memberikan nasihat kepada mereka.

Saya menghadapi masalah ini bagi kawasan saya di mana sebahagian besar daripada penduduknya adalah terdiri daripada kalangan orang-orang miskin, kalau hendak diketahui sebuah rumah yang kecil yang dipanggil dangau, pondok kecil, yang didiami oleh tujuh orang ahli keluarga, tidak ada bilik tidur, tidak ada dapur, dan tidak ada ruang tamu. Satu bilik, satu rumah yang amat daif. Hendak difikirkan di zaman moden sekarang ini

sepatutnya rumah-rumah yang seperti itu tidak ada lagi. Jadi inilah yang saya meminta supaya dapat dibuat satu kajian yang menyeluruh supaya kita dapat melihat keadaan sebenar bagi sesuatu keluarga. Jika sekiranya keluarga itu mempunyai keupayaan yang cukup untuk membiayai suatu keluarga yang besar, maka saya rasa mereka ini layak untuk diberi pertimbangan supaya dapat menambahkan jumlahnya ahli keluarga itu. Tetapi soal-soal kesihatannya adalah menjadi perkara yang utama yang perlu juga dilihat dan diberi pertimbangan yang lebih.

Satu perkara yang saya hendak sebutkan juga di sini ialah pertambahan yang cepat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban, katanya Kerajaan melalui pindaan Rang Undang-undang ini akan membesarkan jumlah penduduk di negara ini, dengan harapan tafsiran yang saya dapat, ialah mempunyai suatu implikasi politik di sebalik percakapannya, iaitu tidak ada imbang jumlah penduduk kalau boleh saya tafsirkan sebagai maksud yang telahpun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Seremban. Ini suatu tafsiran yang saya rasa mempunyai perasaan yang berbau politik yang amat dalam, yang boleh menimbulkan suatu salah sangka di kalangan masyarakat.

Saya rasa ini adalah tafsiran-tafsiran yang tidak perlu dibuat di dalam Dewan ini kerana ianya hanya akan menimbulkan kekaburan yang boleh menambahkan kekeruhan perhubungan di dalam negara ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan bagi menyokong Akta untuk meminda Akta Perancang Keluarga tahun 1966.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Saleh:
Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.28 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya

mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sudi menyahut tujuan Rang Undang-undang ini. Ada seruluh orang Ahli yang telah sudi berucap mengenainya. Oleh kerana saya dapati bahawa banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap membentangkan hujah-hujah yang menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan di sana sini, terutama sekali perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli dari pihak Pembangkang, maka saya bercadang untuk menganggap itu sebagai jawapan daripada pihak Kerajaan, dan oleh yang demikian saya tidaklah akan mengulangi jawapan-jawapan yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun dari Ahli yang pertama berucap sehingga yang akhirnya ingin juga saya menyentuh di sana sini. Yang pertama ialah daripada Ahli dari Kota Melaka. Tujuan utama nama Lembaga ini ditukarkan kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara adalah untuk membolehkan Lembaga ini menjalankan program-programnya yang sedang dan akan dijalankan dengan lebih baik dan teratur lagi. Nama yang baharu ini memberi gambaran yang sebenarnya aktiviti-aktiviti dan program-program yang telahpun dilaksanakan oleh Lembaga ini semenjak tahun 1973 lagi.

Sepertimana yang saya katakan di dalam ucapan saya untuk memperkenalkan Rang Undang-undang ini, arah Lembaga telah menjadi lebih luas dan bidang tanggungannya telah menjadi lebih banyak mulai pada tahun 1973 dan aktiviti-aktiviti dan programnya telah dipertingkatkan semenjak tahun 1976.

Pada mulanya adalah difikirkan wajar bagi pembaharuan secara pendekatan ini dilaksanakan tanpa perubahan atau pengubahan nama Lembaga, tetapi setelah program-program itu diperkembangkan dan kajian-kajian kemungkinan di semua peringkat dan lapisan Kerajaan dan masyarakat dilaksanakan, perubahan

nama ini difikirkan perlu untuk membolehkan Lembaga ini terus menjalankan program-programnya dengan lebih baik dan lebih licin lagi.

Usaha untuk menukarkan nama ini telah dimulakan bukan semalam, akan tetapi sejak tahun 1976 lagi dan tidak ada kaitan dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan penduduk Malaysia yang kata beliau di suatu hari kelak atau di suatu zaman kelak boleh dipertingkatkan sehingga 70 juta penduduk. Pendapat dan buah fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu disarankan ataupun dikatakan oleh beliau hanya dua tiga tahun yang lalu sahaja.

Saya ingin menyebut sekali lagi bahawa nama baru Lembaga ialah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (National Population and Family Development Board) dan bukan "Family Planning and Population Development Board" seperti yang disebut beberapa kali oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Mungkin kalau Ahli Yang Berhormat itu menggunakan nama yang tepat atau kalau beliau tahu nama yang tepat tentu beliau tidak akan keraguan atau keliru di dalam perbincangan beliau.

Sedikit kata-kata mengenai dengan "racial balance" yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Kerajaan tidak ada rancangan untuk menambahkan penduduk negara ini melalui "international migration" seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu; dan saya rasa Ahli Yang Berhormat yang lainpun telah memberi jawapan secara langsung dan oleh itu saya tidak ingin memanjangkan.

Oleh kerana menitikberatkan perkara ini, maka kita memberi keutamaan tentang "the balance between population and development", yakni keseimbangan di antara pertumbuhan atau kedudukan penduduk (population) dengan pembangunan negara ini. Kerana soal ini termasuklah perancangan tenaga buruh yang mencukupi sesuai dengan rancangan pembangunan kita supaya kita tidak perlu kkuatir

tentang kekurangan tenaga manusia untuk menjalankan pembangunan yang banyak dan berterusan dan pasti akan berlaku di masa hadapan kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah mengulas Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan seterusnya beliau mengatakan bahawa kakitangan Lembaga; sepatutnya diperbanyakkan lagi untuk menampung keperluan melaksanakan projek-projek, program-program dan aktiviti-aktiviti Lembaga dan kepada beliau dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga yang telah menyentuh perkara yang sama, iaitu keperluan kakitangan dan juga kelengkapan, kemudahan yang ada kepada Lembaga untuk melaksanakan tugas-tugasnya, saya ingin memberikan jawapan yang umum yang menyeluruh.

Kedudukan kakitangan Lembaga bagi tahun 1983 adalah seperti berikut :

Yang Telah Diluluskan—

Kumpulan A	...	66
Kumpulan B	...	114
Kumpulan C	...	369
Kumpulan D	...	625
Jumlah Jawatan yang telah diluluskan		1,174

Setakat ini jawatan yang telah diluluskan ialah :

Kumpulan A	...	49
Kumpulan B	...	107
Kumpulan C	...	340; dan
Kumpulan D	...	588
Jumlah yang telah diisi		1,084

Sungguhpun dari keseluruhannya bilangan ini adalah mencukupi iaitu hampir 90% tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tugas-tugas dan peranan baru Lembaga memerlukan bilangan pegawai-pegawai kanan yang lebih banyak khususnya dalam Kumpulan A dan B.

Dan dengan itu mengurangkan kakitangan Kumpulan-kumpulan lain di mana kerja mereka akan dilaksanakan oleh agensi-agensi lain juga.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan keperluan memberi latihan kelengkapan bagi Lembaga.

Sekali lagi saya ingin menjawab sekali gus sahaja. Sejak tahun 1976 lagi Lembaga telah mempertingkatkan kemahiran pengetahuan dan kelayakan pegawai-pegawai Lembaga dengan menggunakan biasiswa yang diberikan oleh pihak JPA, pihak Bangsa-Bangsa Bersatu dan bantuan dari pihak Bank Dunia dan juga "United Nations Fund for Population Activities (UNFPA) untuk menghantar pegawai berkursus di dalam dan di luar negeri.

Sehingga ini sejumlah 22 orang pegawai dihantar untuk mengikuti kursus seperti Master atau Sarjana dalam bidang Public Health (Sarjana Kesihatan), M.Sc. iaitu Sarjana Sains Demografi, M.P.A. iaitu Sarjana Pentadbiran Awam, Perancangan Penduduk dan kursus-kursus Demografi dari peringkat Diploma ke Kedoktoran dan lain-lain.

Di kalangan Jururawat-juruawat Lembaga juga telah menghantar pegawai untuk mengikuti kursus kounseling, demografi, penganjur pelawat dan sebagainya. Kursus-kursus khas telah juga diadakan untuk penyelidikan di dalam bidang-bidang komputer, penyelidikan demografi, bio-medical dan lain-lain. Bahagian Latihan Lembaga juga sentiasa menguruskan dan menjalankan kursus-kursus khas, kursus orientasi untuk kakitangan-kakitangannya dan bagi pegawai-pegawai dari ejensi-ejensi lain yang ada kaitan dengan program Lembaga ataupun meminta bantuan latihan daripada Lembaga.

Kebanyakan kakitangan Lembaga telah menghadiri kursus dan sudah juga diberi ceramah mengenai arahan dan peranan baru Lembaga sejak beberapa tahun lagi; dan Lembaga

akan menjalankan kursus-kursus itu untuk menambah dan memperkenalkan aktiviti-aktiviti baru Lembaga kepada kakitangan-kakitangannya dalam latihan-latihan itu.

Kakitangan-kakitangan dalam daerah dan di peringkat negeri juga diberi tekanan dan peluang yang saksama. Dari segi peruntukannya pula Lembaga dalam dua tahun yang lalu telah diperuntukkan dengan budget ataupun anggaran belanjawan yang kurang daripada tahun-tahun yang sebelumnya.

Pada tahun 1982 Lembaga menerima \$16,706,000. Pada tahun 1983 Lembaga hanya menerima \$13,775,450 iaitu terdapat pemotongan sebanyak 18%; dan untuk tahun ini (1984) pula Lembaga menerima \$14,786,700; dan oleh itu maka hujah-hujah Ahli-ahli Yang Berhormat yang inginkan Lembaga ini lebih aktif, lebih menyeluruh, lebih dapat menguasai bidangnya di seluruh negara kita, pada keseluruhannya, adalah tertakluk juga keupayaan dan prestasinya itu kepada peruntukan yang dapat diterima daripada Kerajaan.

Sekurang-kurangnya seorang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai dengan Unit Penasihat Keluarga di dalam Lembaga, maka ingin saya memberi penjelasan. Penuhuan Unit ini telahpun dilaksanakan sebagai satu unit di bawah Bahagian Pusat Kepakaran Lembaga Perancang Keluarga Negara.

Pusat Kepakaran ini memang telah wujud untuk membuat kajian-kajian yang bersabit dengan terutama sekali perancang keluarga, dan sekarang pembangunan keluarga secara klinikal dan berkaitan dengannya. Dan Lembaga sebenarnya pada ketika ini sedang merancang membina satu Bangunan Pusat Kepakaran. Ini adalah di peringkat rekabentuk dan tanah itu telah diperolehi berhampiran dengan Taman Titiwangsa. Dan bersama-sama dengan Pusat Kepakaran Lembaga ini ialah juga rancangan Bangunan Ibu Pejabat Lembaga berdamping dengannya yang mana juga sedang dirancangkan dan Lembaga sedang mencari

segala keperluan termasuklah keperluan kewangan untuk melaksanakan projek Bangunan Ibu Pejabat dan juga bangunan Pusat Kepakaran ini. Seperti yang telah saya maklumkan tadi aktiviti unit kepakaran ini yang telah dimulakan di Wilayah Persekutuan akan diperkembangkan di negeri-negeri lain apabila ada peruntukan kelak dan apabila pegawai dan kakitangan telah tamat mengikuti latihan-latihan yang sedang dilaksanakan.

Saya ingin menjelaskan satu perkara yang telah disentuh beberapa kali mengenai dengan pindaan kepada Akta 1966 (Akta asal), iaitu pindaan adalah pindaan kepada tajuk nama dan juga menambah serba sedikit mengenai dengan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Lembaga ini. Dan Akta Perancang Keluarga (Pindaan) 1984 ini memang pada dasarnya dan saya rasa pada hakikatnya tidak mengubah struktur perjalanan Lembaga ini. Kerana kalau dilihat pindaan-pindaan yang terdapat di sini adalah semata-mata mengenai dengan tajuk namanya dan pengubahsuaian sedikit mengenai dengan tugas-tugas dan kuasa dan tanggungjawabnya. Lain-lain kawajipan, lain-lain aktiviti-aktiviti, lain-lain program yang bolth dijalankan di bawah Akta asal itu akan berjalan mengikut Akta yang asal itu. Jadi struktur memang tidak diubah. Tetapi sejauh mana yang Lembaga boleh memperluaskan lagi bidang program-program dan aktiviti-aktivitinya sejajar dengan kemahiran yang telah ditubuhkan semenjak Akta ini dan Lembaga yang asal 1966 telah ditubuhkan, memang Lembaga akan jalankan di dalam lingkungan kuasa yang terdapat di situ. Jadi saya harap itu tidak mengelirukan dan oleh sebab itu peruntukan tambahan ataupun peruntukan yang dikehendaki untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti dan program-program memang tidak perlu ditambah selain daripada yang diminta pada tiap-tiap tahun yang mana selalu dikurangkan oleh khazanah kita disebabkan keperluan menjimatkan perbelanjaan dan kekurangan kewangan di zaman kemelesetan ini.

Walau bagaimanapun di sana sini di mana Lembaga boleh menggunakan peruntukan di bawah Kepala-kepala

yang tertentu kalau boleh dipindahkan, kalau dipersetujui oleh Perbendaharaan, memang boleh dibuat cara virement dan sebagainya. Tetapi pada keseluruhannya maksud saya yang apabila saya mengatakan yang Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan peruntukan tambahan daripada Kerajaan ialah oleh kerana peruntukan ataupun Anggaran Perbelanjaan yang ada pada Lembaga ini akan terus digunakan untuk meliputi semua yang perlu dijalankan tiap-tiap tahun.

Ahli dari Kemaman telah menjawab bagi pihak saya mengenai dengan orang-orang pelarian dan beliau telah menyentuh peranan badan antarabangsa terutama sekali UNHCR yang mengendalikan urusan-urusan atau membantu dari segi kebajikan dan bantuan-bantuan kecemasan kepada orang-orang pelarian. Beliau berkata, Charity begins at home, saya menyedut kata-kata beliau dan ini memang kita setuju bahawa kita perlu perbaiki rumah kita sendiri. Dan dengan itu dari segi pembangunan keluarga dan dari segi penduduk di negara kita ini kita perlu beri perhatian kepada warga-negara Malaysia.

Saya bersetuju yang "population" kalau diterjemahkan iaitu penduduk, apabila kita mengira population Malaysia, penduduk Malaysia, misal kata tahun 1970, tahun 1980 memang kita masukkan semua manusia yang ada di sini sama ada mereka itu warganegara ataupun bukan. Tetapi saya berkata semalam dengan tujuan menegaskan bahawa Lembaga ini adalah khususnya untuk memberi khidmat kepada orang Malaysia, kepada rakyat, kepada warganegara Malaysia, dan bukan kepada yang lain. Dan begitulah saya setuju "Charity" memang "begins at home".

Agensi-agensi lain memang sentiasa dipelawa dan diminta oleh Lembaga untuk membantu dan turut serta di dalam aktiviti-aktivitinya. Pemimpin-pemimpin masyarakat patut turut serta di dalam aktiviti-aktiviti Perancang Keluarga. Memang, Tuan Yang Dipertua, Lembaga Perancang Keluarga

sehingga sekarang ini memang telah memindahkan penitikberatan aktiviti-aktivitinya kepada luar bandar. Di samping itu dengan tidak melupakan kepentingan di kawasan-kawasan bandar juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga mencadangkan supaya diperingkat desa aktiviti-aktiviti Lembaga sepatutnya lebih lagi diperhebatkan sehinggalah mengadakan kampung yang dijadikan anak angkat dan sebagainya di kampung dan mukim. Sebenarnya Lembaga telah pun menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini, yang dipanggil projek Nadi Desa. Dan projek ini telah dimulakan di empat buah kampung. Satu di Johor, satu di Pulau Pinang, satu di Pahang dan satu lagi di Selangor, dengan tujuan-tujuan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, khususnya untuk projek penambahan pendapatan, kesihatan ibu dan pendidikan anak, pendidikan kekeluargaan dan sebagainya supaya penduduk-penduduk desa kita akan lebih lagi mendapat pengalaman yang baik mengenai dengan kependudukan dan kesihatan, sejajar dengan matlamat Lembaga iaitu Pembangunan Keluarga.

Ahli dari Jelutong telah mengatakan, jangan ikut dasar satu negara jiran kita. Kita memang tidak mengikut dasar sebarang jiran kita. Kita mempunyai pucuk pimpinan kita sendiri. Kita mempunyai Parlimen kita sendiri yang boleh memutuskan dasar-dasar Kerajaan dan satu contoh yang cemerlang yang mana Ahli dari Jelutong tidak teringat ialah bahawa Pindaan Akta Perancang Keluarga ini yang kita bahaskan di sini adalah semata-matanya untuk merumuskan apa dia dasar kita sendiri dan kita memang tidak akan menjadi pak turut kepada sesiapa, kerana kita adalah satu negara yang Merdeka dan mempunyai kewibawaan kita sendiri untuk menentukan nasib dan untung masa depan negara kita. Sepatutnya beliau tidak perlu menyebut seperti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah menimbulkan beberapa perkara, misalnya kalaulah kita tambah

penduduk negara ini maka makanan pula, kawasan pula akan menghimpitkan kita dan kawasan luar bandar masih mundur, kalau lebih banyak penduduk lebih rumit mungkin di situ. Pada ketika ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberi satu pengulasan yang menyeluruhan mengenai dengan cadangan penduduk 70 juta itu. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cadangan penduduk 70 juta itu bagi Malaysia, sebenarnya perkara ini adalah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada satu ketika dahulu—tidak lama dahulu, dan yang penting dalam perkara ini ialah beliau tidak ada mengatakan bila boleh dicapai 70 juta ini. Cuma beliau memberi satu cadangan untuk pemikiran rakyat, untuk pemikiran kita semua di negara Malaysia.

Berkenaan dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan 70 juta penduduk untuk Malaysia, Lembaga Pembangunan Keluarga Negara, namanya begitu sekarang, telah menubuhkan satu Jawatankuasa Ad-hoc Isu-isu Penduduk (Ad-hoc Committee on Population Issues) telah ditubuhkan untuk mengkaji perkara ini dengan serius yang dipengerusikan oleh Pengerusi LPKN sendiri—Lembaga Perancang Keluarga Negara dan dianggotai oleh beberapa orang cerdik-pandai dalam Kerajaan dan dari universiti-universiti tempatan dan juga daripada pihak awam. Pembentukan jawatankuasa ini telah diluluskan oleh "National Development and Planning Council" (NDPC). Apa hendak buat, masih kita gunakan bahasa Inggeris untuk NDPC dan telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat 8 kali dan telahpun menyediakan laporan-laporan yang akan disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini juga. Oleh kerana Yang Amat Berhormat sendiri belum lagi membuat apa-apa keputusan kerana laporan ini baharu sahaja diterima oleh beliau, saya cadangkan perkara ini tidak perlu dibincangkan sekarang ini kerana saya berpendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberi

peluang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan rakyat keseluruhannya membahaskan perkara ini di kemudian kelak. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat dengan begitu seriusnya untuk meninjau perkara ini dan stikiranya satu formula diikuti oleh negara ini, iaitu sementara mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk, mengurangkannya, tetapi juga apabila telah sampai kepada satu peringkat di mana kadar pertumbuhan itu sudah serendah-rendahnya, maka dinaikkan sedikit supaya dapat menampung keperluan pembangunan, kemajuan dan kemudahan-kemudahan yang dikehendaki, diperlukan oleh rakyat yang kian bertambah bilangan itu. Maka 70 juta ini boleh dicapai dari kadar yang tidak akan menjejaskan penghidupan ekonomi, sosial dan daripada penghidupan politik di dalam negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan bahawa pencapaian 70 juta penduduk Malaysia ini tidak akan memburukkan taraf kehidupan rakyat yang telahpun meningkat ke tahap yang lebih tinggi sejak kita mencapai kemerdekaan. Pencapaian 70 juta penduduk ini mestilah difikirkan sejajar atau bersama-sama dengan keyakinan kita bahawa negara ini mampu bekerja kuat dan oleh itu mampu memajukan negara ini dalam segala bidang kemajuan di bandar dan di luar bandar, dan dengan itu boleh menampung keperluan warganegara kita yang bertambah bilangannya. Tetapi kalau warganegara kita malas atau tidak mahu bekerja kuat dengan giat maka tidaklah bermakna kita menambah bilangan penduduk negara ini hingga 70 juta. Penambahan penduduk ini mestilah diikuti, diiringi dengan kerajinan, ketekunan dan kesanggupan pucuk pimpinan dan rakyat di negara ini untuk mengembelingkan tenaga dan mengusahakan segala bidang yang membawa pembangunan dan kemajuan supaya dapat menampung keperluan penduduk yang dicadangkan itu.

Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tiada menyebut jangka masa atau tempoh 70 juta penduduk akan dicapai. Mungkin ini dicapai dalam 100 tahun dari sekarang, mungkin juga 200 tahun yang akan datang. Tetapi pentingnya pada ketika ini, usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini sekarang memberi kita satu matlamat perancangan masa hadapan yang boleh dikaji dengan teliti.

Berasaskan kepada komen-komen yang saya berikan tadi, iaitu sebarang penambahan penduduk yang sebegini banyak mestilah diikuti dengan kesanggupan rakyat untuk memajukan negara ini dan oleh itu memperolehi keperluan rakyat, berasaskan kepada ini, Jawatankuasa Ad-hoc Isu-isu Kependudukan, yang saya sebutkan awal tadi, telah mengkaji dengan teliti cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dan telah pun mencadangkan bahawa ultimate "population size" atau penduduk sebanyak 70 juta ini boleh dicapai dengan jalan pertumbuhan biasa, "natural increase". Sekiranya kadar kemerusutan kesuburan penduduk sekarang ini dapat diperlahankan sedikit, iaitu sebanyak .5 mata tiap-tiap 5 tahun. Ini berbanding dengan kadar sepatutnya, iaitu dengan "expected trends" yang mana kadar kesuburan ini yang disebutkan "total fertility rate" akan terus menurun dengan kadar .3 hingga .4 mata tiap-tiap 5 tahun. Sekiranya dibiarkan aliran ini, penduduk Malaysia akan hanya sampai ke jumlah maksima anggaran 40 juta penduduk apabila keadaan penduduk "stabilise", iaitu apabila kadar pertumbuhan dalam lingkungan 0%. Jika kadar ini dapat diperlahankan, jumlah penduduk boleh meningkat kepada 70 juta dalam masa anggaran 120 tahun dari sekarang, iaitu pada tahun 2100; kebanyakan kita tidak ada lagi pada masa itu. Tetapi pendapat jawatankuasa ad-hoc itu begitulah dan saya tidak ingin menambahkan lagi sebab saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberikan penjelasan ataupun ucapan yang lebih lanjut lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Apa Yang Berhormat Menteri ada sebut ialah apabila keadaan stabilised optimum ialah 40 juta penduduk. Mengikut anggaran itu tahun bila 40 juta itu akan tercapai dengan stabilisation atau keadaan natural increase?

Datuk Dr James P. Ongkili: Saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat kerana saya tidak teringat masa tahun apa kita stabilised tetapi lebih kurang pada pertengahan abad yang hadapan, iaitu abad kedua puluh satu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga telah menyatakan kalau orang nanti lebih sihat di masa hadapan, dia lebih panjang umur lagi dan lambat meninggal dunia dan sebagainya. Orang muda pula nanti kekurangan pekerjaan oleh sebab yang situ itu lambat bersara dan ini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, apa boleh buat, kita pun tidak mahu orang mati cepat sangat, yang kita mahu dia hidup dengan selisa dan puas hati sehingga dia tua.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah meyebut kesan-kesan yang negatif yang tidak baik berkenaan dengan usaha Perancang Keluarga ini dan saya hanya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang tidak pernah bertujuan untuk menggunakan pil-pil pencegah beranak untuk disalahgunakan. Pil-pil yang digunakan adalah kepada ahli-ahli Lembaga Perancang Keluarga Negara sahaja setahu saya juga di pasaran-pasaran biasanya kalau doktor-doktor yang mempunyai pendirian yang baik, mereka tidak menjual pil-pil pencegah atau tanpa satu surat dari klinik atau beranak di kaunter tanpa "prescription" atau tanpa satu surat dari klinik atau doktor. Seperti dadah juga, masalah ini ada kelemahannya di sana sini tetapi janganlah salahkan Lembaga Perancang Keluarga dalam hal ini kerana tujuan-tujuan, program-program dan aktiviti-aktiviti Lembaga Perancang Keluarga Negara adalah

semuanya yang positif yang bertujuan untuk memperbaiki kedudukan rakyat di negara kita.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai dengan keperluan Lembaga menggunakan media-massa seperti radio, televisyen dan akhbar-akhbar untuk memberi publisiti yang lebih luas lagi mengenai dengan peranan program-program dan aktiviti-aktiviti Lembaga ini. Ini ada dibuat dari masa ke semasa dan Lembaga akan meninjau bagaimana, kalau kita dapat free time, dengan izin, dengan televisyen—boleh, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau kita kena bayar hendak masukkan ke televisyen, suratkhbar dan media-massa yang lain, itu menjadi satu penghalang bagi kita memandangkan peruntukan yang tidak mencukupi.

Sebenarnya, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai dengan peranan, aktiviti-aktiviti yang telah dibuat oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara setakat ini semenjak 1966 dahulu hingga sekarang. Ada jawapan saya 11 muka tetapi oleh kerana saya ingin menjimatkan masa, saya akan lampirkan sebagai lampiran kepada penggulangan saya ini dan akan dimasukkan ke dalam *Hansard* kita untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin melihatnya (lihat Lampiran).

LAMPIRAN

LAMPIRAN KEPADA UCAPAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, SEMASA MENGGULUNG PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERANCANG KELUARGA (PINDAAN) 1984 DI DEWAN RAKYAT PADA 27 MAC 1984

Aktiviti-aktiviti Dan Program-program Lembaga Yang Telah Dilaksanakan Peringkat Pertama.

1973-1978 di mana usaha-usaha untuk mengintegrasikan perkhidmatan perancang keluarga di luar bandar telah

dilaksanakan dengan mengintegrasikan rancangan perancang keluarga dengan rancangan kesihatan luar bandar. Rancangan ini dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dan diselarasakan bersama oleh Kementerian Kesihatan dan Lembaga dan agensi-agensinya yang mengambil bahagian melalui Jawatankuasa Koordinasi Pusat di peringkat Pusat, Jawatankuasa Koordinasi Negeri di peringkat negeri.

Di bawah rancangan ini hampir semua Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil, Klinik Bidan dan Klinik Desa sekarang ini memberi perkhidmatan Perancang Keluarga sebagai salah satu perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak di seluruh Semenanjung Malaysia dan di Sarawak. Di kawasan-kawasan yang tidak lagi diliputi, perkhidmatan ini disampaikan dengan menggunakan bidan-bidan kampung dan lain-lain yang telah diberi latihan khas.

Di bawah projek ini juga 2 Daerah Kesihatan telah diberi perhatian khusus dan diberi nama "Intensive Input Demonstration Project" di mana kesihatan seluruh keluarga diberi keutamaan. Dari kajian yang telah dibuat, strategi ini telah mencapai hasil yang baik dan dengan itu di bawah peringkat kedua, 1978-1984, telah diperkembangkan ke daerah-daerah lain. Projek ini dibiayai melalui pinjaman Bank Dunia (US\$5 juta) dan Kerajaan Malaysia (US\$14.0 juta) dan sumbangan dari tabung Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan kependudukan (UNFPA) (US\$4.5 juta). Projek ini dilaksanakan melalui mengintegrasikan rancangan dan menguatkan program perancang keluarga bersama dengan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak dengan mendirikan 11 Pusat Pentadbiran Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak serta Perancang Keluarga (MCH/FP) di peringkat negeri, 31 klinik perancang keluarga di hospital-hospital kerajaan, 162 klinik-klinik MCH/FP di luar bandar, 1 Pusat Latihan di Terengganu dan 1 tambahan Pusat Latihan di Rembau serta 365 klinik bidan cum

quarters. Projek ini juga menyediakan peruntukan khas untuk latihan lanjutan Pegawai-pegawai Kesihatan, latihan Jururawat dan lain-lain.

Di samping itu isu kependudukan telah dapat dikaji dengan lebih mendalam dan diintegrasikan ke dalam kurikulum di Peringkat Universiti dengan tertubuhnya Unit Kajian Kependudukan di Universiti Malaya di bawah projek ini beberapa pensyarah universiti telah dihantar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kependudukan.

Usaha-usaha untuk mengintegrasikan isu kependudukan yang dikaitkan dengan pembangunan di dalam kurikulum sekolah telah dimulakan dengan dilaksanakan oleh Unit Kurikulum Sekolah, Kementerian Pelajaran. Beberapa orang pegawai pelajaran telah juga dibiayai di bawah projek ini untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang demografi.

Peringkat Kedua 1978-1984

Memperkemaskan perkhidmatan perancang keluarga di bandar-bandar di kawasan luar bandar yang belum lagi diliputi, meneruskan peringkat perkhidmatan kesihatan luar bandar supaya perancang keluarga dapat diintegrasikan, memperbaiki untuk perkhidmatan, menggalakkan kajian bio-medikal dan kontraseptif dan menjalankan kajian dan penyelidikan kependudukan dan mengelakkan penggunaan kajian-kajian ini dan data-data penduduk untuk perancangan.

Dalam usaha Lembaga untuk mencapai perkhidmatan yang seimbang, selain daripada perkhidmatan kontraseptif Lembaga juga menyediakan khidmat nasihat keluarga. Dengan itu Lembaga telah mengujudkan sebuah bahagian yang dinamakan Bahagian Perkhidmatan, Kepakaran dan Penyelidikan Perubatan. Khidmat nasihat keluarga yang diberikan oleh bahagian ini termasuk khidmat nasihat hidup berkeluarga, khidmat nasihat kemandulan, pengesanan barah dalam rahim, khidmat nasihat perkahwinan dan

khidmat nasihat "genetik". Kajian-kajian bio-medikal di dalam bidang kesuburan, kemandulan, kajian-kajian berkaitan kontraseptif dan reproduktif sistem sedang giat dijalankan.

Tumpuan khidmat nasihat keluarga tersebut pada masa ini ialah di Wilayah Persekutuan. Perkhidmatan ini akan diperluaskan lagi ke peringkat wilayah atau regional yang akan berpusat di Pulau Pinang, Ipoh, Kota Bharu dan Johor Bharu. Jika sekiranya peruntukan kewangan mencukupi perkhidmatan ini akan diperluaskan lagi ke peringkat negeri dan daerah. Sebagai rancangan jangka pendek Lembaga telahpun memberi latihan kepada Doktor Persendirian dalam bidang perancang keluarga dan khidmat nasihat. Latihan juga telah diberi kepada bidan-bidan kampung, sinseh atau tukang ubat cina, bomoh dan sebagainya.

Untuk memberi perseimbangan, rancangan Perancang Keluarga di kawasan bandar juga telah dipertingkatkan dengan strategi menggunakan semua sumber-sumber yang ada termasuk memberi bantuan kepada Persatuan Perancang Keluarga, mengujudkan khidmat Perancang Keluarga dan Kounseling di kilang-kilang dan mendapatkan kerjasama dari doktor-doktor swasta.

Di estet-estet pula, perkhidmatan khas telah dimulakan dengan mengintegrasikan rancangan Perancang Keluarga dengan rancangan membasmi penyakit cacang dan memulakan projek-projek pembangunan keluarga lebih menyeluruh. Satu kajian khas berkaitan estet dan pembangunan keluarga telah dijalankan dengan kerjasama Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya.

Beberapa projek yang berbentuk inovatif telah juga dilaksanakan yang boleh digunakan sebagai projek perintis di mana perkembangan perlaksanaannya dijalankan oleh agensi/kementerian/atau badan-badan swasta atau sukarela yang berkenaan. Lembaga hanya terus menyediakan garis panduan dan membuat penganalisan pelaksanaan dan memberi khidmat nasihat teknikal.

Lembaga telah memulakan beberapa projek yang menggunakan pendekatan pembaharuan (projek inovatif) ini melalui program NADI, NADI DESA, projek-projek khas di estet-estet bagi penduduk-penduduk berpendapatan rendah di kawasan-kawasan bandar dan beberapa kawasan di luar bandar. Projek ini telah mensepadukan masalah jangkitan dengan perancang keluarga dengan menggunakan pengawalan cacing sebagai "entry point" kerana masalah-masalah jangkitan cacing ada kaitan dengan kesejahteraan dan pembangunan keluarga. Kesan-kesan rawatan dengan ubat cacing boleh dilihat dengan segera. Rawatan cacing memerlukan teknologi yang baik, alat kelengkapan yang mudah dan murah.

Dengan projek-projek contoh ini Lembaga berharap boleh berjaya mempertingkatkan lagi kesihatan keluarga melalui projek bersepadu ini khususnya keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah di kawasan-kawasan bandar melalui projek NADI dan di kawasan-kawasan luar bandar melalui projek-projek pembangunan keluarga dan projek NADI DESA. Kejayaan program pembangunan keluarga ini boleh menurunkan lagi keadaan penyakit kurang zat makanan antara bayi-bayi dan kanak-kanak dan kadar penyakit cacing di mana adalah didapati boleh mengakibatkan keadaan protein-calories malnutrition dan iron deficiency anaemia bila kadar ini tertinggi.

Setakat ini Lembaga telah melaksanakan projek-projek bersepadu pengawalan cacing bantuan JOICFP di kawasan-kawasan setinggan, rumah pangsa, kampung baru di Wilayah Persekutuan dan estet-estet dan kilang-kilang di Selangor. Projek bersepadu pengawalan cacing ini telah menjadi projek perintis kepada program NADI. Berdasarkan kepada konsep program ini Lembaga telah memperluaskan program ini ke kawasan-kawasan luar bandar di Johor, Selangor, Pahang dan Pulau Pinang. Program ini dinamakan program NADI DESA.

Program-program ini dilaksanakan secara bersepadu bersama-sama agensi-agensi yang ada hubungan secara langsung dengan masyarakat dan beberapa agensi-agensi pembangunan yang lain. Program ini dilaksanakan secara serampang tiga mata:

- (1) memperbaiki taraf kesihatan dan kebajikan keluarga;
- (2) memperbaiki alam sekitar dan kemudahan asas;
- (3) mengujudkan kesedaran sosial dan semangat untuk penyertaan masyarakat (community participation).

Dengan perluasan program ini melalui program NADI DESA ke tempat kawasan di luar bandar, usaha-usaha sedang dibuat untuk menjalankan kajian kemungkinan untuk memperluaskannya ke kawasan-kawasan lain.

Projek untuk Pembangunan Wanita dan Masyarakat yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah seperti berikut:

UNFPA	...	US\$ 777,025
World Bank	...	US\$4,099,500

Perlaksanaan Fasa Kedua ini adalah dibiayai oleh Kerajaan Malaysia dan melalui pinjaman dari Bank Dunia, sumbangan Bangsa-Bangsa Bersatu dan termasuk juga projek-projek kerjasama di bawah Program Kependudukan Asean yang dibiayai oleh Kerajaan Australia.

Ketua-Ketua Program Kependudukan di rantau Asean telah membuat satu deklarasi telah ditandatangani oleh semua Ketua-Ketua Negara di mana dipersetujui bahawa Asean akan bekerjasama dalam aktiviti-aktiviti kependudukan dengan tujuan untuk meningkatkan pembangunan sumber-sumber penduduk, penyelidikan dan pengajian dasar dalam lapangan penerangan dan komunikasi dengan tujuan untuk mengintegrasikan pembangunan, kependudukan dengan pembangunan negara keseluruhannya.

Berasaskan deklarasi di atas fasa I program kependudukan Asean telah memberi perhatian dan keutamaan kepada strategi-strategi pembangunan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti kependudukan di kawasan-kawasan luar bandar. Fasa II program ini yang telah wujud dengan bantuan pihak Kerajaan Australia dan telah meliputi lapangan-lapangan yang lebih luas. Isu-isu yang berkaitan dengan dinamik kependudukan telah diintegrasikan dengan dasar pembangunan kependudukan.

Kedua-dua Fasa I dan II adalah dalam peringkat akhir pada dewasa ini dan Fasa III akan bermula pada sebelum tahun 1984.

Saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas kerana memberi 8 cadangan dengan hujah-hujah yang bernas. Ini tentu sekali kita akan tinjau demi memperbaiki lagi prestasi dan hasrat Lembaga Perancang Keluarga Negara ini sesudah ia menjadi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menyentuh sekali lagi bahawa pertambahan penduduk di negara ini akan dapat menampung keperluan buruh di negara kita ini. Pada hemat saya, sekiranya kita mempunyai satu dasar guna tenaga atau tenaga manusia untuk menggunakan tenaga manusia yang bertambah ini, maka tentu sekali pendapat ini benar dan boleh dilaksanakan di masa hadapan kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga telah menyebut mengenai dengan pekerja-pekerja kawasan beliau yang telah diminta berhenti beranak oleh jururawat. Saya rasa perkara ini seharusnya tidak berlaku dan, apabila dilaporkan, saya fikir tindakan akan diambil terhadap jururawat yang berbuat demikian kerana beranak di negara kita adalah hak hakiki seorang wanita kalau dia sudah berkahwin dengan adat-adat yang ada di negara ini yang sah dan terpulang kepada beliau bila, berapa

anak yang dia kehendaki. Barangkali apa yang dia tidak boleh tentukan ialah apa jantina anak-anaknya dan seterusnya. Tetapi sepatutnya perkara seperti ini dilaporkan sama ada kepada Jabatan Kesihatan di Sarawak ataupun kepada Persatuan Perancang Keluarga yang juga mengambil peranan yang aktif di negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh mengenai dengan "social engineering" dalam ertikata menambah penduduk. Saya rasa ini tidak perlu saya jawab lagi kerana daripada jawapan saya tadi nyatalah bahawa cadangan atau pun pemikiran kita unuk menambah penduduk di negara ini adalah dengan berperingkat-peringkat, dengan memikirkan sumber-sumber ekonomi yang ada dan boleh menampung penghidupan lebih ramai rakyat di negara ini di masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus menyatakan tidak terdapat perubahan peranan Lembaga dalam Rang Undang-undang ini. Itu memang benar. Beliau telah menerangkan peranan Pulau Bidong dari segi orang-orang asing yang telah tinggal di situ sementara menunggu dihantar ke negara yang ketiga dan sebagainya. Itu memang menjadi dasar Kerajaan dan sebarang pertambahan penduduk di negara ini yang dimaksudkan adalah dari segi pertambahan "natural" dan bukan mengharap penderatang yang akan membanjiri negara kita.

Kadar kematian Bumiputera di luar bandar masih banyak daripada di bandar-bandar. Lembaga memang insaf perkara ini dan sentiasa cuba memperbaiki kedudukan seperti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda akhir sekali telah mengulas beberapa perkara yang telah ditimbulkan, khususnya oleh Ahli-ahli dari Pembangkang. Saya berterima kasih kepada beliau kerana membantu saya menjimatkan masa saya. Oleh itu saya tidak bercadang mengulangi apa yang beliau telah katakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sampai di situ sahajalah ulasan atau jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi kan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, 1981 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, 1981 telah diwartakan pada

19hb Februari, 1981 selepas mendapat restu Diraja pada 12hb Februari, 1981. Untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini sebuah Perbadanan ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Perbadanan adalah dipertanggungjawabkan untuk memegang, memelihara dan mengembangkan perusahaan filem di Malaysia. Bagi maksud ini atas Perbadanan adalah ditugas serta mempunyai kuasa sebagaimana termaktub di dalam Akta seperti berikut:

- (a) membuat syor-syor kepada Menteri tentang dasar-dasar, cara-cara dan langkah-langkah yang hendak diambil untuk menggalakkan, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman;
- (b) untuk memaju dan mendorong perkembangan dan mengekalkan taraf perusahaan perfileman dengan berbagai-bagai cara termasuk mengadakan perkhidmatan penyelidikan dan nasihat;
- (c) untuk mengawal dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti orang-orang dan badan-badan berkaitan dengan perkara-perkara berhubung dengan perusahaan perfileman;
- (d) amil untuk menggalak dan membantu dalam memajukan perusahaan perfileman di dalam dan di luar Malaysia;
- (e) untuk mengawal dan mengawasi pengeluaran, pendedaran dan pameran filem-filem dalam Malaysia dan berhubung dengan nya membuat peruntukan bagi mengeluarkan lesen-lesen; dan
- (f) untuk mengurus dan mengawasi penyelenggaraan dan pengendalian tempat-tempat dan peralatan kepunyaan perbadanan.

Perbadanan adalah mempunyai kuasa untuk melakukan segala kuasa yang bermanfaat dan semenasabahnya perlu atau yang bersampingan dengan

menjalankan tugas-tugasnya dan khususnya tetapi tanpa menyentuh ke-luasan makna yang tersebut itu. Ini adalah mempunyai kuasa :

- (a) untuk menjalankan tinjauan-tinjauan berkenaan dengan per-usahaan perfileman dan men-jalankan kajian-kajian kemung-kinan bagi memajukan penge-luaran filem setempat;
- (b) untuk mengadakan kemudahan latihan dan untuk mengawas dan menyelia pelaksanaan projek-projek dan program-program latihan berhubung dengan per-usahaan perfileman;
- (c) untuk mengadakan atau mem-bantu dalam pengeluaran perkhidmatan-perkhidmatan; kemudahan-kemudahan dan per-alatan perfileman untuk penge-luar-pengeluar, penganjur-penganjur dan pemamir-pemamir filem dan pemunya-pemunya dewan wayang gambar tetapi sendiri tidak mengambil bahagian dalam pengeluaran filem secara lang-sung atau secara tidak langsung;
- (d) untuk menerima sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberi olehnya apa-apa commission atau bayaran yang dipersetujui;
- (e) untuk memberi apa-apa subsidi atau kemudahan kredit tetapi tidak dengan apa juga cara untuk membolehkannya mengambil bahagian di dalam pengeluaran filem secara langsung atau se-cara tidak langsung;
- (f) untuk meletak dan melewy fee atau lain-lain bayaran berhubung dengan pelaksanaan tugas-tugas-nya dan perjalanan kuasa-kuasa di bawah Akta ini;
- (g) untuk mengambil bahagian dalam pertubuhan-pertubuhan antara bangsa yang berkaitan dengan perusahaan perfileman dan untuk mengadakan, menganjur dan mengambil bahagian dalam pesta-pesta, pameran-pameran dan

seminar-seminar filem atau apa-apa aktiviti yang seumpamanya di dalam dan di luar Malaysia;

- (h) untuk menubuhkan institusi-institusi, pusat-pusat kecil dan bengkel-bengkel untuk menjalankan penyelidikan dan lain-lain akti-viti yang perlu atau yang ber-kaitan dengan kemajuan per-usahaan perfileman;
- (i) untuk mengadakan dorongan bagi perusahaan perfileman;
- (j) untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai berbagai-bagai aspek perusahaan perfileman; dan
- (k) untuk melakukan apa-apa per-kara lain sebagaimana yang di-arahkan oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam men-jalankan aktiviti-aktiviti, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia mendapati beberapa kekurangan dalam Akta yang menjejaskan kegiatannya. Justru itu Kerajaan memutuskan men-cadangkan beberapa pindaan yang sewajarnya untuk menyelaraskan Akta ini dengan lain-lain Akta yang mem-punyai kaitan dengan filem serta mem-beri kuasa yang lebih berkesan kepada Perbadanan untuk membangun, me-ngawal dan mengawasi industri per-fileman termasuk industri video.

Seksyen-seksyen yang dicadang dipinda ialah Seksyen 2, Seksyen 7 (2), Seksyen 25 (1) dan Seksyen 34 (2). Beberapa Seksyen baru yang dicadang-kan ialah Seksyen 22 (a); Seksyen 24 (a) dan Seksyen 24 (b); Seksyen 26 (a); 26 (b); 26 (c); 26 (d); 26 (e); 26 (f); 26 (g); 26 (h); 26 (i); 26 (j); 26 (k); 26 (l) dan 34 (a). Manakala Seksyen-seksyen yang dicadang dibatalkan iaitu Seksyen 30 dan 31.

Yang penting mengenai pindaan-pindaan ini ialah dengan pindaan ini terdapat Seksyen baru 24 (a), mem-bolehkan bayaran iaitu "film charges" dikenakan ke atas filem-filem yang di-import. Ini bertujuan untuk mengawal dan mengawasi kemasukan filem dari

luar negeri di samping mewujudkan satu tabung bagi membiayai pengeluaran filem subjek ringkas di Malaysia. Di samping itu kini; diwujudkan satu bahagian baru iaitu Bahagian 5 (a) mengenai kuasa-kuasa penguatkuasaan untuk membolehkan pegawai-pegawai tertentu mengambil tindakan bila-bila perlu terhadap pemegang-pemegang lesen, pengeluar, pengedar, pemamer filem dan video.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menerangkan tujuan-tujuan diadakan pindaan itu mengenai Fasal.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini iaitu dengan memasukkan takrif "pegawai berkuasa" yang akan menjalankan tugas-tugas penguatkuasa; takrif "pemegang lesen" sebagai seorang yang dilesenkan di bawah Akta dan juga takrif "filem subjek ringkas" takrif "filem dan pengeluaran filem" adalah juga dipinda supaya merangkumi pengertian dan aktiviti pita video.

Fasal 3 bertujuan meminda Seksyen 7 (2) untuk menghadkan Perbadanan dari mewakili tugas membuat peraturan-peraturan. Tugas ini tidak boleh diwakilkan pada mana-mana pihak.

Fasal 4 mengemukakan cadangan memasukkan Seksyen baru Seksyen 22 (a). Peruntukan ini akan membolehkan Perbadanan menjalankan program penggalakan pengeluaran filem-filem subjek ringkas yang berunsur tempatan untuk tayangan kepada orang ramai. Filem-filem yang dianggap baik akan dibeli oleh Perbadanan.

Fasal 5 mengemukakan dua Seksyen baru iaitu 24 (a) dan 24 (b). Seksyen 24 (a) membolehkan Perbadanan mengenakan bayaran filem ke atas semua filem-filem yang diimport. Hasil dari kutipan ini akan digunakan untuk membiayai pembelian filem subjek ringkas yang disebutkan di atas.

Seksyen 24 (b) pula membolehkan andaian dibuat mengenai pengedaran filem jika seorang itu memiliki lebih dari dua salinan filem. Peruntukan yang sama terdapat di dalam Akta Hakcipta, 1969.

Fasal 6 adalah mencadangkan dipinda Seksyen 25 untuk membolehkan mahkamah mengenakan juga hukuman denda seperti yang diperuntukkan di bawah Akta ini supaya selaras dengan peruntukan kesalahan-kesalahan Akta-akta yang lain.

Seterusnya Fasal 7 mencadangkan diadakan peruntukan-peruntukan baru sebagai bahagian 5 (a) iaitu Seksyen-seksyen 26 (a) hinggalah 26 (l). Di bawah Seksyen-seksyen yang dinyatakan oleh pegawai berkuasa yang menjalankan tugas-tugas pemeriksaan dan penyiasatan mereka.

Sebaliknya, Fasal 8 dicadangkan Seksyen-seksyen 30 dan 31 dipotong untuk membolehkan pendakwaan di bawah Akta ini dibuat juga di Mahkamah Majistret dan kesalahannya didisaman sahaja.

Fasal 9 Rang Undang-undang ini bertujuan memberi kuasa kepada Perbadanan untuk mengkompaun.

Fasal 10 adalah mengemukakan Seksyen baru iaitu Seksyen 34 (a) untuk memberi kuasa kepada Menteri mengecualikan mana-mana pihak dari mana-mana atau semua peruntukan Akta ini.

Akhir sekali, Fasal 11 adalah untuk membetulkan kepada perkataan "rencana" dalam takrif filem-filem kepada "cerita" dalam teks Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa pelaksanaan untuk membangun, memelihara dan mengembangkan perusahaan perfileman di Malaysia dapat dijalankan dengan lebih licin dan teratur maka adalah perlu bagi pindaan-pindaan yang dicadangkan ini dibuat kepada Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, 1981.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.25 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Pindaan) 1984 yang baru tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa perkara yang penting yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini dan yang begitu mustahak kepada pembangunan dan perkembangan industri filem.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan berupaya memberikan beberapa penjelasan demi kepentingan industri ini.

Semasa Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia ditubuhkan menerusi satu Akta Parlimen dalam tahun 1981 saya ada memberi sokongan kepada penubuhannya kerana saya secara ikhlas merasai bahawa adalah tiba masanya bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu menubuhkan sebuah Perbadanan yang boleh membangunkan industri filem tempatan kita.

Adalah diingatkan kembali, Tuan Yang di-Pertua, bahawa satu daripada fungsi-fungsi utama Perbadanan ini ialah membuat recommendation atau cadangan kepada Yang Berhormat Menteri mengenai dasar-dasar, cara-cara dan tindakan-tindakan yang perlu

diambil untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan industri filem dan juga untuk membangunkan dan merangsang perkembangan industri filem menerusi berbagai cara.

Menurut Akta ini, industri filem adalah termasuk kegiatan-kegiatan pengeluaran filem, pengedaran dan pertunjukan yang dilakukan di dalam negara kita.

Setelah menimbangkan fungsi-fungsi utama ini saya suka membangkitkan soal saya berhubung dengan penganan satu bayaran filem (film charge) terhadap setiap filem yang diimport oleh pemegang lesen sebelum sesuatu filem diedar sebagaimana yang diterangkan dalam Fasal 5 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi pandangan saya bahawa penganan bayaran filem ini adalah tidak begitu adil dan mungkin dengan cara yang serius mengancam industri filem.

Tuan Yang di-Pertua, industri filem ialah salah satu industri yang dikenakan cukai yang berat di negara ini. Kita ambil contoh mengenai pertunjukan filem. Pengusaha-pengusaha pawagam terpaksa membayar kepada Kerajaan yang berkaitan antara 25% hingga 30% cukai hiburan ke atas setiap tiket yang dijual. Hasil yang diperolehi dari cukai hiburan ialah lebih kurang \$30 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah panjang lagi?

Tuan Lee Lam Thye: Ya, saya suka sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung esok. Ahhli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.